

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 16	Khamis	31 Mac 2016
----------------	---------------	--------------------

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015	(Halaman 26)
Rang Undang-undang Syarikat 2015	(Halaman 82)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 31 Mac 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah usaha dan rancangan Kementerian untuk menggalakkan industri akuakultur di Jerantut memandangkan Jerantut mempunyai sumber air sungai yang baik dan bersih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sehati sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sahabat saya dari Jerantut. Oh ya, terlupa, tadi sudah *prepare* dah. Terlupa pula, hendak mengalu-alukan rombongan daripada PPD Perak Tengah yang ramai-ramai di atas itu ke Dewan kita pada pagi ini. Selamat datang kita ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014, pengeluaran ikan air tawar bagi negeri Pahang berjumlah 11,369 tan metrik dengan nilai sebanyak RM136 juta. Kawasan-kawasan pengeluaran ikan air tawar di negeri Pahang yang utamanya adalah di Pekan, Bera, Raub, Jerantut dan Temerloh. Temerloh memang terkenal dengan ikan patin. Sejumlah 165 orang penternak ikan air tawar di Jerantut yang terdiri daripada 67 orang penternak sangkar ikan air tawar dan 98 orang penternak kolam air tawar yang sedia ada dan menghasilkan sebanyak 1,339 tan metrik bernilai RM20 juta. Itu pada tahun 2014.

Soalan spesifik khusus mengenai Jerantut. Bagi memastikan jaminan bekalan makanan melalui peningkatan pengeluaran, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pembangunan projek ternakan ikan sangkar secara kluster di Daerah Jerantut. Di antara aktiviti akuakultur yang dijalankan adalah ternakan ikan kolam, sangkar serta tangki, *hatchery* ikan air tawar dan ternakan ikan hiasan.

Jabatan Perikanan Malaysia turut mempunyai pusat pengembangan akuakultur di Perlok, Jerantut. Ia merupakan satu pusat pengeluaran dan penyelidikan ikan asli. Pusat ini telah berjaya mengeluarkan pelbagai spesis ikan asli air tawar seperti ikan patin, kelah dan lampam. Bagi tahun 2016 ini, Kementerian Perikanan dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia turut akan membaik pulih 35 buah kolam terbiar dan juga membaik pulih sistem saliran air masuk keluar

kolam, pusat pengumpulan hasil di Kampung Binjai dengan anggaran kos berjumlah RM485,000. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penerangan yang diberi. Cuma saya ingin menarik perhatian kerajaan. Umum mengetahui, pusat pembenihan ikan di Perlok, bersebelahan dengan Parlimen Kuala Krau itu memang menghasilkan benih ikan. Cuma saya mengharapkan agar diperhebat lagi pengeluarannya agar petani-petani atau penternak di kawasan berhampiran, termasuk di Jerantut dan Parlimen Kuala Krau akan mendapat faedah yang lebih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, di Jerantut ini saya dapati lebih kurang 1,414 buah kolam sangkar yang ada buat masa ini dan kalau campur dengan yang tidak didaftarkan, lebih kurang dua ribu. Kalau sekiranya diusahakan dengan sepenuhnya, kita mengambil purata 1,200 benih pada satu kolam ini. Ia diternak dua kali setahun, ia menghasilkan hampir tiga juta tan ikan, kalau dibuat secara sistematik. Persoalan saya, apabila pengeluaran ini banyak, biasanya petani boleh menghasilkan hasil yang banyak tetapi rantai pemasarannya menjadi masalah kepada petani.

■1010

Persoalan saya berkaitan dengan penternak ikan air tawar ini ialah rantaian pemasaran yang baik adalah sangat penting sebagai pemangkin pembangunan akuakultur. Sejauh manakah pusat pengumpulan dan pengedaran CDC ikan air tawar ini berupaya membantu pengusaha akuakultur ini untuk memasarkan hasil-hasil mereka dengan lebih baik jika dibandingkan dengan sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Jerantut, sebut juga kawasan Parlimen Kuala Krau. Sekarang musim kemarau, air Sungai Pahang kering Yang Berhormat. Ikan sangkar, nelayan ikan sangkar nampaknya terjejas teruk. Saya ucap terima kasih kerana perikanan telah turun ke kampung untuk membuat bancia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima Tuan Yang di-Pertua. Kita akan bantu, tak banci, kita akan baiki kolam itu *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerantut. Pada masa ini pusat pengumpulan tidak ada lagi, kita belum ada pusat pengumpulan. Yang ada di Perlok itu, pusat pengembangan buat kajian dari segi benih dan sebagainya. Masing-masing, penternak yang kecil-kecil ini Tuan Yang di-Pertua, dia simpan di tempat masing-masing. Dari segi pemasaran juga, pada masa ini masih lagi menjual kepada peraih-peraih, kepada orang tengah.

Akan tetapi *alhamdulillah* harga ikan pada masa ini baik, udang dapat harga yang baik dan juga ikan-ikan yang lain. Tetapi ada baik lagi kalau boleh, penternak menjual ikan mereka sendiri, tidak kepada orang tengah. Kita telah wujudkan MyFarm Outlet di Putrajaya umpamanya dan juga tempat-tempat pasar tani, pasar tani kekal dan sebagainya. Boleh jual terus tetapi masalah banyak daripada orang kita ini, hendak kerja senang tak mahu kerja susah-susah.

Dia tangkap, jual. Tangkap, jual. Jual pun kepada peraih. Jadi walau bagaimanapun dari segi untuk membantu penternak-penternak ikan air tawar ini, kita banyak program yang dibuat oleh kerajaan termasuk umpamanya memberikan latihan kepada mereka. Sekolah perikanan ada di Perak, di Setiawan di mana kita melatih mereka, perlu beri latihan supaya mereka boleh mengendalikan perusahaan ini dengan lebih baik lagi kerana banyak cabaran, cuaca, penyakit dan sebagainya. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita lihat fenomena El-Nino yang memberi kesan yang besar terhadap air-air sungai terutama yang melibatkan industri akuakultur sekarang ini menyebabkan kesan yang cukup besar terutama kepada penternak-penternak ataupun kepada yang memelihara ikan ini. Jadi, sejauh mana anggaran yang telah dibuat oleh kementerian, kerugian yang telah dihadapi dan apa perancangan kementerian untuk memastikan supaya industri ikan ini tidak terus mengalami kerugian akibat fenomena cuaca panas ini.

Seterusnya, sejauh mana kajian yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan keperluan permintaan terhadap ikan air tawar ini yang semakin menggalakkan sama ada pasaran dalam dan luar negara supaya negara kita dapat mengeluarkan hasil yang mencukupi terhadap permintaan pasaran dalam dan luar negara. Minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada El-Nino ini, di Pahang sahaja kita mengalami di mana sebanyak RM4,629,000 juta nilai tangkapan ikan yang terjejas, RM4.629 juta. Kolam yang rosak sebanyak 159 dan sangkar yang rosak sebanyak 2,024 sangkar. Jumlah penternak yang terlibat ialah 215. Saya beri angka-angka bagi negeri Pahang sahaja. Bagi negeri-negeri lain saya tidak ada di sini sebab soalan lebih menjurus kepada Jerantut, satu kawasan dalam negeri Pahang. Jadi, apa yang kita boleh buat untuk membantu mereka ini, saya dimaklumkan oleh pegawai, setiap orang daripada penternak ini akan diberikan lebih kurang RM2,500 untuk mereka memulakan semula penternakan ikan sangkar mereka ini.

Tapi ini tak cukup Tuan Yang di-Pertua. Tak cukup sebab satu sangkar pun, nilainya ada yang sampai RM5,000. Kalau satu orang ada 3 sangkar, RM15,000. Tetapi almaklumlah tak mungkin kita akan bagi semua. So, RM2,500 itu sebagai menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada mereka. Jadi, kita harap ada pihak-pihak yang lain boleh membantu wakil rakyat, tak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang, masing-masing boleh juga membantu sedikit sebanyak ataupun mencari sumber-sumber lain, jabatan-jabatan lain tetapi kita jadi pemangkin ataupun pembimbing kepada mereka untuk memulihkan semula. Selain daripada itu, kementerian juga akan memperbaiki dari segi pengairan dan juga mungkin sungai-sungai. Ini jangka panjang, sungai-sungai mungkin kena ada buat empangan supaya *water level* ataupun paras air tidak akan terjejas apabila suhu panas berlaku seperti yang ada berlaku pada hari ini. Terima kasih.

2. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Kewangan menyatakan selain daripada pihak bank, siapakah pihak-pihak lain yang turut diberi kuasa untuk menyenarai hitam seseorang pelanggan di bawah CTOS dan CCRIS. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk mengkaji semula sistem CTOS.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tiada mana-mana pihak berkuasa atau Agensi Pelaburan Kredit atau APK swasta yang dilantik atau mempunyai hak untuk menyenarai hitam mana-mana individu yang tidak mematuhi obligasi pembayaran kredit seperti mana anggapan sesetengah pihak. Izinkan saya membetulkan pemahaman berkenaan istilah senarai hitam atau *blacklist* yang sering disalah guna pemakaiannya oleh pihak-pihak tertentu dan ternyata mengelirukan.

Aktiviti pengumpulan dan penzahiran maklumat kredit yang dijalankan oleh *Central Credit Reference Information System* atau CCRIS dan CTOS Data Systems Sdn. Bhd. atau CTOS adalah dibenarkan sebagaimana ditetapkan di bawah seksyen 47, Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan seksyen 11 Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, Akta 710. CTOS telah berdaftar sebagai APK sejak 15 April 2014 dan diberi satu perakuan pendaftaran oleh Kementerian Kewangan. Setakat hari ini, terdapat 7 APK swasta yang berdaftar iaitu CTOS Data Systems Sdn. Bhd, Credit Bureau Malaysia Sdn. Bhd., RAM Credit Informations Sdn. Bhd., Dun & Bradstreet (Malaysia) Sdn. Bhd., Fis Data Reference Sdn. Bhd., Basis Corporation, MCDS Network Services Sdn. Bhd.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, penyediaan laporan kredit berkenaan individu ataupun syarikat yang dijalankan oleh CCRIS atau pun CTOS dan APK yang lain tidak melibatkan sebarang pandangan berkenaan maklumat dalam laporan kredit. Laporan kredit disediakan atas permintaan institusi kewangan bagi menilai tahap kebolehpercayaan pelanggan, *credit worthiness* untuk diberikan kredit. Penilaian kredit yang dijalankan tidak tertumpu kepada laporan kredit sahaja tetapi turut mengambil kira garis panduan dalaman dan pemarkahan kredit ataupun *internal credit scoring* dalam bank ataupun institusi tersebut. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya telah dengar dengan teliti jawapan yang telah diberikan oleh Menteri. Saya juga nampak keperluan kepada pelbagai pihak kenapa kita perlu ada CTOS dan CCRIS.

■ **1020**

Walau bagaimanapun, ada kalanya saya nampak ia tidak lojik. Yang Berhormat Menteri, walaupun pihak institusi kewangan ini mempunyai kriteria ia sendiri untuk menentukan sama ada hendak beri pinjaman ataupun tidak, tetapi apabila nama seseorang itu dimasukkan, disenaraikan bawah CTOS atau CCRIS, biasanya mereka menghadapi masalah untuk dapat pinjaman dari bank untuk membeli kereta, rumah dan sebagainya.

Saya risau, saya difahamkan juga bahawa ada *service provider* tertentu seperti Astro, seperti syarikat-syarikat telekomunikasi, seperti Courts dan sebagainya pun ada akses kepada CTOS ini. Apabila pelanggan mereka tidak membayar Astro RM60, boleh masuk CTOS. Kalau

sebab RM60 nama dia masuk dalam CTOS dan ia dijadikan sebagai satu kriteria untuk mereka tidak boleh beli rumah dan sebagainya, ini akan menimbulkan banyak masalah.

Kedua, yang CCRIS ini, saya nampak di bawah CCRIS ini, PTPTN ada di bawah CCRIS. Bagi pelajar-pelajar yang tidak membayar PTPTN, nama dia boleh dimasukkan di bawah CCRIS. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya dapat maklumat bahawa di UPSI ada 120 orang graduan tahun lepas masih belum dapat kerja. Kalau kita lihat di institusi-institusi lain, mungkin ramai graduan yang telah mengambil pinjaman daripada PTPTN mereka tidak dapat kerja. Kalau mereka tidak bayar pinjaman PTPTN, nama mereka boleh dimasukkan dalam CCRIS...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Ini sesi soal jawab lisan, Yang Berhormat. Bukan perbahasan ya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya faham Tuan Yang di-Pertua. Sebab, saya kena beritahu dulu apa masalah, baru saya boleh tanya soalan. Kalau tidak, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak faham kenapa saya timbulkan masalah ini.

Yang Berhormat Menteri, jadi saya hendak tanya... *[Disampuk]* Sudahlah Yang Berhormat Bagan Serai, ini *floor* saya. Tunggu dahulu, nantilah Yang Berhormat cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, saya hendak tanya soalan. Saya belum tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Okey, boleh tidak Yang Berhormat Menteri sekurang-kurangnya membatalkan CCRIS untuk PTPTN dan CTOS untuk *service provider* yang lain kecuali untuk institusi kewangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan *simple*. Boleh atau tidak? Itu sahaja.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, sebelum saya jawab soalan Yang Berhormat, pertama kita kena *understand function of* CCRIS dan CTOS. CCRIS ini adalah satu servis yang dibuat di bawah Bank Negara di mana semua bank boleh melihat data seseorang peminjam.

Contohnya, kalau satu bank A untuk beri pinjaman kepada Ahmad, kemudian bank A tidak tahu apa pinjaman dia kepada bank-bank lain. Jadi kalau dengan adanya data akses CCRIS ini, ia membolehkan bank A ini yang hendak bagi pinjaman kepada Ahmad ini menilai kebolehan pembayaran balik terhadap peminjam ini. Jadi kalau dia dapat tengok dari bank-bank lain, ini dia bayar rumah RM1,200, bayar kereta RM800, bayar *personal loan* RM600, bayar kredit kad RM500, jadi kalau dia hendak pinjam lagi RM10,000 sedangkan *income* dia cuma ada RM4,000, itu sudah membolehkan bank mengatakan bahawa dia tidak mampu untuk bayar.

Jadi untuk jawab Yang Berhormat punya soalan tadi, sama ada CCRIS ini ada simpan data peminjam-peminjam PTPTN, saya hendak kena *check* sebab yang itu saya tidak ada

maklumat. Akan tetapi saya tahu CCRIS ini khas untuk *financial institution*. Akan tetapi kalau ada dalam itu, sebenarnya apabila dia ada dalam itu tidak semestinya bahawa bank tidak boleh bagi pinjam.

Kalau kita ada pinjaman yang kita tidak bayar, contoh RM60 atau RM70 dalam CTOS, kemudian kita minta pinjaman kereta *for example*, yang kita hendak kena bayar RM800 atau RM1,200 tetapi pendapatan kita boleh kita buktikan kepada bank gaji kita RM5,000 atau hingga RM6,000 boleh bayar, mereka tidak menggunakan RM60 itu sebagai alasan. Alasan RM60 itu cuma alasan diguna pakai yang tidak munasabah. Sebab, kadang-kadang ada kes yang kita tidak bayar dengan telco atau Astro kalau kita ada *dispute*. Kalau kita ada *dispute* RM60, RM100 sedangkan kita berkemampuan untuk bayar *installment* rumah dan kereta, bank tidak akan stop bayar kita. Ia tidak akan tidak memberi pinjaman kerana ada RM100 atau RM200. Sebab, RM100, RM200 itu dengan pihak utiliti ialah untuk kita buat keputusan sama ada benarkah mereka ini merupakan orang yang tidak suka bayar.

Akan tetapi cuba bayangkan kita dalam itu, Courts Mammoth kita tidak bayar, Astro kita tidak bayar, Celcom tidak bayar, Maxis tidak bayar. Jadi, itu melambangkan bahawa karakter orang itu. Semua dia hutang telco tidak bayar. Selepas habis satu telco, dia *move to another telco*. So, *these are the characters* yang menunjukkan bahawa *financial institution* kena disiplin orang-orang ini. Jadi kesannya ialah *good* kepada *financial system* kita. Tidak ada sebab maklumat-maklumat ini menjadi alasan untuk tidak bagi. Ya, *at the end of the day*, dia *depend on* kita punya *ability to pay*. Okey.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, lama saya tidak dengar...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Jerlun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya lah, menghormati orang kawasan Jerlun, yang lain semua duduk. Ya, kawan-kawan yang lain apabila sebut Yang Berhormat Jerlun itu, saya tidak panggil pun lagi, yang kawan-kawan pun menghormati Yang Berhormat Jerlun. Sila, sila. [Ketawa]

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya. Kita juga mendapat laporan kadang-kadang berpengalaman sendiri di mana ada setengah macam *private debt collector* yang bertindak kononnya bagi pihak institusi kewangan yang menghantar SMS dengan kata-kata yang berbentuk ugutan. Contohnya, "*Kami akan pergi ke rumah anda, sekian-sekian, kami akan laporkan kepada ketua jabatan anda sekiranya tidak bayar apa-apa semua ini*".

Soalannya adalah adakah, pertamanya, bank ataupun institusi kewangan ini dibenarkan melantik mereka ini? Mungkin dengan juga ada *arrangement* mendapatkan komisen dan sebagainya. Apakah tindakan rakyat ataupun orang yang terlibat ini sebagai *remedial action*, sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Institusi kewangan memang dibenarkan untuk melantik *debt collector*. Akan tetapi, *debt collector* tidak ada hak untuk ugut siapa-siapa yang tidak bayar. Kalau ada pelanggan-pelanggan yang diugut oleh *debt collector*, dia boleh melaporkan kepada polis dan laporkan pada Bank Negara. Institusi mana yang melantik agensi ini, kemudian agensi ini mengugut untuk orang bayar dan orang tidak boleh bayar dia ugut macam-macam, jadi kita boleh lapor kepada pihak polis dan dia lapor balik pada Bank Negara. Maka tindakan akan diambil kepada *financial institutional* yang melantik syarikat-syarikat *debt collector* yang menggunakan kekerasan apabila mengutip hutang. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada cabaran CCRIS ini yang dikawal selia oleh Jabatan Kredit Bank Negara kepada semua institusi perbankan adalah keperluan untuk memastikan dan menjaga kerahsiaan maklumat peminjam hanya apabila diminta, *on request* sahaja. Semua Jabatan Kredit di bawah Bank Negara ini adalah tertakluk kepada Akta Bank Pusat 2009 yang mana menggariskan semua maklumat kita yang diberi ini adalah bertujuan untuk penilaian kredit sahaja.

Jadi, soalan saya Yang Berhormat Menteri, memandangkan semua maklumat ini, daripada yang disediakan oleh Jabatan Kredit kepada semua bank ini dianggap rahsia dan juga *classify*, maka adakah pegawai-pegawai yang tertentu sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk akses kepada CCRIS ini bagi mengelak supaya apa juga maklumat ini tidak dapat disalurkan kepada pihak ketiga? Juga, apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh bank-bank ini dalam menilai *credit rating* setiap peminjam ini? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Semua maklumat yang ada dalam CCRIS ini adalah rahsia. Tidak ada orang boleh akses maklumat ini kecuali pihak peminjam. Kalau pihak peminjam hendak pinjam rumah, kereta, *personal loan* atau hendak buat *application credit card* kepada institusi, institusi boleh suruh dia *sign* satu surat untuk dia dapat maklumat CCRIS. Institusi kewangan tersebut tidak boleh pergi *check* sewenang-wenangnya kalau tidak ada *application*.

Application mesti datang daripada orang yang memohon untuk buat pinjaman dan dia akan buat satu surat tandatangan untuk membenarkan pihak kewangan ini, institusi kewangan ini untuk mendapatkan maklumat daripada CCRIS. Maklumat yang diperolehi daripada CCRIS ini hanyalah untuk institusi kewangan tersebut dan juga pengetahuan kepada yang empunya diri. Tidak ada orang boleh gunakan maklumat ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalau ada maklumat-maklumat ini terbocor dan termasuk dalam CTOS dan kita merasakan benda itu tidak betul, sebenarnya kita ada akta yang boleh mengenakan tindakan *fine or penalty* RM500,000 kepada operator-operator yang mengumpul data ini. Kemudian boleh penjara dua tahun *and* boleh kompaun RM250,000 kalau kita boleh buktikan dia letak kita punya maklumat dalam itu tidak betul.

■1030

There is akta untuk *protect* kita semua. Jadi kalau ada mereka-mereka yang teraniaya kerana ada syarikat-syarikat APK ini yang masukkan data-data kita kerana tujuan penganiayaan,

kita ada bukti yang mana kita tidak bankrap dan kita tak ada hutang mana-mana bank tetapi ada dalam *database* mereka, kita boleh ambil tindakan dan bawa kepada Kementerian Kewangan. Kita akan pastikan bahawa dia akan kena *fine*. Kalau kita boleh kompaun dia RM250 ribu atau bawa pergi mahkamah RM500 ribu *fine* ataupun dua tahun penjara. Ini memang ada akta dan undang-undang untuk *protect* mereka. Terima kasih.

3. Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bagaimana sebarang bahaya daripada *genetically modified organism* atau GMO dapat dielakkan memandangkan Malaysia masih lagi bergantung kepada pengimportan makanan haiwan yang diubahsuai secara genetik.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam bahagia. Tuan Yang di-Pertua, hampir 68% daripada *genetically modified organism* ataupun GMO yang diluluskan di Malaysia adalah untuk kegunaan sebagai makanan dan makanan haiwan. Namun demikian, sebarang pengimportan adalah tertakluk kepada pematuhan Akta Bio Keselamatan 2007. Akta Bio Keselamatan 2007 memperuntukkan hanya GMO yang telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Keselamatan Kebangsaan dibenarkan untuk diimport.

Kelulusan dengan terma dan syarat bagi sesuatu GMO akan diberi selepas jawatankuasa teknikal iaitu Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik membuat penilaian risiko ke atas penggunaan GMO tersebut. Hanya GMO yang mempunyai risiko yang rendah dan dapati selamat khususnya daripada aspek impaknya terhadap kesihatan manusia, haiwan dan tumbuhan serta ekosistem dan biodiversiti akan diperakui untuk diluluskan.

Sebagai langkah keselamatan tambahan, Lembaga Biokeselamatan juga meluluskan pelan tindakan kecemasan atau *emergency response plan* yang harus dilaksanakan apabila berlaku sebarang perkara yang membahayakan dan dinyatakan dalam seksyen 37. Selain itu, jika terdapat maklumat atau keterangan baru tentang risiko sesuatu GMO yang telah diluluskan sebelum ini. Khususnya ke atas kesihatan manusia, tumbuhan ataupun haiwan, alam sekitar ataupun kepelbagaian biologi selepas kelulusan diberi, Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan boleh mengkaji semula kelulusan itu pada bila-bila masa dan boleh membatalkan kelulusan tersebut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 18.

Seksyen 12 akta tersebut juga memperuntukkan supaya GMO yang tidak diluluskan di Malaysia tidak boleh diimport masuk dan boleh ditahan di pintu masuk negara. Mana-mana pihak yang melanggar seksyen 12 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda antara RM250,000 hingga ke RM500,000 apabila disabit kesalahan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga sebab saya jarang dapat soalan naik ini Yang Berhormat Menteri, terima kasihlah dapat soalan nombor tiga hari ini. *[Dewan riu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ya, soalan tambahan. Soalan tambahan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong, sebenarnya soalan lain selalu naik cuma soalan yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri yang *handsome*, kacak bergaya ini belum lagi dapat. [*Dewan riuh*] Sila, sila.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [*Ketawa*] Ha! Betul, betul. Okey, soalan tambahan saya. Saya mendengar tadi apa Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Hari ini hari Khamis, Yang Berhormat.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [*Ketawa*] Cuma saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, mengenai sejauh manakah penglibatan orang ramai semasa kementerian membuat *public engagement* sebelum satu-satu permohonan GMO ini diluluskan dan apabila kita membuat *public consultation*, ini selalunya tidak akan ramai orang yang hadir. Jadi saya hendak tanya bagaimanakah pihak kementerian dalam usaha untuk menarik lebih ramai lagi mereka ini datang ke *public hearing* ataupun *public consultation* yang dibuat oleh kementerian ini, mereka akan datang. Jadi apa usaha yang dibuat oleh pihak kementerian? Terima kasih banyak.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun rasa tertarik jugalah hari ini tapi kalau di rumah saya Tuan Yang di-Pertua, kalau anak saya kata... "*Eh! Abah looks handsome this morning*". Jadi isteri saya tanya, "*What do you want?*" [*Ketawa*] Jadi saya tak layaklah hendak bertanya dengan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tanya Tuan Yang di-Pertua, ada jawapan itu.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya Yang Berhormat Menteri tertarik kepada isteri bukan kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Ya, saya faham Yang Berhormat, sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan di luar bidang soalan inilah, terkeluar daripada soalan ini. Kalau tak, di luar sana boleh jawab juga. [*Disampuk*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya *public consultancy* ataupun konsultasi awam adalah wajib di bawah biokeselamatan dan tempoh selamat 30 hari diberi untuk pihak awam menyediakan ulasan ke atas sebarang permohonan membawa masuk mana-mana produk GMO ke Malaysia. Pengumuman dibuat menerusi dalam surat khabar, surat rasmi kepada NGO dan media sosial Jabatan Biokeselamatan dan portal kita juga mempunyai bermacam-macam Tuan Yang di-Pertua. Jadi, maknanya *public engagement* itu sentiasa dibuat sebelum satu-satu produk itu dibawa masuk ke Malaysia.

Walau bagaimanapun kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang kita bawa masuk macam kacang soya, jagung, beras dan pelbagai lagi kadang-kadang ia tidak menarik umum. Kalau hendak import beras atau jagung dan sebagainya, hendak buat *public engagement* itu Tuan Yang di-Pertua, nampak dia ganjillah orang kata. Jadi kerana itulah ia tak menarik orang. Kebanyakan barang-barang ataupun perkara-perkara di bawah kementerian ini Tuan Yang di-Pertua, memang tidak menarik perhatian ramai tetapi implikasinya di sebalik itu adalah besar dan banyak risiko yang berikutan dengannya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat. *Sorry*, Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Speaker sayang Kuala Langat lah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang tertarik dengan GMO ini memandangkan banyak produk pertanian yang menggunakan kaedah ini yang memberi hasil atau produktiviti yang baik. Kalau rujuk di luar negeri sebagaimana yang Menteri sebutkan tadi *soya bean*, kapas, jagung dan sebagainya. Jadi tidakkah GMO ini boleh kita manfaatkan untuk menghasilkan contohnya, padi yang hasilnya lumayan di sini umpamanya lebih daripada 10 tan per hektar dan sebagainya. Agaknya, boleh kita manfaatkan ke arah itu? Tadi Menteri sebut 68% daripada produk makanan. Boleh bagi contoh sedikit untuk pengetahuan Dewan ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya sebagainya yang saya sebut tadi, oleh kerana kita sebut beras, jagung, kacang soya dan sebagainya itu kebanyakan produk ini telah melalui, minta maaf menggunakan bahasa Inggeris sedikit, *certain amount of modification* untuk menghasilkannya. Jadi kena difahami juga Tuan Yang di-Pertua bahawa apa sebenarnya yang dikatakan GMO ini.

■1040

Jadi, interpretasi kita ada di bawah undang-undang iaitu di bawah seksyen 3. Saya akan baca, minta maaf. Organisma diubahsuai yang hidup, ertinya mana-mana organisma hidup yang memiliki kombinasi baru bahan genetik yang diperolehi melalui penggunaan bioteknologi moden. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengolah mana-mana pokok, umpamanya padi, dengan *grafting*, dengan mengahwinkan padi itu, itu belum lagi sampai ke tahap menggunakan teknologi moden yang tinggi.

Maknanya, belum diklasifikasikan sebagai GMO. Begitu pokok-pokok durian, pokok rambutan dan bermacam-macam lagi buah-buahan yang masuk ke negara kita yang menggunakan *traditional method of grafting* ini. Ia belum lagi boleh diistilahkan sebagai produk *bio genetic modify organism* ini. Hanya perkara yang menggunakan pengubahan *genome* dan

gen itu sendiri yang boleh mengubahsuaikan, *create* yang lain dan dimasukkan *create* yang baru ke dalam gen dia, barulah DNA itu berubah dan sebagainya.

Mungkin pokok itu sama rupa tetapi isinya, *contain* nya, *scientifically* adalah berlainan. Ini sahaja yang boleh dikatakan GMO ataupun LMO tetapi yang dikahwinkan, yang diapa, kita buat itu, walaupun MR10, MR16 ataupun buah macam-macam lagi kita sebut itu, belum lagi boleh dikatakan GMO Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, ini perlu kita memahami apa sebenarnya LMO ataupun GMO ini dan apakah bendanya kacukan yang kita buat menghasilkan juga ketahanan dan sebagainya. Memang saya amat bersetuju dengan apa Yang Berhormat sebut bahawa GMO ini asalkan ia tidak mendatangkan kesan negatif ataupun keburukan kesihatan kepada manusia, kepada binatang, kepada *biodiversity*, *plant* dan *ecosystem* kita sendiri, itu boleh diterima selain daripada yang telah disebutkan di bawah undang-undang tadi. Saya amat bersetuju Yang Berhormat, terima kasih.

4. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan perincian perangkaan tahunan bilangan penduduk yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah antara 2010-2015, pecahan latar belakang pesalah mengikut etnik, asal atau tempat tinggal (bandar atau luar bandar) serta strategi yang telah dan akan diambil untuk menangani permasalahan ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak, lama tak dengar suara sebab itu soalan ini dinaikkan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan, Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah terkumpul bilangan penagih dadah yang dikesan daripada bulan Januari 2010 sehingga Disember 2015 di Malaysia adalah seramai 127,606 orang.

Daripada itu, pecahannya 88,597 orang penagih baru dan selebihnya 39,009 orang adalah penagih berulang. Bagi tempoh tahun 2010-2015, negeri Pulau Pinang mencatatkan bilangan penagih dadah yang tertinggi iaitu seramai 18,889 orang penagih. Daripada segi keseluruhan mengikut pecahan etnik, bangsa Melayu mencatatkan bilangan penagih dadah yang tertinggi dengan jumlah seramai 100,240 orang bagi tempoh tahun 2010-2015.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan memang mengekalkan dasar untuk membanteras penyalahgunaan dadah dan telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha untuk membanteras masalah penagihan dadah di seluruh Malaysia. Pelaksanaan strategi adalah melalui tiga pendekatan iaitu pendekatan pencegahan, keduanya adalah pendekatan rawatan perubatan dan ketiga adalah pemulihan serta pendekatan penguatkuasaan dan keselamatan dalam usaha untuk membanteras penagihan dadah sehingga ke akar umbi.

Di bawah program pencegahan, beberapa usaha telah dilaksanakan dengan mengadakan program memberikan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada masyarakat dengan memberikan fokus kepada keluarga, institusi pendidikan, tempat kerja dan komuniti.

Pendekatan program pencegahan berfokus juga telah dilaksanakan mulai tahun 2015 dengan memberi tumpuan kepada 178 kawasan berisiko tinggi melalui program My Beautiful Malaysia yang telah dikenal pasti berdasarkan maklumat *profiling* kawasan. Dalam pendekatan rawatan, perubatan dan pemulihan, AADK telah memperkenalkan dua program iaitu program rawatan dan pemulihan dalam institusi melalui pemulihan dalam pusat pemulihan dadah di klinik Cure & Care 1Malaysia dan juga Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) serta program rawatan dan pemulihan dalam komuniti iaitu Cure & Care Service Centre, Caring Community House dan juga Pusat Integrasi Klien. Melalui khidmat prihatin AADK, perkhidmatan klinik Cure & Care bergerak juga menyediakan perkhidmatan untuk semua lapisan masyarakat, terutamanya bagi klien yang terencil, terpinggir dan sukar untuk mendapatkan akses rawatan.

Pendekatan seterusnya adalah penguatkuasaan dan keselamatan, di mana penagih dadah yang enggan menjalani rawatan dan pemulihan secara sukarela di AADK akan ditangkap melalui operasi dan aduan awam. Selain itu, pemantauan ke atas orang yang kena pengawasan ataupun OKP yang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti dilaksanakan selama dua ke tiga tahun dan pengesanan terhadap OKT yang melanggar syarat pengawasan juga diadakan melalui prosedur siasatan dan pendakwaan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kos kepada negara sangat tinggi hasil daripada akibat penyalahgunaan dadah dan juga kepada keluarga dan terutama mereka-mereka ini adalah daripada golongan belia. Saya ada dua isu hendak saya tanyakan. Oleh kerana kita selalu mempelajari tentang tatacara yang kita buat sama ada kita berkesan ataupun tidak. Jadi, oleh sebab itu saya hendak tanyakan sama ada polisi kementerian tentang- saya baca, *treating addiction as a disease, not criminal* ataupun rawatan ketagihan dadah adalah satu penyakit, bukan satu jenayah. Ini akan membuat satu perubahan daripada segi strategi yang untuk mengatasi masalah ini.

Kedua, saya minta satu- boleh jadi jawapan yang bertulis kerana saya rasa di Amerika sendiri, mereka telah membuat beberapa usaha untuk mengkaji sama ada mereka dapat mengatasi masalah dadah ini dan mereka selalu memperbaiki strategi ini. Jadi, oleh sebab itu saya minta pegawai kementerian, *Google yang eight steps to effectively control drug abuse and the dark market*. Jadi, dia telah menulis tentang perkara itu. Kita bandingkan dengan *steps* yang kita buat di Malaysia untuk mengetahui berapa kesan tentang perkara tersebut. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Saya hendak kemukakan statistik mengenai kos peruntukan tahunan bagi rawatan dan pemulihan dadah bagi tahun 2013 hingga tahun 2015. Untuk tahun 2013, sebanyak RM2.9 juta dibelanjakan ke arah rawatan dan pemulihan dadah. 2014, sebanyak RM2.45 juta dan 2015 sebanyak RM2.5 juta.

Jadi maknanya, dalam masa tempoh tiga tahun ini, keseluruhannya adalah RM7.9 juta telah dibelanjakan untuk rawatan dan pemulihan dadah dan belanjanya adalah dianggarkan jumlahnya RM35 sehari untuk seorang. Jadi, saya rasa saya faham apa soalan Yang Berhormat

Bandar Tun Razak tadi iaitu mengenai perubahan dasar daripada segi merawat ketagihan sebagai satu penyakit dan bukan satu kesalahan jenayah.

■1050

Memang kementerian sentiasa mengkaji dasar untuk membanteras dadah ini dan mencari cara yang terbaik untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah. Akan tetapi buat masa sekarang ini, mengikut amalan yang digunakan oleh ASEAN dan juga di negara kita sendiri, kita masih lagi mengekalkan dasar untuk membanteras dadah sebagai satu jenayah. Ini sebabnya adalah kerana perniagaan dadah ini bermula daripada dadah yang *soft*, yang lembut. Apabila mereka yang menagih dadah yang dikatakan lembut ini, dia akhirnya akan lali kerana dadah tersebut mungkin tidak mencukupi dari segi mengkhayalkan mereka. Mereka akan terus mencuba pelbagai lagi dadah yang mempunyai kesan yang lebih mengkhayalkan kepada mereka.

Oleh sebab itu, kita juga melihat kepada sifat-sifat dari segi etnik dan juga dari segi agama. Bagaimanakah seseorang itu boleh terlibat dalam aktiviti penggunaan dadah, selalunya adalah melalui kawan-kawan dan juga melalui pergaulan yang akhirnya juga menyebabkan masalah di dalam keluarga dan sebagainya. Oleh sebab itu, kementerian mengadakan fokus kepada institusi keluarga melalui Program *Family on Alert* dan juga institusi pendidikan bebas dadah melalui Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) dan Program *Tomorrow's Leader* yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan warga institut pengajian tinggi mengenai bahaya dadah dan kepentingan usaha pencegahan agar mereka mengambil tanggungjawab dan mengupayakan diri dalam konteks pencegahan dadah.

Jadi, soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak ini memang sentiasa kita pantau dan sentiasa kita mencari pendekatan yang lebih sesuai. Jadi, buat masa ini masih lagi pendekatan tersebut adalah membanteras dadah sebagai satu jenayah. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Dalam konteks dadah ini, kalau kita tengok pertama sekali, saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia. Hari ini pun dapat 200 lebih kilogram dadah yang ditahan di kawasan Sadau dekat *border* Thailand. Syabas dan tahniah, teruskan usaha ini kepada PDRM. Kedua, saya ingin nyatakan di sini bagaimana kaedah penambahbaikan pihak AADK. Saya melihat pada hari ini memang benar pihak AADK termasuk di kawasan saya di Parlimen Baling begitu aktif, proaktif malah. Akan tetapi pada masa yang sama saya melihat tahap modul mereka masih di takuk yang lama. Padahal dadah sudah *very* sofistikated punya dadah, pada hari ini.

Jadi, apakah tindakan pihak KDN untuk program usaha jangka masa panjang bagi AADK untuk menangani masalah sofistikated punya *drugs* ini. Saya ingin maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen saya, di sekolah mereka sudah boleh *cater* kepada pelajar-pelajar, tiubnya sebesar RM3, RM5. Jadi, maknanya dia sudah pergi sekolah, *this is very serious*. Walaupun di pihak mikro dapat tahan besar-besar, tapi di peringkat kawasan luar bandar tidak kira lagi IPTA, IPTS. Ini di kawasan saya sendiri.

Saya ingin pohon pihak KDN bersama AADK fikirkan modul-modul dan saya hendak tahu kaedah dia, apakah tindakan jangka masa panjang yang sehingga memungkinkan boleh pergi ke sekolah, kadang-kadang anak ini hendak pergi sekolah tanya emak RM5 emak dia tidak bagi. "Buat apa RM5? Hendak beli ais." Emak dia ingat hendak beli aiskrim, bagi RM5 rupanya nama dadah itu ais, yang RM5 itu yang syabu ini ais ini RM5. Jadi kalau tidak bagi RM5 itu bagi RM4, sanggup tidak pergi sekolah kerana tidak cukup hendak beli ais. Emak dia ingat ais kampung ini ais kepal, maka Yang Berhormat Kuala Nerus tahulah ais kepal itu apa, sebab mak mentua dia orang kampung saya di Baling.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Kulai tidak tahu. Itu Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Pokok Sena depa 'thu' lah. Yang Berhormat Sungai Petani 'thu' lah. Jadi dia orang ingat hendak beli ais kepal tetapi rupanya beli ais yang bersamaan dengan iaitu syabu. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Baling. Soalan Yang Berhormat Baling ini, macam dia tahulah mengenai masalah dadah ini. Ini kerana tadi soalan daripada Yang Berhormat Bandar Tun Razak...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini kerana Yang Berhormat Baling ini, Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim berpisah tiada dengan rakyat Baling, jadi kena 'thu' lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tahniah. *Insyallah* akan menyambung lagi perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen di Baling. Jadi, soalan Yang Berhormat Baling tadi ada kaitan dengan soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak kerana dari segi seperti saya maklumkan tadi, soalan Yang Berhormat Bandar Tun Razak adalah sama ada dasar kita boleh menghalalkan *soft drug*, dadah yang mempunyai kesan yang lembutlah. Soalan Yang Berhormat Baling pula lebih *current*, lebih semasa kerana dadah ini dia sentiasa berubah sifat dia.

Kalau dadah yang secara organik seperti ganja dan sebagainya, ini perkara yang, dadah yang merosakkan badan, kesihatan dan pemikiran secara drastik. Akan tetapi sekarang ini dadah yang baru, dadah yang sintetik, dadah yang dibuat secara kimia. Inilah merupakan dadah-dadah yang susah untuk dikenal pasti oleh pihak polis satu, atau pihak berkuasa. Kedua, sifat dadah ini sentiasa berubah dan ia memerlukan perubahan dari segi undang-undang juga.

Ini kerana kalau polis ambil tindakan pun, kalau dadah tersebut belum lagi dimasukkan dalam dadah berbahaya, makna tindakan tidak akan dapat diambil dengan begitu berkesan dari segi perundangan. Akan tetapi apa yang kita buat, kita menggunakan akta langkah pencegahan, langkah khas pencegahan dadah ini supaya kita dapat tangkap mereka yang terlibat dalam aktiviti pencegahan dadah ini dan juga mereka yang terlibat dalam aktiviti penggunaan dan juga pengedaran dadah.

Dadah yang secara sintetik ini dia sentiasa berubah. Apa yang Yang Berhormat Baling katakan tadi memang betul. Sekarang ini bukan sahaja *target group*nya adalah di kalangan golongan menengah, golongan yang berada, mereka yang mengunjungi pusat-pusat hiburan

yang hendakkan *'high'* dari segi untuk hendak menikmati hiburan di dalam pusat-pusat hiburan. Ia juga sudah turun kepada sekolah, kepada anak murid.

Oleh sebab itulah, kita tidak boleh berkompromi dari segi pencegahan penyalahgunaan dadah kerana penagih dadah ini sentiasa merubahkan sifat dadah tersebut, secara berubahkan cara pengambilan dadah tersebut. Juga sentiasa mencari pasaran baru dan sekarang ini pasaran baru yang mereka cari adalah di kalangan anak-anak murid di sekolah kita. Bukan sahaja sekolah menengah, tetapi juga di sekolah rendah.

Jadi, mereka ini bertujuan juga untuk merosakkan generasi akan datang dalam usaha mereka untuk mendapatkan keuntungan daripada segi pengedaran dadah ini. Jadi memang AADK sentiasa berubah cara, berubah pendekatan untuk membanteras penyalahgunaan dadah ini. Akan tetapi masalah ini tetap berkenaan dengan perubahan dari segi sifat dadah tersebut kerana ia boleh diolah secara kimia dan lepas itu banyak cara pengedaran dadah yang boleh diubah daripada semasa ke semasa. Ini yang boleh menyebabkan pengesanan aktiviti, penggunaan dan juga pengedaran dadah ini sukar untuk dibuat oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Akan tetapi pihak berkuasa seperti AADK dan polis akan teruskan usaha untuk membanteras penyalahgunaan dadah ini di semua peringkat. Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Pokok Sena Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah panjang Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Last, last, satu.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan pendek ya. Sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pendek, pendek. Bukan soal dedak, ini soal dadah. *[Ketawa]* Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak dapatkan sedikit maklumat tentang berapa jumlah pengedar-pengedar besar ini yang telah berjaya ditangkap ataupun ditahan oleh pihak berkuasa. Ini sebab antara yang harus dilihat maknanya sejauh mana kecekapan pihak polis mengesan pasukan-pasukan pengedar besar-besar ini yang terdiri daripada tauke-tauke besar.

Keduanya ialah sejauh mana pula pihak kerajaan dalam menilai semula tentang Kempen Antidadah ini dan juga proses pemulihan itu sebab bila kita tengok itu, ada yang berulang. Ada yang berulang kemudian ada yang 100,000 adalah yang baru. Jadi maknanya seolah-olah macam tidak beri kesan kepada mereka.

■1100

Apatah lagi yang saya sedih ialah 100,240 orang itu ialah Melayu. Maknanya ini adalah 80% lebih adalah terdiri daripada orang Melayu. Maknanya ini saya fikir yang perlu dilihat balik ialah kempen dan juga proses pemulihan itu sendiri sebab ini yang dalam kawalan yang dapat dikenal pasti, yang duduk di luar itu yang tidak dapat tidak tahu banyak mana. Jadi maknanya Melayu ini dadah pun banyak, dedak pun banyak. Jadi saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bagi peluang dekat Yang Berhormat Pokok Sena ini fasal dia nampak rapat sudah dengan Yang Berhormat Bukit Gantang. Sila.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Pokok Sena sentiasa tidak tepati janji, tidak amanah. Tadi kata soalan pendek tetapi panjang. *[Ketawa]* Jadi soalan pertama...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia bukan AMANAH, dia PAS.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu saya kata dia tidak amanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya faham, saya faham.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Mungkin dia keliru dia AMANAH ataupun PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak hendak kelirukan Dewan. Dia daripada Ahli Parlimen PAS.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Ketawa]* Jadi, untuk soalan pertama tadi soal kempen itu dia sentiasa berubah jumlahnya tetapi kita sekarang ini kita menggunakan Akta POCA untuk cuba menangkap *kingpin-kingpin* yang ada inilah di negara kita yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

Jadi kadang-kadang lebih baik kita tidak usah cakap apa yang kita tengah buat untuk menangkap mereka lebih baik kita buat sahaja. Nanti bila sudah buat dan sudah tangkap seperti yang dimaklumkan oleh pihak polis baru-baru ini tangkapan besar-besaran dan sebagainya kita akan maklumkan kepada rakyat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kita ucapkan tahniah kepada polis. Betul, Yang Berhormat Baling kata betul. *[Tepuk]* Jadi untuk soalan yang kedua tadi itu saya kata tadi AADK sentiasa melihat kepada punca kenapa penagihan dadah itu berlaku dan penagihan dadah ini dan juga penyalahgunaan dadah ini berlaku di mana-mana negara di dalam dunia. Di negara barat mereka sudah tidak mampu lagi untuk hendak membanteras penyalahgunaan dadah ini sebab itu mereka sedang memikirkan untuk menghalalkan setengah-setengah dadah yang ada seperti ganja dan sebagainya.

Akan tetapi kalau kita buat begitu dia tidak akan menyelesaikan penyalahgunaan dadah juga kerana masalah penyalahgunaan dadah ini adalah berkenaan dengan sifat pengguna itu sendiri. Kenapa dia hendak terlibat dalam penggunaan dadah dan akhirnya fasal dia menggunakan dadah dia memerlukan belanja yang tinggi, dia terlibat dalam pengedaran dadah pula.

Jadi, perkara ini akan berkait dan berterusan dan sebab itulah kita tidak boleh untuk mengambil pendekatan selain daripada mentakrifkan penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah ini sebagai satu aktiviti jenayah. Jadi saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena jangan

risaulah. Buktinya bahawa AADK dan juga pihak penguasaan imigresen berjaya dalam membanteras penyalahgunaan dadah ini.

Pertama kita ada statistik kita iaitu lebih kurang 40% daripada mereka yang menjalani rawatan dan pemulihan dadah ini dapat dibentuk semulalah. Hendak kata pulih terus tidak tetapi dapat dibentuk semula supaya mereka tidak kembali semula kepada pengedaran dadah.

Kedua, apakah tindakan daripada pihak penguat kuasa seperti AADK berjaya kerana jumlah penagihan kita kalau dikira secara *percentage* dengan *population* secara keseluruhannya masih lagi kecil baru 100,000 berbanding dengan 30 juta orang. Jadi ini juga bukan salah satu buktilah yang boleh digunakan untuk menjelaskan bahawa AADK mendapat kejayaan dalam aktiviti pambanteras dadah mereka. Terima kasih.

[Soalan No. 5 - YB. Tan Sri Dato' Sri William Mawan Ikom (Saratok) tidak hadir]

6. Tuan Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah-langkah untuk mengelakkan pencerobohan haiwan demi keselamatan pengguna Lebuhraya Pantai Timur (LPT2).

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dungun di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 133 kes kemalangan termasuk satu kes kemalangan maut yang membabitkan pencerobohan haiwan ternakan atau binatang liar dicatatkan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) bagi tempoh dari 1 Februari 2015 sehingga 29 Februari 2016. Jumlah tersebut merupakan 12% daripada jumlah keseluruhan kes kemalangan iaitu 1,094 kes yang dicatatkan di LPT2 untuk tempoh berkenaan.

Berdasarkan kes-kes kemalangan yang direkodkan pencerobohan haiwan ternakan dan binatang liar itu berpunca daripada pagar rizab lebuhraya yang telah dimusnahkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga membuka ruang haiwan ternakan dan binatang liar menceroboh masuk ke lebuhraya berkenaan.

Sehubungan itu bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian ini telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

- (i) meningkatkan kekerapan rondaan di sepanjang lebuhraya terutama kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlaku pencerobohan;
- (ii) membaik pulih pagar-pagar rizab lebuhraya yang telah dirosakkan itu dengan kadar segera;
- (iii) memasang gegelung dawai berduri atau *bulb wire*, dengan izin di lokasi-lokasi yang sering dicerobohi;
- (iv) bekerjasama dengan pihak Majlis Daerah, Pengerusi JKKK dan Jabatan Veterinar untuk menangani isu-isu berkaitan pencerobohan haiwan ternakan;

- (v) mengedarkan risalah kesedaran dan keselamatan kepada penduduk terutama para penternak haiwan ternakan di lokasi berhampiran lebuhraya;
- (vi) memasang papan tanda amaran dan juga peringatan kepada pemandu menerusi papan tanda elektronik (BMS) serta pemasangan CCTV di lokasi tertentu.

Mengenai isu cadangan laluan-laluan binatang liar seperti harimau, gajah dan tapir melintasi LPT2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau PERHILITAN negeri Terengganu pada 16 Februari 2016 yang lalu.

Berikutan itu adalah antara langkah dan cadangan yang dipersetujui untuk menambah baik ciri-ciri di kawasan atau di bawah jambatan dan terowong kenderaan VVC sedia ada dengan ciri-ciri mesra hidupan liar sebagai laluan binatang liar melintas. Lokasi tersebut akan dikenal pasti oleh Jabatan PERHILITAN, Terengganu dan tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan oleh jabatan tersebut. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih, kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kes kemalangan di LPT2 melibatkan haiwan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nampak pekat Terengganu, 'kemalangan'...

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: ...Mendapat perhatian selepas seekor harimau pada 6 Februari 2016 di Kilometer 321.2 di kawasan Kerteh. Kemalangan ini melibatkan haiwan liar yang mungkin di luar daripada jangkaan kita tetapi yang saya hendak fokuskan untuk penjelasan Menteri pada hari ini adalah berkait dengan haiwan-haiwan ternakan khususnya lembu.

Oleh kerana kita melihat kalau yang kerap menggunakan laluan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan, Yang Berhormat, ya soalan.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Soalan ya. Kekerapan berlakunya kemalangan melibatkan haiwan ternakan khususnya lembu kerana di samping apa yang disebutkan pencerobohan pagar yang berlaku di sana juga kita lihat kemungkinan akan berlaku itu boleh dijangka kerana penternakan haiwan ternak ini dibuat di tepi lebuhraya. Kita boleh jangkakan benda itu akan berlaku dan memang banyak kemalangan yang melibatkan lembu secara khususnya berlaku.

Ada kawasan tempat ragut laluan LPT2 ini melibatkan kawasan tanaman sawit, FELDA.

■1110

Jadi, tentulah perkara yang saya pohon diberikan tindakan segera dan penjelasan ialah bagaimana kita hendak menangani ternakan-ternakan yang sedang wujud di tepi-tepi lebuhraya ini supaya kalau boleh diambil satu perjalanan untuk dialihkan supaya tidak lagi diternak

berhampiran dengan kawasan yang melibatkan LPT2. Ini kerana asas yang penting apabila kita masuk dalam pemanduan di LPT2 ini tentulah kita akan berfikir selamat dan selesa tetapi kadang-kadang berlaku kemalangan di luar jangka, tetapi kita sudah boleh agak ia akan berlaku. Pohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sangat Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Dungun atas soalan tambahan.

Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang disebutkan tadi iaitu 1,094, sebanyak 12 peratus iaitu 133 kes kemalangan melibatkan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau dan tidak dinafikan haiwan liar yang menceroboh masuk dalam rizab lebuh raya. Daripada jumlah tersebut, terdapat satu kes yang melibatkan kemalangan maut di mana seorang pemandu telah melanggar seekor kerbau.

Antara faktor-faktor pencerobohan ke rizab lebuh raya itu ialah lebih bermotifkan ataupun lebih disebabkan oleh faktor manusia di mana pagar rizab lebuh raya atau *ROW Fencing* sering dirosakkan dan dipotong oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab dan pemotongan pagar juga dilakukan oleh penduduk setempat dan pemilik kebun di sepanjang lebuh raya untuk tujuan akses haram, Yang Berhormat.

Seperti yang saya katakan tadi, memandangkan ia melibatkan lebih kepada faktor manusia, kita juga mengambil langkah-langkah seperti yang saya sebutkan awal tadi, selain daripada mengadakan kekerapan rondaan di sepanjang lebuh raya— maktumlah, 184 kilometer bukan satu jarak yang pendek Yang Berhormat, tetapi melibatkan jarak yang cukup panjang.

Selain daripada itu, pihak LLM juga mengambil pendekatan untuk membaik pulih pagar-pagar yang telah dirosakkan dalam kadar segera termasuklah memasang gegelung dawai berduri. Perkara ini dapat dilihat sebagai satu cara untuk mengurangkan risiko. Namun, kita tidak boleh menafikan, masih lagi terdapat perbuatan yang tidak bertanggungjawab datang daripada individu-individu tertentu termasuklah pemilik binatang ternakan.

Selain daripada itu, kita juga mengedarkan risalah kesedaran kepada penduduk setempat di samping memberikan peringatan melalui papan tanda amaran dan juga papan tanda elektronik BMS. Tetapi sekali lagi, ini melibatkan perubahan sikap yang berlaku yang perlu kita terapkan di kalangan masyarakat kita dan Yang Berhormat juga kita mengalu-alukan untuk membantu kita dalam proses ini, kempen kepada orang-orang kampung supaya jangan merosakkan pagar-pagar ataupun wayar yang telah disediakan demi keselamatan bersama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bercerita pasal pencerobohan binatang. Binatang pun ada merosakkan. Yang pentingnya, manusia itu yang masalah merosakkan. Jadi apa tindakan sebenarnya? Ada apa-apa tindakan kolaborasi dengan pihak polis kah apa semua? Tindakan pemusnahan pagar ini mungkin ada

tindakan boleh diambil. Apa setakat ini tindakan telah dibuat? Kita bukan kempen sahaja, tetapi tindakan jenayah mungkin juga kita boleh ambil. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Dari segi tindakan Tuan Yang di-Pertua, tindakan dari segi kompaun dan tindakan perundangan terletak di bawah bidang kuasa majlis daerah yang terlibat dan tindakan untuk menghukum mereka yang terlibat adalah di bawah bidang kuasa pihak polis dan kolaborasi ini memang sentiasa kita laksanakan dari semasa ke semasa, Yang Berhormat.

Saya perlu jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya perlu merekodkan komitmen yang ditunjukkan oleh Ketua Polis Terengganu dalam isu ini sangat tinggi di mana beliau menetapkan KPI yang tinggi di atas tindakan penguatkuasaan. Termasuk IPK Terengganu sendiri yang telah mengeluarkan lebih 35,000 saman untuk tempoh satu tahun, Yang Berhormat, dari segi *speeding* dan sebagainya khusus untuk menangani permasalahan terutama sekali kemalangan yang berlaku.

Komitmen berterusan juga dilakukan oleh pihak kementerian melalui LLM dan juga pihak polis dan majlis melalui beberapa program bersama yang dilakukan oleh ketiga-tiga pihak ini, sudah tentu dengan kerjasama daripada pihak JKKK, tetapi kita akui masih belum mencukupi dan perkara ini akan kita lakukan dari semasa ke semasa dari segi penambahbaikannya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak ucapkan takziah, mungkin bagi pihak rakan-rakan, atas pemergian bonda tersayang Yang Berhormat tempoh hari. Semoga dicucuri rahmat kepada rohnya.

Saya hendak dapat pandangan Yang Berhormat, bolehkah kalau pihak kementerian meletakkan CCTV di tol-tol berkenaan supaya memudahkan pengawasan dibuat? Ini penting untuk mencegah sebelum perkara ini berlaku. Itu satu. Ini kerana kita lihat sudah lebih 849 kes yang melibatkan kemalangan ini dan jumlah wang, kita difahamkan lebih daripada RM27.8 juta. Ini satu jumlah angka yang besar. Apa langkah-langkah untuk pencegahan sebelum perkara itu berlaku kerana kita nampak ini ia banyak selepas kes itu berlaku. Jadi, bolehkah CCTV ini diletakkan sebagai langkah pencegahan? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Lenggong atas soalan tambahan dan juga cadangan yang cukup baik.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang pihak LLM telah membuat pemasangan CCTV di lokasi-lokasi yang dilihat sebagai lokasi yang sering berlakunya kemalangan, sering berlakunya pencerobohan, Yang Berhormat. Namun, kita akan menimbangkan untuk menambah pemasangan CCTV ini sekiranya dilihat perlu. Sering kali pemasangan CCTV ini juga telah banyak memberikan panduan kepada kita mengenai perkara-perkara yang dilakukan oleh individu-individu tertentu terutama sekali dalam proses mereka merosakkan fasiliti kita di lebuhraya khususnya di LPT2. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No.7 – Y.B. Tuan Anyi Ngau (Baram) tidak hadir]

8. **Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan kategori dan jumlah kes penderaan kanak-kanak bagi tempoh 2008 hingga 2015 serta punca-punca dan langkah-langkah menanganinya yang dilakukan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencerahkan masa hadapan negara kita.

Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, penderaan kanak-kanak terbahagi kepada tiga kategori iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Merujuk kepada statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan kepada JKM bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2015 adalah sebanyak 16,287 kes. Berdasarkan data yang ditunjukkan, berlaku peningkatan dan penurunan jumlah kes bagi tempoh lapan tahun dari tahun 2008 hingga 2015.

■1120

Tahun 2008 mencatat 1,308 kes penderaan dan menurun kepada 1,674 kes pada 2009. Seterusnya, pada tahun 2010 hingga 2013, jumlah kes penderaan yang dilaporkan terus meningkat iaitu 1,854 kes bagi tahun 2010, 1,975 bagi tahun 2011, 2,157 kes bagi tahun 2012 dan 2,346 kes bagi tahun 2013. Kes yang dilaporkan pada tahun 2013 pula mencatat penurunan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 2,303 kes dan terus menurun kepada 2,270 kes pada tahun 2015.

Berdasarkan rekod JKM, didapati perkara yang menjadi punca utama berkaitan dengan insiden mendera kanak-kanak adalah perbalahan keluarga, mengikut teman lelaki, cuai ibu bapa ataupun penjaga, masalah kewangan keluarga, ibu bapa yang terlibat sebagai penagih, anak yang tidak sah taraf, anak tiri, anak angkat orang lain ataupun dipelihara oleh orang lain semasa kecilnya. Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar, perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi. Antara tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Akta Kanak-kanak telah digubal pada tahun 2001 bagi memelihara, melindungi dan memulihkan mangsa kanak-kanak. Mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual, boleh disabitkan di bawah seksyen 31(1), Akta Kanak-kanak 2001 dan apabila mereka disabitkan kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM20 ribu atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

- (ii) Menubuhkan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-kanak untuk menasihati Yang Berhormat Menteri tentang aspek perlindungan kanak-kanak. Di bawah Majlis ini diwujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) yang dianggotai oleh seorang pelindung pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pengerusi, pegawai perubatan, pegawai kanan polis serta anggota masyarakat yang dipercayai prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak. Pada masa ini, terdapat 134 buah PPKK di seluruh negara.
- (iii) Kerajaan juga telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-kanak pada Julai 2009 yang bertujuan untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan yang sewajarnya. Di bawah dasar ini kita juga turut memastikan komitmen menyeluruh yang diambil oleh semua pihak, termasuklah para ibu bapa ataupun penjaga kanak-kanak. Antara tindakan yang telah diambil ialah mengadakan program-program advokasi di bawah agensi-agensi kementerian, bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain serta NGOs di seluruh negara.
- (iv) Menubuhkan Pusat Aktiviti Kanak-kanak. Pusat Aktiviti Kanak-kanak ini ataupun PAKK ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak yang berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 PAKK di seluruh negara yang mana telah dapat mencatat kehadiran seramai 66,830 kanak-kanak. Dalam PAKK ini disediakan juga seminar, kursus, bengkel serta intervensi yang berbentuk motivasi serta bimbingan kaunseling dan juga tidak ketinggalan sukan.

Kita juga menyediakan khidmat kaunseling untuk mangsa-mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Kita mempunyai kaunselor di seluruh negara di setiap daerah. Kita juga menyediakan rumah kanak-kanak yang menjadi mangsa dera iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan 12 buah rumah kanak-kanak di seluruh negara untuk memberikan perlindungan kepada mereka.

Selain itu, kerajaan telah memperkenalkan *Scan Team* ataupun pasukan pencegahan, penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak di 34 buah hospital kerajaan di seluruh negara. Pasukan ini berperanan untuk mengendalikan kes dera dan penganiayaan kanak-kanak yang dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai pakar pediatrik. Selain daripada itu, sebagai pencegahan juga dan membantu untuk melaporkan kes-kes kemungkinan ada kes dera kepada kementerian, maka kita telah mewujudkan Talian Kasih 15999 dan juga satu talian khas iaitu Talian Child Line yang telah diwujudkan pada November 2010. Di mana melalui talian ini ramai, siapa saja yang mengetahui ada kes penderaan atau

kemungkinan kes dera berlaku, bolehlah membuat panggilan melalui Talian Kasih 15999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian yang membuat banyak program-program selepas berlakunya penderaan ini. Akan tetapi kalau kita pergi lebih jauh, isu penderaan ini tentulah selalu melibatkan isu keluarga. Ia berlaku bila mana hilang dua unsur dalam keluarga, satunya *mawaddah*, keduanya *rahmah*. *Mawaddah* bernama kasih dan sayang yang kedua *rahmah*, belas kasihan. Jadi, adakah kementerian mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk membuat program-program membina dua sifat tadi, sifat kasih sayang dan juga *rahmah* tadi dalam institusi keluarga. Oleh kerana saya lihat juga antara kes-kes penderaan yang berlaku ialah melibatkan keluarga yang bercerai kemudian kahwin lain iaitu melibatkan bapa tiri ataupun ibu tiri.

Walaupun mungkin jumlah tidak besar, saya pun tidak ada statistik dalam perkara itu. Barangkali kalau kita boleh *check* data sejauh mana kes-kes penderaan ini melibatkan keluarga yang bercerai ini, dari situlah program-program yang saya sebutkan tadi dapat dirancang oleh kementerian. Jadi, saya minta pandangan kementerian dalam perkara ini. Cuma satu lagi saya hendak tambah, saya tengok data daripada laporan *Utusan Malaysia* 2015, kalau tengok kes penderaan kanak-kanak ini semakin meningkat. Yang Berhormat Menteri sebut tadi meningkat dan menurun tapi data yang saya dapat dalam laporan Utusan, tahun 2010 sebanyak 3,200 kes, tahun 2011 sebanyak 3,400, tahun 2012 sebanyak 3,800 kes, tahun 2014 sebanyak 4,000 kes. Bererti, makin meningkat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Pertamanya, berkenaan dengan statistik yang disebutkan itu sebab statistik kita adalah berasaskan apa yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. So, kita kena ikut statistik kita yang sebenarnya yang secara rasminya. Itu adalah daripada surat khabar ya, daripada media. Untuk menangani...

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Laporan tadi dari kementerian juga, dipetik dari kementerian.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Ia mungkin melibatkan pelbagai, bukan saja penderaan tetapi juga penganiayaan. Kedua-dua sekali. Yang kita sebut tadi ini tentang penderaan sahaja. Okey. Untuk menangani masalah berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak ini di kalangan keluarga, memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kebanyakannya dilakukan oleh kedua-dua ibu bapa seperti yang saya sebutkan tadi itu. Ada kaitannya dengan keluarga.

Oleh kerana itulah di kementerian kita melalui LPPKN, kita juga telah mengadakan kursus-kursus yang memfokus kepada kedua manusia yang menjadi ibu bapa yang juga melakukan penderaan itu. Maka, kita mengadakan kursus Pra-Perkahwinan *Smart Start* LPPKN.

Kursus ini dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan sekarang ini sudah sampai 24,470 peserta daripada 2006 hingga Disember 2015. Program ini kita jalankan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara dengan NGO's dan juga badan-badan agama. Kita juga mengalu-alukan mana-mana NGO's yang sudi bekerjasama dengan kita untuk melaksanakan program seperti begini. Oleh kerana tidak mungkin kita sebagai satu badan ataupun satu kementerian boleh melaksanakan untuk semua. Jadi, kita memerlukan semua pihak untuk bekerjasama dengan kita.

Kita juga mempunyai Program Keluarga @ Kerja ataupun *Parenting@Work*, di mana sebanyak 348 program telah dilaksanakan daripada 2008 hingga Disember 2015 dengan melibatkan penyertaan seramai 31,422 orang ibu bapa. Program ini *alhamdulillah* telah dapat kita jalankan dengan kerjasama agensi kerajaan seperti FELDA, Kementerian Tenaga dan Teknologi Hijau dan swasta seperti Maybank dan Tenaga Nasional Berhad serta NGO's seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAFIM). Kita juga mengalu-alukan lebih banyak lagi badan-badan NGOs dan juga swasta boleh sama-sama membantu kita untuk melaksanakan Program Keluarga @ Kerja ini supaya ibu bapa yang bekerja juga dapat menambah ilmu mereka menjadi ibu bapa yang cemerlang, yang memberikan kasih sayang kepada anak-anak mereka.

Kita juga mempunyai Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN yang mana setakat ini 12,674 kursus telah dilaksanakan dalam tempoh yang sama iaitu 2008 hingga Disember 2015 dengan melibatkan penyertaan seramai 1.43 juta orang peserta. Di mana ibu bapa juga diberikan, ditambahkan lagi dengan ilmu-ilmu yang memerlukan mereka mengetahuinya.

■1130

Ilmu ini termasuklah ilmu menjaga kewangan kerana apabila ibu bapa bergaduh ini, antara lain sebabnya ialah kerana kewangan. Kementerian juga menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia ini. Ertinya daripada peringkat awal lagi kita juga mendidik anak-anak kita daripada peringkat sekolah lagi supaya mereka menjadi insan yang cemerlang. Kemudian, apabila mereka membesar menjadi insan-insan yang berjaya, menjadi ibu bapa yang baik dan soleh serta solehah.

Dalam hal ini, kita melalui APPK membangunkan Program Pekerti@Sekolah. Ini kita bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan telah kita adakan program perintisnya untuk pelajar Tahun 6 dan juga setelah mengikuti peperiksaan yang dahulunya dikenali sebagai PENA dan sekarang ini adalah peperiksaan yang baru lagi ini iaitu selepas Tingkatan 3. Ini rintis dan kita akan teruskan *insya-Allah* dengan peruntukan yang kita dapat daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

9. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah pihak kementerian bercadang dan merancang untuk membantu peniaga kecil digital Melayu agar perniagaan mereka akan terus berkembang dengan lebih pesat seperti mana kejayaan kementerian membangunkan Mara Digital sebelum ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA juga menyediakan kemudahan kepada usahawan, termasuk peniaga kecil digital seperti khidmat runding cara, kemudahan pembiayaan perniagaan, kemudahan sewa premis perniagaan dan platform pemasaran agar perniagaan mereka terus berkembang dengan lebih pesat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa kini MARA menumpukan sepenuhnya kepada usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan di bidang IT di MARA Digital yang bertempat di Busana di Menara MARA. Kita juga sedar tentang perlunya untuk kita menggiatkan lebih ramai peniaga-peniaga kecil di bidang digital ini, IT ini. Jadi, untuk memberi peluang kepada mereka ini, MARA sedang mengkaji potensi dan juga keperluan untuk membuka satu MARA digital di setiap negeri. Ini peringkat perancangan dan kajian.

Buat masa ini, kementerian sedang menumpukan kepada pembukaan dua lagi MARA digital yang akan dibuka di Anggerik Mall dan juga di Glo Mall. Anggerik Mall di Shah Alam, Glo Mall ini di Damansara. Kedua-duanya terletak di negeri Selangor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA 2016

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang ditubuhkan oleh Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah akta ini dan pembubaran Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia untuk menyatakan pentadbiran, fungsi dan kuasa Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL
PEKERJA(PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[30 Mac, 2016]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

11.35 pg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015.

Sesungguhnya, kementerian menghargai semua pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Perbahasan oleh 18 orang Ahli Yang Berhormat berkisar kepada dua isu penting iaitu pertama, isu berhubung cadangan subseksyen baru 74A yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada PERKESO menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat.

Suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa penubuhan syarikat atau pengambilan syarikat adalah bertujuan untuk menambah kecekapan dan keberkesanan PERKESO dalam menjalankan objektif dan fungsi yang berkaitan dengan PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, ia merupakan *enabling clause* bagi membantu orang berinsurans dengan meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui penubuhan syarikat di bawah PERKESO. Pindaan ini tidak sama sekali, saya ulang, tidak sama sekali bertujuan untuk *bailout* mana-mana syarikat sebagai mana yang dibimbangi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Penubuhan syarikat atau pengambilalihan syarikat oleh PERKESO adalah tertakluk kepada *governance* dan prosedur yang ketat dan tentunya tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Ia perlu melalui Lembaga PERKESO dan seterusnya mendapat kelulusan Menteri Sumber Manusia dan juga Menteri Kewangan.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, PERKESO sedang mengendalikan pusat rehabilitasi di Melaka yang telah pun mula beroperasi pada 1 Oktober tahun 2014. Pengendalian ini adalah

secara pentadbiran yang mana pengambilan pegawai dan kakitangan adalah secara kontrak. Bagi memantapkan tadbir urus pusat rehabilitasi tersebut, pentadbiran di bawah peruntukan perundangan secara teratur adalah sangat penting dan sangat perlu.

Ini membolehkan pentadbiran dan pengurusan pusat rehabilitasi di Melaka tersebut mengambil pegawai dan kakitangan secara tetap serta menguruskan kewangan secara lebih teratur dan terjamin dari segi undang-undang.

Sebelum itu, Pusat Rehabilitasi PERKESO yang terletak di Melaka merupakan satu-satunya pusat rehabilitasi di rantau Asia. Sejak mula beroperasi pada 1 Oktober tahun 2014, ramai yang telah dirawat di situ telah pun boleh balik, *return to work*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini saya menjemput semua Ahli Dewan yang mulia ini untuk melawat Pusat Rehabilitasi PERKESO yang terletak di Melaka ini kerana *this is a very unique* hospital, dalam mana mereka yang sudah tidak ada harapan untuk bekerja kembali telah dapat dipulihkan dan sudah pun balik bekerja.

■1140

Dalam perkara ini pihak kita iaitu pihak PERKESO yang saya katakan tadi, kita menjemput agar semua Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan yang mulia ini melawat Pusat Rehabilitasi PERKESO ini dan perbelanjaan seperti makan, minum dan sebagainya kita sedia tanggung. Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang hangat yang diperbahaskan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Ipoh Barat berdiri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no.* Tuan Yang di-Pertua semalam saya telah memberi enam jam untuk Ahli-ahli Dewan yang mulia ini berucap. Maka hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menjawab apa juga soalan yang lain sebab enam jam telah saya berikan untuk mereka berdebat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no, no...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *It is not the numbers that important. We want quality discussion. The Minister should not be angry* Tuan Yang di-Pertua. *When we speak... Dewan riu]*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Isu yang kedua yang hangat diperbahaskan ialah menyentuh pindaan 75A(2) berhubung dengan... *Dewan riu]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *He is not a robot here. If he wants to read up, he can give a written reply. Tidak perlu. [Dewan riu]* Tuan Yang di-Pertua, *we may have... Sometimes we apologies. I don't have question about it. Very frank* Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dulu. Menteri duduk, Yang Berhormat Ipoh Barat duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kepada peraturan mesyuarat iaitu dalam perbahasaan begini kalau ada pencelahan terpulang kepada yang sedang berhujah itu sama ada memberi laluan atau tidak. Jadi dalam soal ini Menteri telah membuat pendirian bahawa beliau tidak ingin

untuk memberi laluan dalam soal pencelahan kepada Yang Berhormat Ipoh Barat. Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tidak boleh memaksa Menteri yang berkenaan. Jadi terpaksa Yang Berhormat Ipoh Barat, apa boleh buat bersabar, mungkin lain hari boleh mencelah. Sila Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *with respect* Tuan Yang di-Pertua. *We lose a golden opportunity* Tuan Yang di-Pertua kerana *even for the Minister himself, for the Minister to explain. So that he has nothing to hide, nothing to be scared*, cakap yang benar supaya semua orang tahu. *When we're questioning something* Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *I can give you an example* Tuan Yang di-Pertua. Apabila satu kereta sudah jadi 58 tahun, *that engine is old. He is driving the car. The system takes a long time to change. I cannot ask him to be driving a sport car, 58 years old the system is being old. Unfortunate, but he is a good Minister, there is no question about it but he is sitting on the hot seat where people's expectation* sangat tinggi Tuan Yang di-Pertua. *We hope there is common... We got nothing personal, I want the Minister to open up so that more people can get benefit. When we bring issue* setakat ini *I got know pecuniary interest on any matters. [Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, *it because I have appeared as a lawyer in the Labor Court, the Industrial Court, in the appeal stage, over the year in SOCSO matter. So* saya tahu sedikit mengenai perkara itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil tahu mengenai perkara ini dengan ikhlas apa yang saya kata.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Menteri, teruskan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa semalam enam jam telah saya berikan untuk pihak berdebat, membahaskan perkara ini dan kalau tidak silap saya Yang Berhormat Ipoh Barat selain daripada mengambil bahagian dalam perdebatan ini, beliau telah berdiri mencelah tidak kurang dari empat kali Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, itulah sebab saya tidak berhajat untuk memberi laluan untuk mereka mengajukan apa juga soalan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan *I am more gentleman than he is.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Apabila Yang Berhormat Menteri semalam mencelah, saya bagi peluang. *Today when I celah, that is not a gentleman. [Dewan riuh]* Semalam Yang Berhormat berdiri, saya beri peluang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Ipoh Barat *was very hostile yesterday, from you started*, dia hujah sampai habis 45 minit *was very hostile.*

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling sudahlah, sudah. Sekarang ini Menteri menjawab kepada perkara-perkara yang dibangkitkan kelmarin selama enam jam menurut Menteri. Jadi Menteri jawab. Sila.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu kedua yang hangat diperbahaskan ialah menyentuh pindaan seksyen 75A(2) berhubung cadangan mengeluarkan wakil Bank Negara Malaysia daripada panel pelaburan PERKESO. Suka saya menjelaskan bahawa selain wakil Bank Negara Malaysia, wakil Kementerian Kewangan juga merupakan ahli panel pelaburan PERKESO. Sebarang peraturan dan dasar kewangan negara yang dibincangkan dalam panel pelaburan boleh diwakili oleh Kementerian Kewangan. Kerajaan bukan semudah itu untuk menggugurkan mana-mana wakil yang berkepentingan dan berkemahiran dalam panel pelaburan yang melibatkan dasar kewangan dan dasar pengurusan dana rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengeluarkan wakil Bank Negara Malaysia adalah atas nasihat dan permintaan Bank Negara Malaysia sendiri. Permintaan ini adalah melalui surat daripada Bank Negara Malaysia bertarikh 12 Julai 2010. Bank Negara Malaysia sebagai sebuah *regulatory body* berhubung perbankan dan hal ehwal kewangan memaklumkan bahawa perwakilan Bank Negara Malaysia dalam panel pelaburan ini akan menimbulkan *conflict of interest*. Permintaan Bank Negara Malaysia ini bukan sahaja berlaku di PERKESO tetapi ia juga telah dilaksanakan oleh badan berkanun lain seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, PERKESO mengamalkan prinsip pelaburan *capital preservation* yang juga selaras dengan prinsip patuh syariah. Justeru, PERKESO tidak sewenang-wenangnya membuat pelaburan yang boleh menjejaskan kepentingan orang berinsurans. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Menteri, soalan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, selain isu yang saya sebutkan tadi pelbagai isu berhubung tadbir urus PERKESO telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin terhadap kebajikan rakyat khususnya pekerja.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Menteri...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Secara lebih khusus sukacita saya menjelaskan beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan dengan pindaan undang-undang yang saya bentangkan Yang Berhormat Kuala Langat telah membangkitkan isu berkaitan hak pekerja dan keperluan dalam memastikan tuntutan pencarum dilindungi sebagai hak.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, *I respect you*.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, adakah tadi pendirian itu secara umum bahawa tidak menjadi penjelasan kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Secara umum.

Tuan Yang di-Pertua: Secara umum. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat pendirian Menteri adalah secara umum. Jadi jangan ganggu sehingga dia selesai. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pemprosesan tuntutan mengikut piagam pelanggan yang telah ditetapkan oleh PERKESO adalah seperti berikut:

- (i) faedah hilang upaya sementara lima hari,
- (ii) faedah hilang upaya kekal tujuh hari,
- (iii) faedah orang tanggungan tujuh hari,
- (iv) pencen ilat tujuh hari dan
- (v) pencen penakat tujuh hari.

Berhubung dengan seksyen 72A yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Klang. Pindaan ini bertujuan untuk membenarkan PERKESO memberikan kemudahan pembiayaan secara opsyen kepada pegawai dan pekhidmat PERKESO. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua PERKESO hanya boleh memberikan pinjaman secara konvensional sahaja. Cadangan PERKESO ini akan membolehkan pegawai dan pekhidmat PERKESO memohon pembiayaan daripada PERKESO daripada segi pembelian rumah, kenderaan atau komputer mengikut skim pembiayaan-pembiayaan yang patuh syariah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini tidak melibatkan sebarang pinjaman kepada pihak luar. Berhubung cadangan supaya kes Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak perlu dibawa ke Mahkamah Tinggi dan hanya kepada satu badan yang lain jika berlaku kekhilafan. Sebenarnya kes Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial hanya perlu dibawa ke Mahkamah Tinggi jika terdapat kekhilafan daripada segi undang-undang yang *substantial* sahaja dan bukan kekhilafan fakta.

■1150

Kekhilafan undang-undang ini adalah perlu dirujuk kepada Mahkamah Tinggi kerana ia merujuk kepada persoalan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Klang supaya pekerja yang bekerja sendiri diliputi di bawah Akta PERKESO. Dalam ucapan saya, saya telah mencadangkan pindaan seksyen 58 yang mana pindaan ini membolehkan *scheme serve employ* sebagai contoh pemandu teksi yang bekerja sendiri ditadbir oleh SOCSO. Selain itu seksyen 58 juga membolehkan PERKESO mentadbir skim perlindungan pekerja yang kehilangan kerja. Walau bagaimanapun, pindaan seksyen 58 adalah merupakan *enabling clause* bagi PERKESO menggubal undang-undang bagi mentadbir urus skim baharu ini.

Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Shah Alam sama ada pindaan ini atas kehendak pekerja. Suka cita saya menjelaskan bahawa pindaan ini dilaksanakan setelah konsultasi dilakukan dengan wakil majikan dan juga wakil pekerja. Hasrat pindaan-pindaan ini adalah untuk memperluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja yang berada di luar liputan dan bagi meliputi pekerja baru yang terkeluar daripada perlindungan dan akibat permulaan gaji yang melebihi RM3,000.

Persoalan bahawa PERKESO meluaskan liputan untuk menambah dana atau mendapat duit lebih adalah tidak wajar dan tidak berpatutan dan tidak patut ditimbulkan. Peningkatan had syiling caruman dan faedah kepada gaji RM4,000 mendedahkan liabiliti yang lebih tinggi kepada PERKESO. Sebagai contoh, jika dahulu berdasarkan syiling RM3,000 pekerja atau waris boleh menerima faedah maksimum sebanyak RM1,719 sebaliknya dengan kenaikan kadar gaji kepada RM4,000 faedah maksimum yang boleh diterima adalah RM2,567.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup sekali lagi bagi pihak Kementerian Sumber Manusia khususnya PERKESO saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, adakah..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi Menteri kata selepas kita boleh tanya. Adakah tidak dibenarkan tanya langsung, berbeza, boleh mendapat penjelasan, Yang Berhormat Menteri? Tuan Yang di-Pertua sebab kita hendak tahu.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Iaitu Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Tasik Gelugor, Yang Berhormat Bukit Gantang yang begitu tekun membahaskan rang undang-undang ini.

Pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jelaskan satu persatu saya akan memberi jawapan yang berkaitan secara bertulis. Di atas keprihatinan Yang Berhormat sekalian saya sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih. Sekian, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, tadi kita dengar sebab yang difaham oleh kami ialah Menteri akan bantangkan jawapan selepas itu kita boleh tanya. Akan tetapi, sekarang ini langsung tidak dibenarkan itu lain tafsirannya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah rasa tidak puas hati macam ini. Ini kerana ada banyak isu yang tidak dijawab dia kalau bertulis pada kita ini hanya kita sahaja yang tahu yang pentingnya perdebatan di dalam Parlimen ini juga didengar oleh rakyat. Soalan saya yang paling penting tentang PINTAR yang dilancarkan pada 2012, RM100 juta sekarang telah digantung penggunaannya tidak dapat melaksanakan tugas ataupun kerja, penyata pun tidak dapat keluar semenjak 2014. Rakyat hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang *very disappointing, I have a very high respect for the Menteri.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, *it's a very wrong precedent, seriously wrong precedent.* Kalau kita berikan macam ini semua *minister will come to this Parliament and do the same thing. It's so ridiculous, we are here to debate an important act of Parliament.*

Tuan Yang di-Pertua: *You've said your piece. Let the other MP's on your left side say his piece.*

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa kerana kita sudah bawa beberapa soalan kita hendak minta penjelasan tidak diberi kesempatan. *This is not very good.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan mesyuarat jelas kerja saya ialah cuma untuk mengindahkan peraturan mesyuarat. Menteri mempunyai pendirian dia kata bahawa secara umum dia tidak membenarkan mengenai dengan soal-soal penjelasan. Jadi tidak timbul isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu bahawa Menteri mengatakan bahawa selepas nanti dia *deal with the issues* baru dibenarkan, tiada.

Pengertian saya, saya tanya kepada Menteri bahawa secara umum. Menteri kata bahawa kelmarin dia telah bagi peluang enam jam jadi dalam soal ini Menteri cuma menggulung jadi dia menjawab kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Mengenai dengan soal sama ada Menteri perlu menjawab, tidak menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat faham saya tidak boleh memaksa Menteri. Sama ada apa-apa persepsi masyarakat di luar sana dan sedemikianya saya ingat Menteri juga sedang mempertimbangkan itu. Jadi semua itu sudah saya ambil kira tidak melanggar peraturan mesyuarat maka mesyuarat kita teruskan. Menteri sudah duduk.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, peraturan mesyuarat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri telah mengelirukan Dewan. Asas saya adalah nombor satu bila seorang Menteri mengatakan bahawa dia telah mendengar untuk enam jam menunjukkan bahawa peranan dan kesukaan Ahli Parlimen kepada kementerian tersebut, nombor satu.

Kedua, bila Yang Berhormat Menteri menjawab mengatakan bahawa dengan kenaikan tarif dan merangkumi lebih ramai orang di negara ini untuk membayar wang kepada SOCSO menunjukkan dana wang mereka akan naik. Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri mengatakan dana itu tidak menjadi satu sebab kerana *claim* dan sebagainya menunjukkan dia ingin mengelirukan Dewan ini dan satu antara caranya adalah untuk tidak menjawab atau tidak mengambil bahagian *to justify* kenapa pendirian tersebut.

Ketiga, yang memalukan saya ialah semua perkara yang saya cakap dengan niat yang baik tidak langsung dijawab oleh Yang Berhormat Menteri menunjukkan bahawa saya telah salah faham atau salah *debate* perkara itu menunjukkan Yang Berhormat Menteri lebih patut mengambil tindakan dari segi peraturan kaedah 12 bahawa ini satu adalah peluang di mana jangan mengelirukan bukan sahaja Dewan, negara juga kerana ramai di antara kita adalah mewakili bagi pihak yang berpendapatan rendah maka perkara-perkara mereka khusus, mustahak dan patut Yang Berhormat Menteri *will take it serious* dan dalam sistem glamor di

mana macam Menteri-menteri lain jawab, *don't have to worry*. Jadi saya ingin merujuk beliau atas asas-asas perkara yang saya bangkitkan untuk satu keputusan yang bijaksana oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, dari awal-awal tadi saya telah bercakap. Perbahasan oleh 18 orang Ahli Yang Berhormat berkisar kepada dua isu penting. Satu, isu berhubung cadangan seksyen baharu 74A yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada PERKESO menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat. Suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, saya baca semula "bahawa penubuhan syarikat atau pengambilalihan syarikat adalah bertujuan untuk menambah kecekapan dan keberkesanan PERKESO dalam menjalankan objektif dan fungsi yang berkaitan dengan PERKESO.

Ia merupakan *enabling clause* bagi membantu orang berinsurans yang meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui penubuhan syarikat di bawah PERKESO.

■1200

Pindaan ini tidak sekali, tidak sama sekali bertujuan untuk *bailout* mana-mana syarikat sebagaimana yang dibimbangi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, yang itu...

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Sekejaplah Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu nanti Yang Berhormat Menteri. Yang itu, kalau sudah Yang Berhormat Menteri perjelaskan, tidak payah perjelaskan balik. Tujuan pencelahan ini mungkin adalah perkara-perkara yang mereka mahu tanya apabila Yang Berhormat Menteri menjawab. [*Dewan riuh*] Akan tetapi pendirian Yang Berhormat Menteri ialah tidak mahu memberi laluan, maka tidak apalah tidak memberi laluan.

Jadi, sekarang saya bagi respons kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tidak boleh buat respons secara *ruling* kepada peraturan mesyuarat dibangkitkan tadi oleh sebab saya bukan mempengerusi kelmarin. Maka, saya perlu untuk baca *Hansard*, sama ada perkara itu menyelewengkan atau tidak. Jadi, hingga di situ sahaja.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi peraturan mesyuarat?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak kata itu...

Tuan Yang di-Pertua: Cuma peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat saya layan kalau tidak, saya tidak layan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: 24(6). Saya hendak dapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua dengan di bawah ini saya dalam bahasa Inggeris, "*If an oral answer to a question is not required, or if a written answer is directed under paragraph (3) of Standing Order 22, the Minister to whom it is addressed shall send copies of the answer to the Setiausaha,...*". Dalam fahaman saya ialah, ini kalau itu *supplement to the debate*.

Kalau kita boleh habiskan semua urusan melalui jawapan ini, kita tak perlu Yang Berhormat Menteri berada di sini. Yang Berhormat Menteri boleh tulis surat kepada kita, kita tak perlu hadir di Dewan ini. Kita boleh tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri dan *there is no need to have a Parliament session. Why do we need to have a Parliament session* bila Yang Berhormat Menteri *have a monolog*, selepas itu kita dapat dalam bertulis. *Then, if we are not happy, we can write to the Minister.* So, kita pakai Pos Malaysia sahaja. Kita tak payah ini...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: So, saya hendak dapat faham, sama ada ini akan menjadi *norm*, membenarkan Yang Berhormat Menteri *get a way of not answering any questions and where is our Parliament reform* kalau begitu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua. Tambahan kepada itu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Sekiranya diberikan jawapan kepada semua soalan yang kita bangkitkan semasa perbahasan, tidak semestinya jawapan yang dikemukakan kita perlu terima dan tidak timbul soalan tambahan hasil daripada jawapan itu. Inilah tujuannya kita ada, kita hadir dalam Dewan dan kita berbahas, kita tanya balik sekiranya jawapan-jawapan itu tidak memuaskan ataupun tidak jelas.

Tidak mencukupi hanya sekadar menyatakan 'tidak' ataupun 'tak ada niat', selepas itu berhenti. Kalau benar tidak ada niat dan mengapa dulu tidak perlu kepada kekuasaan ataupun hak yang seperti mana yang diperuntukkan dan sekarang ini hendak ditambah? Mesti ada sebab-sebab yang menyebabkan perlunya ada pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itulah kita perlu penjelasan yang lebih jelas, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya telah mendengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri, saya telah mendengar hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri sebentar tadi. Peraturan mesyuarat tidak berubah, seperti begitu juga iaitu kalau Yang Berhormat Menteri ataupun siapa pun yang sedang berhujah membenarkan pencelahan, maka kita benarkan. Kalau yang berhujah atau pun Yang Berhormat Menteri berhujah tidak membenarkan, maka tidak membenarkan. Itu peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: *Mike, mike* Yang Berhormat, tekan itu *mike*. Sila, sila, tak apa, saya beri Yang Berhormat ruang, sila.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, dalam penutup saya tadi saya cakap, "Pandangan, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat- " Janganlah ketawa. *[Ketawa]* "...yang tidak sempat saya jelaskan satu per satu, saya akan memberikan jawapan yang berkaitan secara bertulis". Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, tolong diam.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kita mempunyai jawapan kepada soalan-soalan yang telah diajukan dan ia semua berada di sini. *[Sambil menunjukkan kertas jawapan berkaitan]* Jumlah muka surat, 29 muka surat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, belum selesai lagi, ini cuma peringkat dasar, belum lagi Jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau peringkat dasar pun dia tak sanggup untuk memberikan penjelasan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, isu sudah selesai. Yang Berhormat Shah Alam, sudah selesai isu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak selesai lagi. Yang Berhormat Menteri kata tak sempat. Apa yang menghalang dia? Siapa yang mengehadkan masa, dia sempat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, sudah, sudah, sudah cukup, cukup Yang Berhormat Shah Alam, cukup. Saya mengemukakan masalah, cukup Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Banyak masa lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

Fasal 6 – Pindaan:

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Sepang.

[Yang Berhormat Sepang tiada di dalam Dewan] [Dewan riuh]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, beri saya cadang mengambil *[Dewan riuh]* Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, *the motive* yang dibuat, bukan-kalau Yang Berhormat Sepang tak buat, mungkin saya sudah buat. *The whole idea is to propose and second it.* Saya propose.

Tuan Pengerusi: Tak boleh Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, peraturan mesyuarat tidak membenarkan. Kalau peraturan mesyuarat membenarkan begitu, maka pada sesi soal jawab sebelah pagi, kalau ada Ahli Yang Berhormat tidak hadir, boleh diambil alih oleh Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi itu peraturan mesyuarat kita.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: No, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Oleh sebab Yang Berhormat Sepang tak ada, kita teruskan kepada hal-hal lain.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Tuan Pengerusi, *can I take point of order* Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya perlu- Tuan Pengerusi, bila soalan soal jawab, bila sudah habis giliran semua, *then other questions can put forward*.

Tuan Pengerusi: Yes, yes, saya tahu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: So, *in the same motive- in the same- so, okay*.

Tuan Pengerusi: Ya, saya tahu. Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepang menulis kepada saya untuk minta supaya perkara ini dia boleh buat pindaan. Saya kata boleh. Kalau seorang Yang Berhormat yang minta supaya pindaan itu dibuat, Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mesti ada dalam Dewan kerana dia memandang perkara ini penting.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak bertanggungjawab!

Tuan Pengerusi: Kalau dia tidak datang, bermakna bagi dia tidak penting. Jadi, jangan habiskan masa saya dan orang lain.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Eh, Yang Berhormat Shah Alam, jangan buang masa lah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak betul begitu Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang tak bertanggungjawab. Yang Berhormat Shah Alam duduklah, Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, bukan kerana dia tidak menilai ia penting.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam, jangan lagi bertengkar saya dengan soal begini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bila datang peraturan mesyuarat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tak bertengkar.

Tuan Pengerusi: Sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya bercakap dengan baik Tuan Pengerusi. Saya tak bertengkar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Shah Alam sudah, sudah. Jadi, bermakna Yang Berhormat Sepang tak ada, tak apalah kita teruskan Mesyuarat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia dalam perjalanan. Hanya dia tergendala.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh dalam perjalanan? Bertanggungjawablah!

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi isu yang dibawa masih tetap penting dan perlu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mengatakan bahawa, kalau seseorang Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam Majlis...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia tak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: ...Maka, tidak bolehlah *participate*, diwakili oleh orang lain. Sudah jelas.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh kita dahulukan Yang Berhormat Sungai Siput dahulu, Tuan Pengerusi?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *No, no*, Tuan Pengerusi, *they are buying time*.

Tuan Pengerusi: Tidak ada Yang Berhormat, kerana kita teratur begitu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak payah Tuan Pengerusi, tolak.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Mengapa Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *No*, tolak Tuan Pengerusi, tolak, tolak. *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi adalah *Speaker*, Tuan Pengerusi boleh menggunakan...

Tuan Pengerusi: Boleh Ahli-ahli Yang Berhormat... *[Sambil mengetuk meja dengan penukul]* Yang berdiri duduk. Yang Berhormat Shah Alam duduk, yang berdiri sekarang ini duduk! *[Semua Ahli duduk]* Mana boleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyuruh saya melanggar peraturan mesyuarat? *[Dewan riuh]* Yang lain tolong diam! Kalau saya langgar peraturan mesyuarat sekarang ini, esok pun saya langgar peraturan mesyuarat. Lusa saya kenakan peraturan mesyuarat! Ahli-ahli Yang Berhormat semua langgar peraturan mesyuarat! Jangan suruh saya buat perkara kerana kepentingan kamu atau kepentingan politik! *My God!*

■1210

Oleh sebab Yang Berhormat Sepang tidak hadir dalam Mesyuarat pada ketika ini, maka usul pindaan itu tidak dibincangkan dan tidak dibahas. Sila Setiausaha.

Fasal 7 – Pindaan [Sungai Siput]:

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

12.11 tgh.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi kepada pindaan yang saya usulkan semalam, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada

Tuan Yang di-Pertua. Dalam peringkat Jawatankuasa ini, Ahli Parlimen boleh menimbulkan soalan terhadap apa-apa usul tanpa mengusulkan secara formal. Jadi, walaupun pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang tidak dapat dibincangkan hari ini tetapi tajuk itu masih boleh dibuka untuk Ahli-ahli Parlimen, walaupun usul itu tidak dibincangkan. Kita tidak minta Tuan Pengerusi melanggar peraturan tetapi peraturan yang sedia ada, mana-mana seksyen 1 hingga 7 boleh dikemukakan, dibincangkan dan diminta penjelasan walaupun pindaan itu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sungai Siput, duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau kita berbincang mengenai dengan soal akta ataupun pemindaan kepada akta yang ada, itu sebab mesti usul *proper* dibuat dan selepas itu dibahas. Apabila dibahas baru dikemukakan masalah, sama ada usul itu diterima atau tidak. Setiap ada itu, kalau tidak ada persetujuan, kadang-kadang ada belah bahagian. Kita tidak boleh membuat usul tanpa dibuat secara bertulis begini kerana apabila dibuat, diajukan masalah kepada Majlis, bermakna berpijak di atas mana? *You see*.

Kalau *general debate*, itu sebab kita masukkan. Kalau umpamanya saya dengan budi bicara saya menerima usul itu, maka terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat hadir. Kalau saya sendiri boleh menerima, bermakna saya anggap sebagai mustahak. Akan tetapi kalau usul itu saya rasa tidak mustahak, saya pula keluarkan usul itu tetapi kadang-kadang kalau usul saya tidak terima, saya juga dihentam. Speaker tidak adil, Speaker itu, Speaker ini.

Selepas itu apabila Yang Berhormat Sungai Siput dipanggil begini, ada lagi dia punya alasan-alasan sedangkan saya sudah buat keputusan. Bentangkanlah usul Yang Berhormat bawa itu. Peringkat Jawatankuasa adalah spesifik, sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Tuan Pengerusi, saya masih keliru kerana...

Tuan Pengerusi: Jangan Yang Berhormat keliru, sama ada Yang Berhormat mahu bentangkan Yang Berhormat punya ataupun Yang Berhormat soal lain. Kalau Yang Berhormat melengah-lengahkan lagi, saya akan suruh Yang Berhormat keluar. Mahu bentang usul kah tidak?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, saya bentangkan usul.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Usul saya ialah berkenaan dengan subseksyen 75A(2). Dalam akta itu, ada dinamakan lebih kurang 10 orang untuk menganggotai *investment* panel pelaburan. Satu daripada mereka ialah Bank Negara Malaysia dan ini sudah berlaku untuk beberapa tahun. Jadi saya mahu bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah *conflict of interest* yang akan diwujudkan jika Bank Negara mendudukinya?

Jadi itulah sebabnya saya bawa ini untuk perenggan (b), akta pindaan yang digugurkan wakil Bank Negara, digugurkanlah. Kita mansuhkan pindaan itu, kita kekalkan Bank Negara di situ untuk kebaikan negara bagi kita mengadakan sistem *check and balance*, semak dan imbang. Kita sangat harus memperkasakan mekanisme-mekanisme untuk *check and balance* di semua jabatan kerajaan dan institusi kerajaan, ini baik untuk semua. Ini bukan satu perkara yang dibawa hanya oleh pembangkang tetapi penting untuk semua. Ia juga untuk kerajaan juga penting

kerana sistem *check and balance* ini akan mengurangkan kemungkinan risiko penyelewengan dalam urusan.

Sekarang kita memberikan kelonggaran kepada PERKESO untuk mengadakan syarikat, bukan sahaja klinik dan *dispensary* seperti yang diperuntukkan dalam akta tetapi sekarang dibuka seluas-luasnya kepada apa-apa syarikat boleh dibawa PERKESO. Apa yang lebih penting lagi, kita ada sistem *check and balance*. Jadi saya rasa, saya minta dengan kerajaan untuk kekalkan Bank Negara di situ.

Pindaan kedua yang saya bawa dan saya baca, '*Dua orang wakil kesatuan pekerja yang dipilih oleh Menteri Sumber Manusia daripada senarai lima orang yang disyorkan oleh pihak MTUC*'. Jadi kita bukan terus mengatakan MTUC boleh menghantar dua orang. Ia menghantar senarai nama lima orang bagi kerajaan memilih dua daripadanya di situ untuk menganggotai lembaga pelaburan ini. Ini juga agar dana yang diadakan oleh PERKESO sekarang, saya ingat sudah sampai RM30 bilion dan bukan satu jumlah yang kecil. Jumlah ini merupakan simpanan pekerja. Ini daripada pekerja yang kita kutip setiap bulan daripada 6 juta orang pekerja di Malaysia dan ini dana mereka.

So, apakah salahnya kita memberikan mereka juga *all of you* bagaimana— kita tidak mengatakan, kita tidak mendakwa ada sesiapa yang salah guna tetapi saya ingat adalah penting kita mesti telus dan juga nampak oleh rakyat sebagai telus. *It will be seem as clean and just*. Jadi saya rasa ini akan *actually* membaiki imej PERKESO dan juga kerajaan. Kita beri pindaan ini dan kita kekalkan wakil Bank Negara dan juga kita beri peluang untuk dua orang daripada senarai lima orang daripada MTUC dijadikan anggota dalam Lembaga ini, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Itu sebab tadi saya tegur Yang Berhormat Sungai Siput. Apabila usul sudah dibentangkan begini, ada juga surat notis juga yang diberikan kepada saya iaitu di mana sebetulnya yang mahu dipinda itu, selepas usul dibentangkan, dia beri justifikasi maka saya akan kemukakan masalah usul itu kepada majlis dan barulah dibuka untuk dibahas. Itu sebab kehadiran Yang Berhormat Sepang mesti wajib ada. Bukan dalam kita berbahas ini yang *general-general* sahaja.

Sementara Ahli-ahli Yang Berhormat semua boleh ada kebebasan untuk berhujah, sama ada menurut peraturan mesyuarat atau tidak, itu terpulang kepada saya dan timbalan-timbalan saya memikirkan, sama ada dibenarkan juga atau tidak. Macam main bola, kadang-kadang kita main *advantage*. Kalaupun misal kata satu bawa bola, selepas itu dia maun *fault, kick advantage*, kita teruskan.

Akan tetapi ada perkara-perkara yang saya tidak boleh benarkan sama sekali kerana saya bertanggungjawab untuk mengindahkan peraturan mesyuarat, itu sebab. Jadi kalau mahu bertengkar dengan saya mengenai dengan soal itu, kerja saya cuma mempengerusikan Majlis supaya boleh berjalan dengan baik. Jangan setiap hari ada bertegang leher perkara yang bukan-bukan. Kalau perkara yang baik, saya benarkan tetapi jangan memberikan tekanan kepada saya dengan membuat perkara-perkara yang melanggar peraturan mesyuarat. Sekarang saya

bentangkan masalah, baru Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain faham sebenarnya apa yang dibahaskan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sebentar tadi itu sekarang terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.19 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya sependapat dengan Yang Berhormat Sungai Siput bahawa alasan-alasan yang dikemukakan adalah satu syor yang bagus dan patut diterima. Saya hendak tambah sedikit kekeliruan saya walaupun semalam ada surat, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada surat dari Bank Negara bahawa mereka sendiri hendak menarik diri. Saya juga hendak tanya, apakah alasan yang diberikan oleh Bank Negara.

■1220

Tuan Pengerusi, kita semua tahu walaupun Bank Negara ada beberapa panel, kita ada skandal-skandal yang terbesar di dunia. Lagi-lagi baru-baru ini di Kementerian Belia dan Sukan di mana lebih RM100 juta, *'you just takes a second over the times, money was escaped'*. Ini semua belum ada kawal selia oleh pihak-pihak yang tertentu. Maka bukankah lebih untuk beberapa inisiatif aktif yang perlu dalam perkara ini. Kebaikan adalah ditambahkan bila Bank Negara *representative* berada menjadi satu dalam panel tersebut.

Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa mungkin memberitahu kepada Bank Negara atau adakah Yang Berhormat Menteri telah mendapat pandangan bebas mengenai perkara ini kerana apa yang di buat oleh Bank Negara untuk mengecualikan kehadiran mereka dalam ini adalah satu yang luar biasa dan saya berpendapat ini bukankah *good accounting system, not the best of practice* dan saya mohon agar ia diteliti sedalam-dalamnya dan jangan ada udang di sebalik batu.

Kita sudah ada situasi di mana Kementerian Belia dan Sukan lebih RM100 juta hilang, ini semua kerana kekurangan kawal selia dan sebagainya, itu nombor satu.

Nombor dua Tuan Pengerusi, apakah rang undang-undang yang kita bahas hari ini. Kita membahaskan Rang Undang-undang Akta Keselamatan Sosial Pekerja. Kita tidak bahas 'Akta Keselamatan Sosial Majikan'. *We are not for the employers, we are for the employees*. Jadi prioritinya, *basic knowledge, priority should be given to workers*, untuk pekerja. Mereka perlu diberi lebih peranan untuk dimainkan di sini. Untuk majikan dia ada banyak tempat, di mana dia boleh main peranan dan sebagainya.

Kenapa kerajaan hanya menghadkan hanya dua orang bukan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, kita perlukan lebih orang. Lebih kerana kawal selia mengenai kewangan ini yang saya difahamkan lebih kurang RM27 bilion yang ada di dana SOCSO. Maka, bukankah dengan peranan dengan yang boleh dimainkan oleh proksi pekerja di negara ini, proksi pekerja negara ini adalah MTUC, patut memberi lebih ruang kepada mereka,

patut diberi galakan kepada mereka. Saya pohon semua Ahli Parlimen di sini yang akan bukan sependapat dengan kesalahan pendapat-pendapat oleh kerajaan, patut bersependapat dengan pekerja-pekerja, memberi sokongan kepada pemindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Setiu.

12.23 tgh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pihak saya memang saya menentang habis-habisan. Tetapi ini mungkin kita lihat Timbalan..

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang ditentang Yang Berhormat? Jangan tentang keputusan speaker. *[Ketawa]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Timbalan-timbalan, saya hendak bercakap pada timbalan sedikit ini. Timbalan MTUC

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna sebut secara terperinci.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini mungkin desakan daripada Timbalan, hendak meletakkan dua nama.

Tuan Yang di-Pertua: Keputusan Speaker mana boleh Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebelum kita teruskan, saya ingin rujuk dahulu kepada 75A(2). 75A(2) jelas bahawa dua orang, (b) itu dilantik oleh Lembaga iaitu daripada majikan dan juga orang yang berinsurans, maknanya pencarum, dah sudah dua orang dilantik. Kemudian dua orang lagi anggota lain yang mempunyai pengalaman perniagaan dan juga kewangan yang dilantik oleh Menteri berkhidmat sekurang-kurang dua tahun dari tarikh pelantikan.

Kalau dimasukkan pindaan, hendak masuk kepada (g), bila masuk (g), dia hendak melantik dua orang wakil, kesatuan pekerja yang dipilih oleh Menteri Sumber Manusia. Tetapi dalam yang dalam 75A(2) ini dilantik oleh lembaga tetapi saya tidak tahu macam mana pula hendak dilantik oleh Menteri Sumber ini.

Daripada senarai lima orang yang disyorkan oleh pihak MTUC, bermakna sudah lain, bermakna dia baca secara bersendirinya. Manakala kalau tiada pengalaman tidak mengapa boleh dilantik, kalau tiada pengalaman perniagaan, kewangan pun boleh dilantik. Seolah-olah macam itu, ini satu pindaan yang agak memang tidak betul saya cakap.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan Yang Berhormat Setiu, boleh?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Berkhidmat dua tahun daripada tarikh pelantikan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan boleh tak?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ok

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi, maknanya kalau Yang Berhormat Setiu sokong ini, Yang Berhormat Setiu boleh pinda kepada pindaan ini, tambahlah

requirement untuk pandai baca *financial*, ada pengalaman *business*. Maknanya Yang Berhormat Setiu boleh sokong tidak kalau tambahkan lagi kepada Yang Berhormat Sungai Siput ini?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sekarang kita bercakap mengenai pindaan sekarang, pindaan sekarang ini. Kalau ada pun, saya tidak boleh cakap saya setuju ke tidak. Saya hendak tengok juga apa bendanya, itulah masalah ini. Saya rasa ini desakan daripada Timbalan Presiden MTUC ini, kalau dia tidak puas hati dengan akta dia ada buat piket dan sebagainya. Semalam tiada, saya cakap piket, jangan buat la, cukup sudah. Saya tidak jemput ini, jangan bangun sebab saya sebut sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Yang Berhormat berdiri. Satu Yang Berhormat Pokok Sena, satu Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Setiu..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau tidak, tidak la. Kalau tidak desakan tiada, kalau ya pun ya lah. Saya tidak kata, tetapi mungkin.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Berniat jahat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak, tidak berniat jahat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sebut jawatan pun tidak betul. Orang Pemangku Presiden. Yang carum itu datang daripada pekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Pakai akallah sikit.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi, tiada apa yang penting sangat hendak dimasukkan sebenarnya yang (g) tadi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Setiu, minta penjelasan boleh?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belum gugur lagikan, sudah gugur sudah? Belum..dah gugur belum?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Gugur apa?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Harum manis, kalau belum gugur tidak payah lah

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ok, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu. Tadi Yang Berhormat Setiu kata respons kepada Kelana Jaya kalau dimasukkan pindaan cadangan dua orang itu, mestilah yang berkebolehan. Yang Berhormat Setiu kata belum tentu kerana hendak tengok. Saya *simple* sahaja, tidak perlu kita pinda pun tidak apa, beri kepercayaan kepada Menteri, cadangan itu Menteri pilih daripada mereka yang berkebolehan, takkan Yang Berhormat tidak percaya kepada Menteri atau Yang Berhormat sudah makan dedak banyakkah? *[Ketawa]* Bangun-bangun terus tentang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau yang bahagian *spin* bagi pada Yang Berhormat Pokok Sena, dia hebat. Dia pusing habis pusing keliling. Ada lagi?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Setujukah Yang Berhormat Setiu dengan pandangan berkaitan dengan penarikan diri Bank

Negara dari menyertai panel pelaburan SOCSO itu. Ini merupakan satu tindakan yang terpuji di mana Bank Negara melihat kemungkinan berlaku *conflict of interest*, kerana mereka adalah *regulator*, kalau duduk dalam pelaburan SOCSO kemungkinan mereka memberi pertimbangan yang tidak seimbang. Sebab itu penarikan diri ini merupakan suatu integriti yang tinggi yang telah ditunjukkan oleh Bank Negara, tetapi pihak pembangkang melihat itu merupakan sesuatu tindakan kita hendak menyisihkan *check and balance*.

Dia pandang lain tetapi kita melihat Bank Negara sebagai *regulator*, berpendapat tidak wajar mereka duduk di dalam panel pelaburan SOCSO ini kerana kemungkinan pandangan-pandangan saranan-saranan Bank Negara akan menjadi *bias* ataupun akan menjadi prejudis dan sebagainya.

Sebab itu kita harus memberi pujian di atas *sincerity*, keikhlasan dan integriti yang tinggi ditunjukkan oleh Bank Negara dalam menentukan keperluan mereka berada atau tidak di dalam satu-satu panel pelaburan dan sebagainya. Sebab itu, kita jangan ada prasangka buruk terhadap tindakan Bank Negara yang secara bertulis telah memaklumkan kepada SOCSO atau ke kementerian bahawa Bank Negara menarik diri dari menyertai pelaburan itu.

■1230

Dia bukan mengatakan menarik diri untuk menjadi penasihat. Atas asas itu saya fikir, bagaimana agaknya pandangan Yang Berhormat Setiu? Apakah Yang Berhormat Setiu setuju dengan pandangan saya itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nanti saya jawab dulu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya setuju sama sekali dengan Yang Berhormat Jelebu dan dijadikan sebahagian daripada ucapan saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab itu bila...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sekejap, sekejap. Bila Bank Negara tarik balik, yang apa ini, tambahan kepada 'F', dia tambah lagi seorang yang berpengalaman, mempunyai pengalaman dua tahun. Ha, ini baguslah. Dia dah tarik balik, kita tambah dengan yang lain. Itu kira cukup baguslah tindakan yang dibuat oleh Lembaga. Ha, sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Persoalan saya, kalau Yang Berhormat Setiu perhatikan, misal kata dalam Exco kerajaan negeri, ada di sana itu *legal advisor*. Apa peranan *legal advisor*? Untuk menasihati dan dalam mesyuarat. Makna, kalau di sini juga kalau kita bandingan dalam lembaga ini, termasuklah juga wakil daripada Bank Negara itu adalah *advisor* kepada jawatankuasa itu, jadi lebih kurang sahaja.

Maka, tidak ada suatu pertelingkahan *conflict of interest* di situ, itu yang pertama. Yang kedua, surat yang dihantar oleh Bank Negara ialah pada tahun 2010, mungkin dulu tidak banyak isu sebagaimana sekarang. Yang berlaku sekarang ini banyak kita lihat isu-isu yang ada

sekarang ini ialah penyalahgunaan kuasa yang berlaku di dalam Lembaga ini, membuat keputusan yang mendatangkan mudarat kepada tabung-tabung ini. Jadi, kita memerlukan lebih ramai lagi orang-orang yang boleh *regulate* dan disinilah peranan Bank Negara itu cukup penting. Sebagaimana dalam isu yang ada sekarang ini, Bank Negara memainkan peranan yang penting di dalam memberi nasihat kepada kerajaan.

Jadi, di sini juga kalau kita kekalkan wakil Bank Negara itu, dia memberi satu kredibiliti kepada tabung itu dan tidak ada kompetitor daripada orang, kenapa kita hendak buang? Jadi, saya mencadangkan supaya apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini adalah suatu yang baik. Kita kekalkan wakil dari Bank Negara, tidak ada masalah. Tidak ada masalah dan tidak ada *conflict of interest*. Sekian, terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalahnya kita paksa orang yang tak hendak ini, dah jadi satu kes. Kes memaksa ini, banyaklah. Itu yang susah. Lama ke, baru ke, dulu dia tak benarkan, sekarang kita hendak paksa dia pun paksaanlah, tak boleh. Kalau macam di Exco dan sebagainya dia ada LA, LA banyak *ex-officio* sahaja, bukan maknanya dia itu sebagai apa pun, *ex-officio* beri nasihat. Yang di sini pun kita boleh rujuk kepada PUU, kepada kementerian. Kita ada untuk rujukan sebagai nasihat, boleh diminta. Tak semestinya kita letak dalam sini. Jadi Yang Berhormat Pasir Puteh, tak payah paksa-paksa orang ya.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya lah, orang tak hendak, kita hendak jemput juga macam mana itu? Jadi, akhir katanya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ha, ada lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mungkin maklum kenapa Bank Negara meminta untuk dikeluarkan sebab kita dimaklumkan bahawa Bank Negara sebagai *regulator*. Jadi, sebagai *regulator*, adalah tidak adil untuk dia menjadi salah satu jawatankuasa ini, sebab *bias* kepada dia. Jadi, ini jelas tetapi Bank Negara tidak akan terlepas, dia akan terus memantau dan memberi nasihat macam juga baru-baru ini dia bagi teguran dengan Tabung Haji. Jadi, ini bermakna peranan Bank Negara itu masih ada. Yang Berhormat Sungai Siput jangan bimbang, Bank Negara akan terus memantau dan memainkan peranannya. Jadi, itu sebab dia *as a regulator*, dia berperanan penuh menegur mana-mana agensi yang dia lihat ada cacat celanya. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Benar sekali dan saya minta dimasukkan dalam ucapan saya.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: [*Bangun*] Tambah sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Tuan Pengerusi, penggal lepas kita buat pindaan kepada ahli pelaburan KWAP. Bank Negara juga menulis kepada KWAP untuk tidak terlibat sama dalam panel ini. Adakah ini juga sejajar dan selaras dengan konsep tidak mahu

campur tangan dan Bank Negara sebagai *regulator* sentiasa duduk di atas. Adakah Yang Berhormat Setiu setuju?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bila tanya setuju ke tak setuju, memang saya setuju. Itu yang sebenarnya sebab sebagai *regulator* masih lagi maknanya memayungi apa-apa syarikat di bawahnya apa semua. Maknanya, dia boleh bagi nasihat dan sebagainya.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Banyak benda yang...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Satu cadangan lagi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tak puas hati lagi? Hendak paksa lagi ke?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tan Sri. Kalau Bank Negara ada wakil di dalam jawatankuasa itu, maka maklumat ini akan sampai kepada Bank Negara lebih cepat lagi. Maka, *regulator* itu, kerja *regulator* lagi mudah untuk mengawal tabung ini. Apa pendapat Yang Berhormat Setiu? Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalahnya Bank Negara ini, dia boleh menyiasat. Dia tak perlulah makna dia duduk dalam, dia hendak ambil benda yang di dalam. Memang kuasanya untuk menyiasat apa-apa sebab itu dia keluarkan surat itu, surat ini kepada syarikat itu, syarikat ini. Cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tan Sri.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Shah Alam ini hendak *spin* ke apa ini?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak, hendak tanya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tanya takut lari lagi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kalau dia duduk dalam Lembaga Pengarah, saya rasa Yang Berhormat Setiu tak boleh nafi bahawa maklumat, segala keputusan dia dapat tahu dengan segera. Kalau dia hendak menyiasat, dia kena tunggu keluar laporan, nampak kesan, apa implikasi daripada apa-apa keputusan yang telah dibuat.

Sudah pasti peranan untuk hendak *regulate* dan memantau perjalanan tabung yang sebegini besar yang mewakili kepentingan rakyat jelata, khususnya pekerja, ianya tidak boleh satu perkara yang dah rosak baru hendak buat siasatan. Hendak siasat, kita hendak *regulate*, hendak kawal. Adalah amat lebih mudah untuk *regulate* dan kawal sekiranya maklumat itu adalah *online, live* pada ketika itu, semasa. Bukan setelah dah keluar laporan tahunan dan sebagainya. Hujah bahawa ianya merupakan tindakan yang adanya *conflict of interest*, saya rasa hujah ini Tan Sri, tidak boleh diguna pakai. Takkan selama ini bertahun-tahun Kerajaan Barisan Nasional yang begitu hebat, yang begitu cekap, selama ini tak sedar wujudnya *conflict of interest*. Ini bukan soal *conflict of interest*.

Kalau *conflict of interest*, dengan izin, *don't tell me you were all asleep all this while*. 50 tahun, takkan lah tak sedar dia punya *conflict of interest*? Sudah jelas ianya bukan soal *conflict of interest*, Tan Sri dan hujah bahawa perlu dikeluarkan semata-mata atas alasan itulah permintaan Bank Negara, saya minta maaf, ianya bukan merupakan satu hujah yang kukuh dan bernas. Saya minta Yang Berhormat Setiu nyatakan kepada saya, mana yang lagi mudah untuk hendak pantau.

Berada di luar setelah kesan sesuatu keputusan yang mendatangkan mudarat disedari setahun kemudian ataupun bila duduk dalam Lembaga Pengarah, dapat pantau dan dapat lihat secara *live* dan semasa dan keputusan itu boleh dibawa kepada Bank Negara untuk pertimbangan. Mana satu yang lebih berkesan? Tak payah Yang Berhormat Setiu jawablah, saya jawab. Jauh lebih berkesan Tan Sri, kalau wakil Bank Negara duduk dalam Lembaga Pengarah. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Setiu, satu minit.

Tuan Pengerusi: Ini lagi satu, Yang Berhormat Shah Alam, pelik betul. Dia mencelah kerana minta penjelasan, lepas itu dia bilang, tak apalah, tak payah jawab, saya sudah jawab. Kalau begitu tak payahlah berdiri minta penjelasan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya bagi penjelasan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tan Sri, Tan Sri. Klang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu minit.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Benda yang sama sahaja.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Isu lain sedikit.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Benda yang sama kah?

■1240

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Isu lain sedikit, lain sedikit, lain sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiu atas pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat. Saya ada satu soalan dan juga minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Setiu dan kawan-kawan di sebelah sana. Saya memang beberapa kali Yang Berhormat Menteri semalam dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengatakan bahawa Bank Negara sendiri yang menghantar surat kepada SOCSO mengatakan mereka hendak keluar daripada Majlis Pelaburan ataupun Jawatankuasa Pelaburan. Itu adalah surat daripada Bank Negara kepada SOCSO. Akan tetapi kita di sini adalah *law makers should be allowed that. We are here law makers* dan kita ada peranan Tuan Pengerusi. Kita ada peranan untuk menentukan *good governance, financial integrity* dan juga *we want the best practice in the world, be able best practices, that's what we want. [Tepuk]*

So therefore Yang Berhormat Setiu, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, saya hendak balik kepada taklimat yang telah diberikan untuk kita dan juga perbincangan mengenai TPPA. TPPA, Menteri Perdagangan Antarabangsa telah mengatakan bahawa

Malaysia *should aspire to the best global practices. That's why we need the TPPA* tetapi sekarang pihak sebelah sana mengatakan *we don't need best practices*. Ini boleh terimakah? Orang ramai dekat luar ketawa pada perangai kita di Parlimen. *So therefore* saya minta, saya cadang supaya kita sokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Saya berharap Menteri pun boleh sokong usul ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. Jangan kita diketawakan oleh rakyat biasa di luar.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak ada ketawa pun, yang tukang cakap itu yang diketawakan. *[Ketawa]* Sebenarnya, bercerita fasal penglibatan Bank Negara ini seolah-olah macam ceria fasal pemantauan. Akan tetapi dari segi pengalamannya tidak disebut langsung, *just* datang untuk pantau sahaja so, tidak bermakna sangat. Hendak pantau apa? Ini dari segi pelaburan. Pelaburan, makna kena ada orang-orang yang ada pengalaman, pakar dalamnya. Kenapa kita hendak kisah sangat dengan orang yang tidak hendak, kita hendak jumpa hendak apa, setakat memantau sahaja.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, ini isu bukan pemantauan *policy guidance*.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sudah, sudah, sudah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *Policy guidance means ...*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *This is my floor.* Kalau kita hendak pembaharuan kepada Parlimen, ini kena berhentikan. Kena berhenti, berhenti. Sekarang saya tidak bagi sudah. Sekarang ini kalau hendak teruk-teruk sangat hendak pembaharuan Parlimen tetapi kita sendiri tidak ikut. Jadi, tidak boleh ya. Jadi, saya tidak bagi, banyak sangat benda yang sama disoal, jadi akhirnya saya tidak menyokong.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingat kita terpaksa meneliti pindaan ini dengan lebih mendalam lagi. Ini sebab saya percaya Tuan Pengerusi, sebagai *expert* dalam undang-undang dan juga Parlimen juga faham. Sebenarnya perundangan adalah satu bidang yang sangat konservatif. Kita tidak tukar kerana falsafah yang baru muncul dalam *market*. Kita tidak tukar sebab kita hendak sebagai etika lebih baik lagi. Akan tetapi kita tukar hanya masalah timbul dalam *existing law*. Itulah sebab PERKESO ini telah dibentuk sejak 1969. Sejak tahun 1971 mula dengan *investment* ini, yang sangat berjaya RM30 bilion telah dikumpul. Ini boleh dikatakan negara Malaysia ini yang sebagai satu modul yang paling dibanggakan di luar blok sosialis yang ada di negara lain.

So, perkara ini kita tidak boleh nafikan peranan yang dimainkan oleh semua pihak yang menjamin hak pekerja ini dibela. Itulah sebab bila kita kata hendak tukar, kita juga harus *converged* kepada semua pihak, termasuk Bank Negara. Kita setakat ini, yang dimaklumkan kerana kerajaan ingin mengamalkan satu *government* yang lebih baik untuk mengelakkan *conflict of interest*.

Tuan Pengerusi bagi saya itu sangat, satu konsep yang terlalu *rared* untuk dibahaskan di sini. *As I said tadi law is about conservatism. We have to preserve what is good tetapi just because there's a conflict of interest* kita hendak tukar. *Unless* kita ada sesuatu perkara yang menunjukkan Bank Negara telah bertindak secara *conflict of interest*. Kita harus *ratify* kata betulkan keadaan, kita keluarkan Bank Negara kerana dia telah mengancam fungsi ini.

Kalau kita tidak, biasanya dalam undang-undang kita kekal yang ada. Oleh itu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya hendak pandangan Yang Berhormat Batu. Ini saya beri Yang Berhormat Batu jawab. Tadi Yang Berhormat Setiu, dia kata wakil Bank Negara ini dia tidak ada, hadir sahaja, dia tidak ada peranan. *So*, isu *conflict of interest* pun tidak timbul. Sekarang ini kita hendak cari orang yang ada pengalaman, *investment* dan sebagainya. *That was his very last few words* ya. *So now*, saya pun dapat tahu...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Isu memantau, ada untuk memantau.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa hujahnya selain daripada ...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:memantau ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I'm not giving you the floor.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Memantau faham?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi kata hendak ikut peraturan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itulah tengok, *spin* tidak habis-habis ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh! Pula.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Janganlah *spin* okey. Saya cakap ini sebab dia sebut nama saya ini, itu saya bangun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, fasal tadi kata ikut peraturan lalu bila saya hendak tegur Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu tidak benarkan saya tidak bangunlah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau saya tidak jawab...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sebab saya duduk tetapi ayat-ayat yang terakhir, kata hendak cari ahli yang ada pengalaman, yang ada ilmu, yang Bank Negara datang sekadar datang sahaja, hadir tidak ada apa. Saya rasa itu merupakan satu dakwaan yang tidak berasas kerana seperti mana yang Yang Berhormat Batu sendiri sebut prestasi setakat ini memang tidak ada mana-mana pihak yang mendatangkan apa-apa aduan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu maksud saya, tidak ada mana-mana pihak yang mempersoalkan kewibawaan PERKESO, *Investment Board* dia atau peranan Bank Negara. Itulah sebab agak pelik di sebelah sini, pembangkang mempertahankan yang ada, sebelah sana pula menafikan selama ini PERKESO telah bekerja, berfungsi dengan baik, itu

pelik. Apa yang kita hendak tahu ialah kalau betul ada masalah, kita kemukakan, kita secara terus terang beritahu. Ini sebab *conflict of interest* ini akan mengganggu perkembangan dan akan mengancam PERKESO. Ini akan menjadikan kepentingan pekerja itu tidak dibela dengan baik. So, setakat ini saya dan rakan-rakan kita dimaklum, ada surat daripada Bank Negara. Saya ingin...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nanti. Saya ingin tahu apa isi kandungan surat itu? Di sini kita, biar saya habis. Di sini kita bukan hendak bincang satu pindaan untuk mempertingkatkan integriti Bank Negara. *That is not the issues. We are not here to discuss how* Bank Negara tunjuk dia *free of conflict* dengan mana-mana pihak. Sekarang kita bincang, selama ini model ini sama ada tidak betul atau tidak. Oleh itu saya rasa tidak adil kalau kami, kita di sini hanya diberitahu ada surat. Akan tetapi kita harus tahu Bank Negara harus memberi kita apakah alasan? *What are the reasons, listed down* apakah masalah yang mereka rasa yang akan merendahkan prestasi Bank Negara kalau Bank Negara terus menyertai Lembaga Pelaburan ini. Silakan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Batu supaya premis hujahan ini diletakkan pada premis yang betul. Premis yang saya maksudkan itu ialah, bahawa ketidakhadiran Bank Negara di dalam Panel Pelaburan SOCSO, atas pilihan Bank Negara sendiri. Ini kita kena jelas.

■1250

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, saya tidak mahu dengar lagi. Ini kita sudah dengar. *You tidak boil my point.*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Atas pilihan jadi bila Bank Negara..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *My point* is Dewan ini, dengar, dengar.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: ..Bila Bank Negara yang membuat pilihan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, tidak, tidak. *I'm not interested in your argument. [Dewan riuh] So, saya...*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Bila Bank Negara membuat pilihan..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak sebut di sini, ini bukan isu pilihan Bank Negara. Ini bukan isu pilihan Yang Berhormat Batu. Ini bukan pilihan Perdana Menteri. Ini adalah kepentingan pekerja kita dan akta kita. Kalau Bank Negara tidak boleh datang ke Dewan ini untuk senaraikan dan meyakinkan kita peranannya mengancam fungsi Lembaga SOCSO ini kita tidak tukar. Itu sahaja, *that it the rule, rule maker is, we don't change for the sake of better philisophy.*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Boleh saya habiskan?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *No, no,* tidak mahu dengar. Kita *change whether is a problem.*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Tidak sanggup dengar kah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: So, saya, saya kekalkan dengan pendirian ini.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Bagilah saya habiskan sedikit.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya juga kalau kita tidak ...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Sebab Yang Berhormat Batu kata ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, saya faham *argument* permintaan Bank Negara, *that is not up to him*.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Seolah-olah SOCSO akan membuang Bank Negara bukan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ..*up to* Bank Negara. Kalau kita tidak dimaklum apa masalahnya kita kembali kepada rasional dari ...dalam Dewan ini.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: ..hendak maklum pada Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Our ancestor* yang buat undang-undang ini menyatakan dengan komposisi ini mempunyai *regulator*. Apa maksudnya *regulator* berada di dalam Lembaga Pelaburan ini? *It is up to*, dengan izin *it is up to* Bank Negara *in their own governing principle not to intervene*. Itu saya kita kalau kita hendak buat supaya Bank Negara tidak *intervene* kita balik pinda undang-undang yang *governing the* Bank Negara. *It is not coming here to removed* Bank Negara.

Selama ini kita harus faham bila *regulator* duduk dalam *Investment Board* dia memberi satu kawalan kepada *Investor Board* yang datang daripada pihak majikan atau pihak pekerja yang ingin *maximized* kan *profit return* itu kerana itu tanggungjawabnya. Akan tetapi tanggungjawab ialah semasa...

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: [*Bangun*]

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Boleh, Yang Berhormat Batu..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: I tidak mahu layan, I tidak mahu layan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Saya rasa, saya hendak tarik perhatian Yang Berhormat Batu pada satu akta.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Sorry* saya tidak bagi laluan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Lain, bukan isu yang sama.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Nanti, nanti. Saya akan teruskan sebab *my point is a lot*. Saya ingin kembalikan sebab waktu *regulator* untuk mengingatkan Lembaga Pelaburan ini supaya *profit maximization is not the main function, you have to take care of the financial market, you have to take care of the banking law, you have to make sure that it doesn't upset the national interest*. Itu yang harus dibuat serta-merta.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelevu]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *You don't make a decision selepas itu Bank Negara..*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Batu ramai yang berdiri. Bagi laluan atau tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak mahu bagi laluan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Bagilah sedikit sahaja. Ini poin baru, poin baru.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak, sebab point itu tidak ada value. Saya tidak minat dengan ...

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu tidak memberi laluan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Batu...tidak, tidak...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I am not interested in useless argument here, please sit down.*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Tanya tahu. Tidak, tidak.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *If you..... continue to insult your intelligence. [Ketawa].*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini berkaitan dengan penarikan diri Bank Negara supaya kita jangan spin berbagai-bagai.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak minat dengan hujah yang bodoh.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Jadi kita berpijak kepada peraturan dan undang-undang yang ada.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak mahu keluarkan ayat-ayat yang kesat kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain supaya mereka memalukan diri. Saya teruskan sebab saya ... [Dewan riuh]

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Batu, sedikit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *No, I don't want you to embarrass yourself among the public. Please, sit down.*

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini soal kepentingan negara.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dengan perkara ini..

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Mersing dan Ahli Yang Berhormat yang berdiri itu tolong duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu tidak memberi laluan. Tidak elok kalau berdiri kalau seorang sedang berhujah.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Batu, harus saya jelaskan sedikit sahaja lebih kurang satu *paragraph*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Batu, boleh? Takutkah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak mahu Dewan ini dicemari oleh hujah-hujah bodoh. Itulah sebabnya saya tidak bagi laluan. Ini tidak kena-mengena dengan peribadi. Kawan, kawan tetapi Dewan ini tidak harus diisi *Hansard* kita dengan hujah-hujah yang bodoh dan tidak masuk akal. [*Dewan riuh*]

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Batu, lain-lain isu, Yang Berhormat Batu. [*Dewan riuh*]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini bukan hujah yang bodoh, siapa yang bodoh. Hujah siapa yang bodoh.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini fakta.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Batu lagi bagi hujah yang bodoh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I am not saying anyone, I'm just saying* hujah-hujah bodoh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Siapa punya bodoh saya tanya. Siapa punya hujah bodoh? Siapa punya hujah bodoh? Saya mahu tanya sekarang, siapa punya hujah bodoh?

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Batu.. [*Dewan riuh*]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Batu bodoh kah, siapa yang bodoh sekarang?

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Batu yang bodoh.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa ini bodoh punya cakap.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang berdiri semua duduk. Yang Berhormat Batu duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jangan cakap macam itu.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri tolong duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Biar saya betulkan di sini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, tolong duduk. Ahli Yang Berhormat duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak mahu duduk. Bawa kerusi dia keluarlah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, baru tadi sebentar pendirian Menteri tidak memberi laluan. Saya berpendapat kalau tidak diberi laluan, tidaklah memberi laluan. Yang Berhormat Batu berpendirian yang sama. Jadi jangan sama sekali memaksa saya untuk berbuat tindakan kalau lagi perkara begini berterusan. Saya sering kali ingatkan kalau berhujah pertama jangan mengeluarkan kata-kata yang mengundang reaksi negatif kerana menimbulkan kekecohan. [*Dewan riuh*].

Ahli Yang Berhormat saya belum siap berhujah. Kalau menimbulkan kekecohan bermakna perbahasan tergendala. Kalau perbahasan tergendala bermakna menghabiskan

masa. Tugas saya memastikan masa itu dipatuhi. Yang Berhormat Batu, teruskan. Elakkan untuk berhujah untuk mengundang reaksi negatif.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey, saya akur kepada nasihat Tuan Pengerusi. Saya hendak ringkas sahaja untuk poin yang pertama saya iaitu kita adalah *legislator*, Bank Negara adalah *regulator*. Fungsi Bank Negara tidak boleh memaksa *legislator* untuk bagi dia kerja. *It's us that give Bank Negara the work. If we want Bank Negara to regulate they have to regulate. We want Bank Negara to sit in whatever Board is our decision.*

So, kita tidak boleh kata kita paksa siapa-siapa. Kalau kita kata Hakim Negara kena duduk dalam panel itulah hak kita sebagai pembuat undang-undang. Saya hendak ingin pergi ke poin kedua dalam pindaan kedua iaitu isu wakil daripada..

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Batu boleh saya tanya sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Apabila dalam *Board*, apabila kita berada dalam satu *Board* adakah peranan kita sekadar *regulator* walaupun dia ialah wakil daripada Bank Negara tetapi apabila kita berada di dalam *Board* dia boleh peranannya lebih daripada itu. Skopnya bukan sekadar *regulator*. Bermakna kalau peranannya lebih daripada itu, beliau boleh mempengaruhi *Board*, *influence the Board*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey. *Are you suggesting that Bank Negara is influencing the Board now?*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya tidak kata Bank Negara, saya kata wakil daripada Bank Negara, sesiapa sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betullah dalam Board boleh...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Sesiapa di dalam *Board* boleh mempengaruhi sebahagian daripada pembuat keputusan dalam *Board*. Bukan sekadar sebagai *regulator* sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya terima *argument* ini dengan sangat was-was. *It is a very alarming situation.*

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Batu..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ada dari pihak sana menyatakan wakil Bank Negara akan *influence*. Saya ingin dapat tahu penjelasan nanti dari Menteri insiden-insiden yang wakil Bank Negara telah keluar daripada, **bounce** *of responsibility nya*, telah '*integrate*' dan ini mengakibatkan ada kecenderungan *conflict of interest*. Kalau itu berlaku, itulah satu poin yang boleh meyakinkan saya untuk tidak sokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Mersing berdiri.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Mersing. Okey, terima kasih, Yang Berhormat Batu. Dahulu *million years ago* saya pernah duduk di kementerian yang jaga SOCSO. [Ketawa].

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Mersing, 36(12). Tidak apa, tidak apa. Sila, sila. [Ketawa].

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Itu *figure of speech*, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Batu. Sebenarnya *global view* mengenai *Central Bank*, dengan izin sebagai *regulator* tidak terlibat dalam mana-mana organisasi adalah satu perkara baru. Yang Berhormat Batu tahu tidak yang *Treasury* di US dia tidak duduk, tidak ada wakil dan tidak ada dalam *American Pension Fund*, satu.

Di Singapura, MAS – Mandatory Authority of Singapore tidak juga duduk dalam CPF dan trend ini adalah trend global. Adakah Yang Berhormat Batu bersetuju bahawa kita sebagai *legislator* perlu mengikut trend dan standard *global view* ini?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya juga merasa..

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Boleh tumpang sedikit, Yang Berhormat Mersing? Tambahan daripada Yang Berhormat Mersing sedikit sahaja Yang Berhormat Batu, sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Batu tadi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okey.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Mersing setuju tidak bahawa *towards a good governors*, [Ketawa]. Yang Berhormat Batu - penambahan kepada *I means subsec towards good governors and towards global good practises* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Klang tadi kalau tidak silap saya tadi bahawa penglibatan bank-bank negara di negara-negara lain adalah dikurangkan.

Itulah *global trends* sekarang *towards global good practises* seperti mana yang kita hendak memajukan negara kita dalam konteks ini. Jadi peranan Bank Negara dikurangkan di dalam kebanyakan institusi khususnya pelaburan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sedikit sahaja.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Jelebu tidak payah, Yang Berhormat Jelebu tidak payah. [Ketawa].

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sedikit sahaja, ini penting ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya tidak mahu, sebenarnya saya rasa *global trend* itu tidak ada kena-mengena dengan sistem perundangan. Saya percaya Yang Berhormat Mersing juga setuju dengan saya ialah dari segi bidang *legislative*, kita mempunyai...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ini penting ini berkaitan dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat jangan ganggu Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ..Kita mempunyai tanggungjawab untuk mempertahankan tradisi yang baik. Itu sebahagian daripada *Parliament Trend Tradition*. Itulah sebab...

Tuan Pengerusi: Panjang lagi, panjang lagi Yang Berhormat Batu?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Lima minit lagi. MTUC saya belum sempat lagi bincang sebab banyak celahan.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu biar nanti sambung sebelah tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat]

*[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Dewan ditempokkan pada jam 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu, ringkaskan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih, saya ingin teruskan. Saya hendak buat kesimpulan dengan *point* yang saya bawa tentang Bank Negara. Pertama sekali, saya tegur sekali lagi. Kita buat undang-undang untuk memelihara apa yang berfungsi dengan baik. Hanya tukar apabila kita menghadapi masalah. Bank Negara dikatakan telah hantar surat. Kita hendak tahu apa isi kandungan surat itu. Sudah tentu kalau inisiatif ini datang dari Bank Negara, sudah tentu ada *study* yang telah dibuat dan kita ingin tahu di sini apa justifikasi yang telah dibuat oleh Bank Negara? Apakah bahayanya dan risiko-risikonya dengan Bank Negara kekal dalam Lembaga Pelaburan ini? Sudah tentu kalau itulah, kita hendak dapat satu penjelasan di sini. Kalau bukan datang dari Bank Negara, kita perlu *list down* semua *instances* yang telah berlaku, ada *abuse*, ada *crossing the line* yang mencetuskan *conflict of interest*.

Jadi, bagi saya kalau kita hendak mengelakkan *conflict of interest*, lebih baik kita pinda undang-undang Bank Negara supaya wakil Bank Negara ini dalam mana-mana Lembaga tidak boleh campur tangan dan memainkan peranan yang neutral. Dengan nada yang sama, saya percaya Yang Berhormat Baling setuju dengan saya. Yang Berhormat Baling tidak ada di sini. Akan tetapi Yang Berhormat Baling baru-baru ini telah menyatakan benda yang sama apabila ditanya kenapa AG, Peguam Negara, Affendi, dilantik dalam Lembaga Tabung Haji, jawapan dia sama.

Kita perlukan orang yang ada kepakaran undang-undang, bayaran pun tidak ada, *benefit*. Dia datang hanya untuk memastikan Tabung Haji berfungsi dengan baik. Saya ingin tahu, kalau ikut logik yang sama, sama ada ini juga merupakan satu *conflict of interest*. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu, ini adalah satu antara kelemahan sistem Parlimen kita. Di mana macam cadangan untuk memotong perenggan (e) yang sedang Yang Berhormat Batu bahas. Setuju kah dengan saya, jika kita ada perbincangan, jika ada membawa rang undang-undang ini kepada *caucus* pekerja yang sedia ada di Parlimen ini. Kemungkinan besar perkara ini dapat dihalusi dan boleh mendapat sependapat supaya perkara ini mendapat satu resolusi yang baik iaitu *win-win* untuk pekerja dan pihak *stakeholders* yang lain. Jadi, kegagalan kerajaan menunjukkan tidak ada *progressiveness* dalam membawa satu rang undang-undang untuk kebaikan pekerja di negara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya setuju sepenuhnya. Itulah sebab kalau kerajaan ingin transformasikan satu imej yang kerajaan tahu segala-galanya, sepatutnya perkara ini dibincangkan dalam *caucus* dahulu. Itulah *bring to my point* yang saya hendak bawa kepada pindaan kedua, 7(g) ini ialah kita harus ingat asas falsafah PERKESO ini adalah sebuah model *tripartite*. Ia berbeza, kalau sekarang ini kita hendak bincang *world trend* Bank Negara, itu agak berbeza.

Oleh sebab bank dengan pembentukan PERKESO ini, ia model pada zaman 70-an. Negara kita mengamalkan banyak model yang dianggap sebagai sosial demokrasi yang membela hak pekerja dan tidak membenarkan pasaran bebas untuk menindas dan menyekat pasaran bebas supaya kepentingan pekerja dapat dijamin. Itulah sebab dalam *tripartite* ini...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit ya. Tidak boleh membiarkan kepentingan pasaran sahaja yang menentukan iaitu semua *stakeholders* patut ada peranan. Kalau kita sudah *remove* Bank Negara, *then* kita pula tidak ada wakil daripada pihak pekerja. Sebenarnya penyumbang utama, mereka tidak ada *voice*, tidak ada suara dalam Lembaga ini. Ini telah bertentangan dengan hasrat kita bentukan ini iaitu satu badan *tripartite* untuk memastikan melindungi kepentingan pekerja. Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan semua *stakeholders* ada peranan. Peranan *stakeholders* adalah penting memandangkan bahawa pendapatan SOCSO pada setiap tahun RM1.45 bilion dan aset hingga hari ini ialah RM23.6 bilion. So, ini adalah satu dana kewangan yang begitu besar. Saya nampak juga, Yang Berhormat pun sedar bahawa dalam *amendments* yang telah dikemukakan oleh pihak kerajaan, seksyen 74A juga memberikan peluang kepada kerajaan untuk mengambil alih firma-firma lain di Malaysia. Saya baca bahawa, *the organization may, with the approval of the Minister and Minister of Finance, establish or take over any company under the Companies Act.*

So pertama, kita dapati bahawa SOCSO ada dana yang begitu besar dan sekarang mereka boleh melabur ataupun mengambil alih ataupun mengambil bahagian dalam mana-mana

privatisation project di Malaysia, *joint venture* dan sebagainya. So, macam mana kita dapat menjamin kepentingan pekerja dalam proses ini memandangkan kita hadapi satu masalah yang besar, di mana kita tidak ada keyakinan terhadap institusi kerajaan yang sedia ada. Saya bangkit isu ini Tuan Pengerusi, sebab *Wall Street Journal* pada hari ini mengatakan bahawa dan saya baca dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

“According to the Wall Street Journal, Najib spent a total of USD15 million on holidays, shopping and jewellery. The spending was done at stores in United States, Malaysia, Italy and elsewhere.” Ini wang daripada pihak kerajaan.

■1440

So I think the point that you raised Yang Berhormat Batu, that semua stakeholders have to be represented, it's a tripartite system, and the workers have to be represented to protect their interest. Itu isu yang saya fikir yang harus di...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak gulung. Ya lah, itulah sebab kita dalam negara kita...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Sikit saja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sekejap. Saya memang tidak mahu layan hujah yang tidak berapa *logical*.

Seorang Ahli: Takutkah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya...

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Dengarlah dulu, baru tahu logik atau tidak. Belum dengar sudah cakap tak logik.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, saya sudah dengar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar semalam pun dia marah macam itu. Dia kata, *“Saya belum bercakap lagi, macam mana Tuan Yang di-Pertua tahu?”*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi saya bagi laluan kepada dia...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini menunjukkan zaman sudah berubah, Tuan Pengerusi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...Yang telah mengambil masa selama 10 minit untuk mengulang-ulangi perkara yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan, duduklah ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita harus ingat, kita adalah negara yang mengamalkan *mixed system, mixed economy*. Kita tidak setuju membenarkan pasaran bebas untuk bertingkah laku sewenang-wenangnya. Itulah sebab yang tadi sebut tentang ada *global trend*, ada makin- *global trend* ini ialah kerajaan atau *the state* makin dikurangkan peranannya dalam campur tangan urusan pasaran. Padahal, kita tidak menolak prinsip pasaran bebas.

Cuma, dalam falsafah yang kita amalkan dalam PERKESO ini ialah kita perlukan ketiga-tiga parti untuk sama-sama membuat satu konsensus, satu *investment* itu harus menguntungkan ketiga-tiga pihak. Itu yang berbeza dengannya. So, kita boleh kata *whatever American trend* kah, UK punya trend, tapi yang ini seolah-olah kita beli Jerman *car*, kita kena *spare part* nya, ganti balik dengan Jerman *spare part*. Janganlah kita masuk *China, made spare part* dalam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Baling bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itulah sebab bagi saya, kalau kita hendak sebut *global trend*...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Batu, *Malaysian trend*. I hendak bagi *Malaysian trend* sikit, boleh?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I didn't mention Malaysian trend.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya hendak cakap fasal *Malaysian trend*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *No.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita hendak kekalkan *good tradition of Malaysia* iaitu kita tolak pasaran bebas untuk bertindak sewenang-wenangnya. Pada masa yang sama, kita membenarkan pasaran ini memberi servis untuk faedah pekerja.

Oleh itu, kita juga hendak lihat trend yang sekarang ialah kebanyakannya ialah mempertingkatkan lagi *participation* atau penglibatan pekerja dengan wakilnya dalam semua *fund*. Kita lihat di Jerman ada *code termination* di dalam negara-negara Eropah yang lain. Untuk menjamin kestabilan kewangan, mereka telah membuka ruang yang lebih besar kepada perwakilan pekerja.

Kita tidak tolak syaratnya kalau wakil itu kerajaan boleh tetapkan mesti ada MBA, mesti ada 20 tahun pengalaman sebagai pengurus kewangan. Kita jangan pandang remeh MTUC atau *union* hari ini tidak ada kepakaran. Mereka boleh lantik seorang *financial consultant*. Yang penting ialah bila kita duduk bersama, *there must be representative of the workers* sebab *investment* ini tidak neutral. Dia tidak boleh dikatakan selagi dia buat untung yang besar, kita akan setuju.

Oleh itu, pindaan yang dicadangkan oleh kerajaan hanya tiga orang yang tidak menyatakan datang dari mana, ia bertentangan dengan hasrat undang-undang ini supaya pekerja dapat dibela dengan lebih efektif lagi. Dengan itu saya cadangkan supaya sebelah sana juga ambil hujah ini dengan baik dan terimalah apa yang positif datang daripada pembangkang. Bersama-sama kita mempertahankan hak pekerja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, lazimnya pada peringkat ini tidak melebihi 10 minit, Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Kuala Selangor, kemudian Yang Berhormat Shah Alam, selepas itu...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat, sudah berucap panjang semalam itu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini pindaan. Pindaan dua perkara.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, tiga orang ini, lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

2.45 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya peluang untuk membahaskan mengenai cadangan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput mengenai pindaan terhadap Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015.

Tuan Pengerusi, bila saya merujuk kepada cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput iaitu pindaan subseksyen 75A(2) berkenaan dengan perkara yang telah dibentangkan tadi, saya melihat perenggan 75A(2)(e) yang menggugurkan wakil Bank Negara Malaysia sebagai ahli panel pelaburan hendaklah dikekalkan. Ini berikutan, pertamanya, permintaan dari Bank Negara Malaysia sendiri dan untuk mengelakkan wakil Bank Negara Malaysia mempengaruhi apa-apa keputusan dalam panel pelaburan di bawah kawalan Bank Negara Malaysia.

Saya hendak merujuk pada tahun 2013 yang mana bila *Financial Services Act 2013* (FSA) telah dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia bagi menggantikan *Banking and Financial Institution Act 1959* (BAFIA) dan melalui *Financial Services Act* ini, peranan Bank Negara Malaysia telah diperluaskan iaitu daripada segi *regulatory* yang mana meliputi pihak berkuasa berkanun seperti PERKESO yang mana mereka mempunyai daripada segi *regulatory* dalam akta tersebut untuk mentadbir wang awam dan untuk dipantau.

Oleh itu, cadangan Bank Negara Malaysia untuk tidak menjadi ahli kepada Panel Pelaburan PERKESO permintaan sendiri Bank Negara Malaysia supaya kedudukan mereka di dalam panel pelaburan tidak bercanggah dengan peranan di bawah *Financial Services Act 2013*, dengan izin.

Mengenai dengan perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput iaitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Berkaitan dengan Bank Negara. Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Batu tadi dia tidak berani hendak bagi laluan. Dia berani sebut nama saya tapi dia tidak berani hendak bagi laluan. Tidak *gentleman* lah. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Ini berkaitan dengan isu dua perkara yang berbeza. Yang Berhormat Batu sebut tadi bahawa Tabung Haji telah lantik AG sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan sebagainya, okey, betul, ada asasnya.

Dalam konteks ini, kita menulis surat kepada *AG Chambers*, dia menamakan. Dalam konteks yang PERKESO dan Bank Negara, Bank Negara sendiri tidak mahu. Malah, di KWAP, EPF umpamanya, duit yang lebih tiga kali ganda daripada PERKESO pun Bank Negara telah menarik diri daripada menghantar wakil dalam *investment panel* ataupun dalam apa-apa jawatan. Ini kerana *conflict of interest*.

Esok kalau ada kesilapan, mereka ini, orang yang bercakap hari inilah yang akan tuduh Bank Negara bersekongkol dengan semua skandal yang telah berlaku dan sebagainya. Orang inilah, dua buah kolam, sekejap cakap begini, sekejap cakap begini, tidak ada pegangan. Jadi apakah pandangan Ahli Parlimen Kuala Selangor?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Baling tentang pandangan yang telah diberikan berdasarkan pengalaman beliau selaku Pengerusi Tabung Haji dan kasihan beliau juga selaku Pengerusi Tabung Haji ditohmah pelbagai.

Jadi saya fikir ini penting untuk menjaga apa yang dikaitkan dengan peranan Bank Negara dalam *Financial Services Act 2013*. Ini saya rasa penting sebab soal *regulatory* ini bukan soal main-main. Soal *regulatory* ini untuk dikaitkan dengan menjaga wang-wang awam dan dipantau oleh Bank Negara.

Seterusnya perkara yang kedua mengenai pindaan oleh...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Okey, Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Saya hendak mencelah sedikit mengenai tadi bila Bank Negara menarik diri dalam Jawatankuasa Pelaburan PERKESO. Saya difahamkan dalam Tabung Haji pun tidak ada, dalam KWAP turut tak ada.

■1450

Jadi, dia hendak mengekalkan tahap *regulatory* itu dan tidak terbabit atau mempengaruhi pada peringkat membuat keputusan. Jadi, ini satu konsep yang baik dan ini selaras sebenarnya dengan konsep yang diamalkan oleh bank-bank negara di seluruh dunia. Jadi, kita *confirm*, kita

seiring di atas dasar di mana bank-bank negara seluruh dunia tidak terbabit dalam *decision making* dalam pelaburan-pelaburan. Ini sebenarnya bercanggah pula dengan pendapat daripada Yang Berhormat Klang mengatakan *the world standard*, dengan izin, macam ini. Jadi, saya rasa pandangan Yang Berhormat Klang tidak tepat. Jadi, Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Saya mohon agar ucapan daripada Yang Berhormat Kota Tinggi dan juga sebentar tadi Yang Berhormat Baling untuk dimasukkan dalam ucapan saya kerana ia dikaitkan juga tentang mengenai *regulation* iaitu dalam *Financial Service Act 2013* yang mana ini berkaitan dengan *regulatory*.

Perkara yang terakhir ialah berkaitan dengan cadangan pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput mengenai cadangan perenggan baru iaitu 75A(2)(g), dengan izin, untuk memasukkan dua orang wakil kesatuan sekerja yang disyorkan oleh pihak MTUC.

Bagi hemat saya, ia harus ditolak kerana ia tidak ada keperluan dalam perenggan tersebut memandangkan kalau kita lihat daripada segi akta ibu perenggan 75A(2)(b) dalam akta ibu yang mewakili kepentingan majikan dan juga pekerja telah dinyatakan. Sehubungan dengan itu, tiada keperluan untuk menambah lagi bilangan wakil pekerja seramai dua orang seperti mana yang diusulkan. Falsafah itu sudah wujud dalam akta ibu tentang perkara tersebut.

Tuan Pengerusi, berdasarkan perkara-perkara yang saya nyatakan saya mohon cadangan pindaan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput hendaklah kita tolak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

2.52 ptg.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar dengan teliti hujah-hujah daripada pihak *backbencher* yang ingin menolak pindaan yang telah dikemukakan. Dalam persoalan isu yang pertama iaitu berhubung dengan subseksyen 75A(2)(e) hujah yang dikemukakan ialah bahawa ia merupakan permintaan dari Bank Negara.

Permintaan dari Bank Negara tidak seharusnya mempengaruhi keputusan Dewan ini. Dewan ini sepatutnya membuat keputusan berdasarkan kepada apa yang terbaik untuk PERKESO. Untuk hendak tentukan apa yang terbaik untuk PERKESO dalam soal jawatankuasa pelaburannya, maka kita boleh lihat kepada prestasi PERKESO selama ini. Adakah benar bahawa dengan adanya wakil dari Bank Negara selama ini ia telah mencatatkan prestasi PERKESO. Sekiranya ada, sila kemukakan buktinya bila ia berlaku dan bagaimana.

Kita tidak boleh bertindak atas kehendak dan permintaan mana-mana pihak. Kita berbahas di sini untuk memikirkan apa yang terbaik. Setakat ini apa yang dikatakan *Financial Services Act 2013* yang menetapkan bahawa peranan Bank Negara sebagai badan *regulatory* ataupun pemantau. Ia tidak dalam akta itu disebut bahawa oleh sebab itu maka wakil Bank

Negara atau pun pihak Bank Negara tidak akan lagi terlibat di dalam mana-mana badan yang telah dibentuk yang mempunyai kepentingan awam seperti SOCSO, PERKESO dan sebagainya.

Lalu untuk hendak katakan bahawa ia bercanggah dengan *Financial Services Act 2013* juga adalah tidak benar. Selain sekiranya sudah disebut dalam akta itu bahawa oleh sebab peranan Bank Negara adalah *regulatory*, maka selepas ini Bank Negara tidak dibenarkan lagi untuk meletak atau melantik mana-mana wakilnya di dalam mana-mana badan. Lalu saya berharap hujah-hujah yang seperti ini yang dikemukakan dengan penuh bergaya ditolak kerana ia tidak mempunyai asas yang kukuh.

Pertama, permintaan. Kita bukan buat undang-undang atau keputusan bergantung kepada permintaan mana-mana pihak. Kita membuat keputusan atas dasar apa yang akan menentukan dan menjamin prestasi dan masa depan yang lebih baik. Bukan atas dasar permintaan. Kerajaan sendiri pun termasuklah pihak peguam negara, permintaan Bank Negara ambil tindakan terhadap Perdana Menteri. Dia tidak ambil kira. Lalu itu merupakan satu keadaan di mana permintaan Bank Negara diketepikan. Lalu tiba-tiba yang *ini* "Oh! "Permintaan Bank Negara". Seolah-olah apa yang diminta oleh Bank Negara kita kena ikut [Tepuk]

Biarlah konsisten. Dengar hujahnya. Soal *conflict of interest* tidak timbul. Apa yang dikatakan wakil Bank Negara akan mempengaruhi keputusan. Ya lah, dia ada fakta, dia ada hujah. Bukan dia buat keputusan, "Eh! Aku dari Bank Negara, kamu dengar cakap aku". Bukan macam itu. Dia berbincang dalam mesyuarat apa fakta-faktanya, apa hujah-hujahnya untuk menyokong atau menolak mana-mana cadangan pelaburan dan sebagainya. Lalu mempengaruhi. Memanglah orang yang duduk dalam jawatankuasa pelaburan itu dia berperanan kemukakan hujah untuk pengaruhi dengan kekuatan hujahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau duduk diam sahaja, tidak berpengaruh sudah tidak payah lah lantik. Kita hendaklah orang yang macam itu, yang ada fakta, ada pengalaman, ada pengetahuan dan boleh mengemukakan hujah-hujah yang boleh mempengaruhi keputusan jawatankuasa pelaburan kepada yang lebih baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun pasal dia tak nak berhujah tadi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi sebab saya tidak perlu ucapan. Seterusnya, saya cuma hendak buat pencelahan. Ada tidak Yang Berhormat Shah Alam bersetuju dengan saya bahawa kekhuatiran, keresahan dikhuatiri tabungan ini akan di *manipulate*, akan di salah gunakan atas dasar kapasiti pelaburan yang tidak menentu kebelakangan ini merunsingkan dan amat mengerikan apabila dimaklumkan kepelbagaian isu berbangkit dalam soal pelaburan ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Shah Alam juga dan Dewan ini, ini wang pencarum pekerja-pekerja dan tidak terlibat langsung dengan tabungan penambahan kerajaan. Jadi, saya

berfikir adakah ia merisaukan kita atas dikhuatiri tabungan ini akan menjerumuskan kepada penyalahgunaan. Adakah Yang Berhormat Shah Alam bersetuju dengan saya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan kekhawatiran dan kerisauan itu bukan sesuatu yang tidak berasas. Malahan, ada banyak alasan dan banyak hujah yang menyebabkan kita boleh dan wajar merasa khuatir dan risau. Saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau hendak kemukakan hujah mengenai kenapa kita tidak hendak wakil Bank Negara dalam jawatankuasa pelaburan, sila kemukakan? Bagaimana kehadiran wakil dari Bank Negara ini telah merencatkan peranan jawatankuasa pelaburan itu. Dia telah menjadi sebagai penghalang. Dia telah menjadi sebagai punca skandal. Dia telah menjadi sebagai punca masalah kepada PERKESO selama ini. Sedangkan, setakat yang saya lihat keuntungan yang dicatatkan oleh PERKESO selama ini, lebih kuranglah maklumat yang saya dapat RM1.45 bilion aset, RM 23.6 bilion, *surplus* sebanyak RM23 bilion.

■1500

Kita khuatir bahawa prestasi ini akan terencat dengan pindaan yang dibawa, yang nombor satu hendak ketepikan walaupun datangnya daripada cadangan dari Bank Negara tetapi sokongan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli pihak *backbenchers* dan pihak kerajaan agak luar biasa menerima sahaja cadangan dan permintaan dari Bank Negara sedangkan yang lain ditolak. Kita khuatir bahawa prestasi ini akan terencat dan aset yang ada akan dimanfaatkan untuk tujuan-tujuan yang tidak sepatutnya. Kedua, persoalan dengan wakil daripada pihak MTUC.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini nak gulunglah. Tadi ada yang mengemukakan hujah. Dia kata bila kita baca tentang soal PERKESO, daripada segi falsafahnya memang untuk menjaga kepentingan majikan dan pekerja daripada segi falsafahnya. Saya tak nak dengar bab falsafah sahaja. Tak, yang tadi Yang Berhormat Kuala Selangor sebut bab falsafah. Yang Berhormat Kuala Selangor sebut.

Saya tak nak dengar bab falsafah. Falsafah itu falsafah. Kita nak tengok pelaksanaannya. Kalau kita hendak lihat pelaksanaan falsafah itu, maka semestinya kita menentukan bahawa dalam Jawatankuasa Pelaburan ini suara pihak pekerja didengari kerana apa? Kerana falsafahnya mengatakan badan ini bertujuan untuk hendak jaga kepentingan majikan dan juga pekerja.

Kita hendak tengok pelaksanaan falsafah itu dan tiada cara yang terbaik untuk melaksanakan falsafah ini selain daripada mengiktiraf kedudukan MTUC sebagai salah sebuah badan utama yang mewakili pekerja dan atas sebab itu, dua orang yang datangnya daripada MTUC duduk di dalam Jawatankuasa Pelaburan PERKESO adalah amat wajar dan selari dengan falsafah itu.

Cadangan ini memberikan kuasa kepada Menteri untuk memilih. Kita beri lima nama dan kita boleh berbincang dengan Menteri. Menteri boleh kata kita hendak orang macam ini, orang macam ini, orang macam ini, ada kelayakan macam ini dan sebagainya. Kita setuju asalkan ia untuk kebaikan PERKESO itu sendiri. Lalu saya dengan ini menyokong 101% pindaan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

3.03 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Sekian lama Menteri akan jawab. Pindaan subseksyen 75A(2)(e) dan subseksyen 75A(2)(g) yang telah dibawa oleh Ahli Parlimen Sungai Siput. Sebanyak tujuh orang Ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sungai Siput mencadangkan fasal 7 kertas pindaan warna *pink* ada di sini supaya memperuntukkan pindaan subseksyen 75(2)(e) dipadamkan mengikut Peraturan 55(3) dan Peraturan 57(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Perenggan 75A(2)(e) adalah pindaan bagi menggugurkan wakil Bank Negara Malaysia sebagai ahli panel pelaburan.

Tuan Pengerusi, Bank Negara dalam suratnya 12 Julai 2010, saya belum jadi Menteri lagi iaitu yang ditujukan kepada Ketua Eksekutif PERKESO. "*Tuan, pengunduran perwakilan bank dalam panel pelaburan PERKESO*". Bunyinya begini, "*Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara 2009, akta mulai 29 November 2009 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958, maka pihak kami telah mengkaji semula berkaitan penyertaan pegawai-pegawai kanan bank dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa luar...*". Inilah Tuan Pengerusi, surat yang menjadi keramat kepada kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, sedikit sahaja. Boleh baca balik yang *last paragraph* yang kata kaji semula kah, tarik diri kah itu.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Mana ada tarik diri, *you* tidak dengar.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *I want you to read the last paragraph.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Let me repeat okay, thank you. "Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009, akta mulai 29 Oktober 2009 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958..."*. Tuan Pengerusi, cadangan pindaan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terus bacaan tadi.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Baca habis? Okey, baca habis boleh. "*...pihak kami telah mengkaji semula berkaitan penyertaan pegawai-pegawai kanan bank dalam lembaga pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa luar. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat untuk memastikan mandat dan tanggungjawab bank dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan percanggahan kepentingan. Berikutan*

dengan... tersebut, pihak bank telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan penyertaan wakil bank dalam panel pelaburan PERKESO". Faham?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarikh dia bila Menteri?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, tarikhnya bila Yang Berhormat Menteri, Baling. Bilakah tarikhnya?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tarikh 12 Julai tahun 2010, sebelum saya jadi Menteri lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, sekarang tahun bila? 2000 berapa?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tahun 2016.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tahun 2016. Selepas enam tahun, "*menangguk di air yang keruh*". Selepas enam tahun, baru mu sibuk memperjuangkan Bank Negara. Ini, "*menangguk di air yang keruh*". Itulah pembangkang!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Mana kita tahu mengenai surat ini. *Internal information*. Yang Berhormat Baling, *you don't understand*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *If* tidak ada surat. *No, no*, kalau tidak ada surat, *how come* Bank Negara... [*Dewan riuh*]

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, ini forum saya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *That's why* Bank Negara *do it*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, minta maaf, ini forum saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta penjelasan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Jangan setiap kali saya cakap, *ha ha*. Ini bukan tempat bermain saudara.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya mahu minta penjelasan. Saya minta penjelasan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Nombor dua...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Cadangan pindaan fasal 7 ini dipohon supaya ditolak dan tidak dipersetujui malahan peruntukan pindaan 75A(2)(e) Indonesia bilang 'a' bagi menggugurkan wakil Bank Negara Malaysia hendaklah dikekalkan, berikutan daripada permintaan oleh pihak Bank Negara Malaysia sendiri. Melalui surat mereka kepada Ketua Pengarah PERKESO bertarikh 12 Julai 2010 dan juga 18 Ogos tahun 2010. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kira bahawa surat itu tahun 2010 dan seperti mana Yang Berhormat Baling dia tidak sedar ini sudah tahun 2016. Dia tidak tahu tarikh hari ini.

■1510

Lalu, adakah ini bererti bahawa selama ini enam tahun tempohnya telah Bank Negara terlibat dalam satu keadaan yang dianggap bagi dirinya sebagai *situation of conflict of interest* dan kerajaan membenarkan begitu. Adakah itu maksudnya mengapa surat yang 2010, tiba-tiba 2016 baru kita hendak ambil tindakan. Kalau sekiranya benar tafsiran Bank Negara bahawa memang wujud *conflict of interest*.

Saya dengan hormat, mengiktiraf itu tafsiran Bank Negara. Mereka anggap bahawa peranan mereka dalam Jawatankuasa Pelaburan dalam Lembaga Pengarah mungkin boleh menimbulkan *conflict of interest* tetapi ia tidak semestinya satu tafsiran yang kita terima sepenuhnya dan ini terbukti berdasarkan kepada prestasi. Adakah bukan sekadar wujudnya satu pentafsiran dan kalau kita terima tafsiran itu bererti enam tahun kita berada dalam satu keadaan yang bercanggah dengan apa yang dikatakan Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi bukanlah minta penjelasan tetapi rentaknya lain.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Menteri, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, apa yang saya sedang sebutkan di sini ialah apa yang bersangkutan paut dengan PERKESO dengan agensi-agensi, badan-badan yang lain saya tidak tahu. Seperti mana yang telah disebutkan oleh Tabung Haji tempoh hari, tarikhnya berlainan sedikit tapi ini adalah yang bersangkutan paut dengan PERKESO, ia sebuah agensi di Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, sedikit.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya izinkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan kah Yang Berhormat?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Perkara pengunduran perwakilan Bank Negara Malaysia...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Menteri, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: ...Bagi panel pelaburan PERKESO adalah atas alasan supaya selaras dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009, faham! Yang dikuatkuasakan mulai 29 November 2009 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958, okey *question*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Klang.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya hendak balik kepada surat yang telah dibaca tadi oleh Menteri, surat yang bertarikh 2010 dan sekarang ialah 2016. Keadaan pada masa itu adalah berlainan daripada sekarang. Minta penjelasan Menteri ialah memandangkan kepada *financial regularities that we have especially involving state institution* termasuk dengan SOCSO, adakah kita mesti menerima pandangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara.

This is a law making body, we are making law here. We should tell what Bank Negara should do and should not do. We are now giving the advise but giving 1MDB dan juga cara mereka mengumpul wang. Clearly shows that is financial regularities. Therefore, saya minta Yang Berhormat ulas, review decision Yang Berhormat, demi kepentingan pekerja dan juga rakyat Malaysia, terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu, fakta saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri selepas surat ini adakah telah bermaksud sekian lama Bank Negara sebenarnya tidak lagi hadir dalam mesyuarat Lembaga selama ini. *Eventhough*, undang-undang belum diluluskan sebab dia telah nyatakan mereka tidak mahu *conflict of interest*. Maksudnya sekian lama enam tahun ini Bank Negara *actually absent from the meeting*. Boleh kah saya dapat secara fakta, adakah ini benar ?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Now*, dalam keadaan tertentu sebagai contoh PERKESO, *I am taking about PERKESO now*. PERKESO telah menerima surat bertarikh 12 hari bulan, lepas itu Ketua Pengarah PERKESO pada 16 Julai yang pertama surat dari Bank Negara yang dituju kepada Ketua Eksekutif PERKESO iaitu tentang pengunduran perwakilan Bank Negara dalam panel pelaburan PERKESO, tarikh 12 Julai 2010.

Akan tetapi, Ketua Eksekutif PERKESO telah menjawab pada 16 hari bulan menyatakan bahawa saya baca di sini sambungan daripada para nombor dua adalah jika dimaklumkan bahawa penyertaan wakil Bank Negara Malaysia dan panel pelaburan PERKESO adalah mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 seksyen 75A(2)(e). Lepas itu pihak kami berpandangan, kenyataan wakil Bank Negara dalam panel pelaburan adalah berfaedah kepada pengurusan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial dan berharap wakil Bank Negara Malaysia akan terus menganggotai, itu ketika itu. Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya rasa apa yang ditulis oleh pihak surat daripada PERKESO itu oleh pihak pengurusan atasan PERKESO *speak for itself* bahawa adanya wakil Bank Negara berfaedah ia membantu, lalu di sini kalau pihak PERKESO sendiri sudah pun beranggapan sebegitu rupa mengiktiraf

sumbangan, peranan, faedah yang diperoleh daripada, adanya wakil Bank Negara dalam Jawatankuasa Pelaburan PERKESO, maka apa masalahnya saya tidak faham...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Adakah kita ini buat undang-undang semata-mata atas dasar permintaan ataupun atas dasar prestasi yang terbukti yang Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bukannya tahu. Dia bukan pegawai PERKESO.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak payah, saya tarik balik. Mereka saja bisingnya, sepatutnya jangan bising. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Apa yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada hari ini, ini akan menetapkan bahawa selepas ini BNM, Bank Negara Malaysia tidak akan duduk dalam panel pelaburan PERKESO, *clear*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat... *[Disampuk]*

Seorang ahli: Tidak payah.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Batu telah bangun tidak tahu berapa batu *[Ketawa]* Oleh hal yang demikian, kementerian tidak akan menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri, tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduklah.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Menteri tidak mahu jawab, Yang Berhormat Batu telah bercakap melompat sana, melompat sini sekian lama *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Berbatu-batu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri "kepala batu".

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, kalau kena cakap "kepala batu", jangan marahlah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini orang, ini Yang Berhormat Sepang bikin usul pun dia tidak mari, apa punya Ahli Parlimen tidak bertanggungjawab. Tadi pagi buat usul tidak datang, ini apa punya Ahli Parlimen. Orang Sepang tolong tolak sama ini orang. Bikin usul tidak mari, apa punya ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudahlah, Menteri mahu jawab Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jangan marah, jangan dengar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, surat daripada PERKESO cukup jelas.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Sejak tadi saya kira saya telah memberi ruang kepada Yang Berhormat Shah Alam tidak kurang dari empat kali, terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Dia tidak ada had Yang Berhormat, dia tidak ada had.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, tidak bagi jalanlah itu.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, ini adalah kerana maklumat untuk memastikan mandat dan tanggungjawab baik negara Malaysia dapat dilaksanakan dengan berkesan serta mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dan percanggahan kepentingan.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, kajian semula oleh Bank Negara Malaysia telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan penyertaan wakil BNM dalam panel pelaburan PERKESO...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Walaupun berfaedah, walaupun menyumbang, walaupun ada peranan yang baik, walaupun memberi kesan yang betul, yang baik, masih tidak hendak juga, macam mana ini Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu tidak termasuk Yang Berhormat.

■1520

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi, kita sini ada forum. Ini bukan *market*. Ini bukan tempat orang ber...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dari *market* lah kita mari sini.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Saya suka menyanyi tetapi malangnya di tempat ini saya tidak menyanyi *[Ketawa]* *I am good singer you know, recording artist.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, *please, please. Please sing us a song. Please [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada menyanyi, jangan macam itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Laku kah album?

Datuk Richard Riot anak Jaem: So, susulan daripada itu Tuan Pengerusi, pindaan perlu dilakukan ke atas seksyen 75A (2)(e) kerana peruntukan wakil Bank Negara Malaysia dalam Panel Pelaburan PERKESO keperluan statutori yang dinyatakan dalam akta. Yang Berhormat Sungai Siput juga mencadangkan fasal 7 - (Pindaan) - kertas warna kuning, *pink*. Maaf! Supaya peruntukan baru seksyen 75A(g) diadakan bagi memasukkan dua orang wakil kesatuan sekerja yang disyorkan oleh MTUC.

Tuan Pengerusi, harus diingat di sini bahawa daripada segi pencaruman untuk KWSP, majikan membayar 1.7% daripada gaji. Malahan pekerja hanya membayar 0.5%.... *[Disampuk]* *No, well KWSP is not under us. I think you don't know your subject... [Dewan riuh]* *Can you just*

..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, ini kita bincang PERKESO, bukan KWSP.

Datuk Richard Riot anak Jaem: *No, not, not-* dia di bawah EPF.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, kita tahu. *But it's not the topic of the discussion. It's not the topic of debate. The debate now is about SOCSO.*

Datuk Richard Riot anak Jaem: *Yes, you have ask, you have back has gone so much astray... [Dewan riuh]*

Tentang 2.7, cadangan pindaan fasal 7 ini adalah dipohon supaya ditolak dan tidak dipersetujui. Ini adalah kerana telah ada subseksyen 75A (2)(b) yang sedia ada di dalam Akta ibu yang mewakili kepentingan majikan dan pekerja. Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, tiada keperluan untuk menambah lagi bilangan wakil pekerja seramai 2 orang seperti yang diusulkan. Sebarang pembaharuan wakil pekerja akan menyebabkan ketidakseimbangan keahlian panel pelaburan yang berasaskan kepada *tripartite principle*. Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, dipohon jawatankuasa ini tidak bersetuju dengan kedua-dua cadangan pindaan fasal 6 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sepang, maaf..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Maaf, Siput, Siput, maaf yang dikemukakan oleh Yang Berhormat fasal 7 yang... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Yang dikemukakan oleh fasal 7 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Siput.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sungai Siput *[Ketawa]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sungai Siput ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri wakil..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Siput pun boleh, makan siput pun boleh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *I, saya..*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis dah, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *I think the Minister should stick to singinglah ya...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dah, dah, dah, dah..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Because* bila jawab soalan, dia tak jawab isunya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: *Okay, you want listen me singing- for singing.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Isunya *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *You should stick to singinglah,* Yang Berhormat Menteri *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Sing a long, sing a long.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui].

Fasal-fasal 6 hingga 12 -

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi. Walaupun, *could I adress the chair?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, walaupun cadangan Yang Berhormat Sungai Siput telah ditolak, saya pohon agar klausa 7 diberikan untuk dihujah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, dia tengah, dah sebut dah tadi. *[Disampuk]* Pindaan telah disetuju, tidak disetujui, betul... *[Disampuk]* Ya, *next one.* 6 hingga 12. Ya, ya, ya.

You want to take part? Fasal-fasal 6 hingga 12 Yang Berhormat ya. Tidak lebih 10 minit ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya Tuan Pengerusi, dua hal. Mengenai jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, *the most shocking revolution today was done in Parliment* kerana kali pertama kita dengar *and I thank the Minister for his honesty and his clarification on the letters, on the put on the record.* Menunjukkan satu trend yang baru saya harap. Menunjukkan pada tahun 2010, surat telah ditulis oleh Bank Negara. Selepas itu, Ketua Eksekutif SOCSO menolak dan memohon agar Bank Negara untuk menyambung perkara itu. Akan tetapi saya harap Yang Berhormat dapat memberi penjelasan, klarifikasi, adakah selepas surat itu dihantar, apa sebab sekarang kerajaan didesak untuk mengambil pandangan yang baru iaitu menolak kehadiran Bank Negara di *Board* tersebut? Nombor satu. Nombor dua, adakah *internal legal advisor*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *which section are you referring to,* Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Seven- 75A(2).*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okay, seksyen 7?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Seksyen 7, *by deleting paragraph 2,* Bank Negara kerana surat yang dikemukakan sangat *shocking because* tak pernah ini satu perkara. Bukan macam kawan saya Yang Berhormat Baling yang mengatakan bahawa kita sepatutnya tahu. *We don't know what has happened. What is in the government...?* Ini adalah satu di antara *preview* mereka. Itu saya cakap Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tuan Pengerusi bahawa kalau ada perbincangan dengan kaukus, ada perbincangan dengan Ahli Parlimen sebelum ini, semuanya dapat dielak. *There could be a win-win position.*

Akan tetapi saya hendak tanya, adakah dengan siapakah memberi pandangan sekarang? Memandangkan seperti apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Klang sebelum ini

bahawa situasi pada tahun 2010 dan 2016 sangat berbeza, kita sudah tahu. Skandal-skandal yang tertentu, 1MDB dan sebagainya menunjukkan lebih mustahak bahawa Bank Negara, *be involved in this board*.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin klausa 6. Saya hendak tanya, adakah untuk membawa perubahan, ada cadangan untuk membawa perubahan kepada akta ini. Di antaranya mengatakan bahawa "*The organisation may with the approval of the Minister and the Minister of Finance establish to take over any company under the Companies Act to carry out administer.*" *Actually the Companies Act* hari ini akan memberi *amendment*. *It will be amendment to...* [Disampuk] *Ya, actually, today's the main Companies Act is going to be amended, new Companies Act going to come, but any way, with the old school are top.* Tak apa. *To carry out, administer, conduct and manage and any project joint venture, privatisation program, scheme, enterprise-* ini menunjukkan ada sesuatu yang tak kena. Adakah *company*, atau perniagaan yang telah dikenal pasti atau yang telah diketahui oleh kementerian, SOCSO supaya mengambil alih? Adakah apa-apa syarikat yang boleh diberitahu kepada kami pada setakat ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mahu minta penjelasan, apa sebabnya PERKESO perlu kuasa ini untuk menjalankan, mentadbir, mengendalikan, menguruskan usaha sama program penswastaan? Kenapa pada masa ini di bawah seksyen 74 yang sedia ada, dalam bahasa Inggerisnya, *the organization can acquire, hold, sell, transfer* automotif bangunan-bangunan untuk PERKESO sekarang boleh dibeli, boleh ditahan, boleh dijual oleh PERKESO dan di bawah 71(2), SOCSO pun ada kuasa sekarang untuk *establishment and maintenance of hospitals, dispensary, other institutions, provisional medicals, services* dan segala-galanya.

So sekarang, kuasa sekarang yang dipohon oleh PERKESO ini, apakah jenis-jenis syarikat ataupun perniagaan yang SOCSO akan ceburi, yang sekarang tidak boleh dilakukan yang dalam akta yang sedia ada? *Is SOCSO going to go and invest in mining, for example? You know, what is SOCSO going to do?* Apakah perlunya, kerana sekarang SOCSO ada kuasa yang sepenuh-penuhnya untuk bangunan, untuk pejabat, untuk hospital, untuk dispensari, untuk *physio centre*.

■1530

Jadi *I don't understand* keperluan SOCSO memperluaskan kuasanya untuk membuat segala-galanya dalam arena *business*. Harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab isu ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

3.30 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membangkitkan dua perkara.

Pertamanya tentang fasal 6 ini. Walaupun usul saya tadi telah ditolak tetapi saya ingin menyatakan bahawa ini satu perkara yang amat serius sebab ia melibatkan satu seksyen baru yang ditubuhkan untuk membenarkan SOCSO ini menubuhkan sebuah syarikat dan juga mengambil alih syarikat. Seperti mana yang telah saya tegaskan sebelum ini bahawa kita tidak mahu sama sekali melihat SOCSO atau PERKESO ini melencong daripada tujuan asal, sebab tujuan asal itu ialah tujuan yang memang telah, dengan izin, *was specifically design to have* atau pun *to create a social security* untuk khususnya mereka yang telah menyumbangkan tenaga dalam perburuhan ini.

Jadi, kita tidak mahu sama sekali, Yang Berhormat Menteri, apabila ditubuhkan syarikat ini, membenarkan SOCSO untuk menubuhkan syarikat dan juga mengambil alih syarikat ini, kita tidak mahu duit yang dicarumkan ini mungkin akan digunakan ke atas penubuhan syarikat, ke atas pengambilalihan syarikat ini.

Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan satu jaminan kepada Parlimen ini bahawa sekiranya undang-undang ini dibenarkan, seksyen 74A ini diluluskan, apakah jaminan tidak akan digunakan, walaupun lima sen duit SOCSO, untuk urusan penubuhan syarikat ataupun pengambilalihan syarikat? Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jaminan? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jaminan tidak ada lima sen pun yang akan digunakan, mungkin kita boleh terima idea untuk membenarkan seksyen baru ini.

Akan tetapi saya percaya, dengan adanya seksyen ini, sudah tentu dan sudah barang pasti duit caruman ini pasti akan digunakan. Apa yang kita tidak mahu nanti- dalam hal ini pun, SOCSO tidak boleh bertindak secara *independent* sebab ia ada campur tangan dua orang Menteri iaitu Menteri Sumber Manusia dan Menteri Kewangan. Dua orang Menteri ini boleh mengarahkan. Maknanya SOCSO tidak boleh membuat keputusan secara bersendirian dan dia mesti mendapatkan *approval* daripada Menteri.

Persoalannya, kalau Menteri telah mengarahkan untuk mengambil alih syarikat ini, syarikat ini ada masalah, ambil alih dan menggunakan duit caruman ini untuk membantu syarikat ini, ketika itu bukankah kita telah melanggar amanah yang diberikan? Sebab, ini duit amanah, duit orang ramai, duit yang melibatkan pencarum-pencarum, majikan sektor perburuhan ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya berharap walaupun usul saya tadi ditolak tetapi Barisan Nasional kalau ada hati nurani, kalau ada perasaan, kalau ada rasa bahawa kita perlu memastikan duit, wang rakyat ini perlu dijaga... *[Disampuk] Conscience* ini. Saya berharap tidak perlu menunggu pembangkang membuat usul, kita mesti *delete* perkara ini, *be a man* lah. Jangan jadi macam Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini, Yang Berhormat Menteri. Ini peluang untuk Yang Berhormat Menteri tunjukkan Yang Berhormat Menteri ada rasa...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Menjaga kepentingan pekerja ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ada hendak tanya kah?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, hendak tanya. Yang Berhormat Sepang buat usul tetapi Yang Berhormat Sepang tidak bertanggungjawab, Yang Berhormat Sepang tidak datang tadi. Kami bagi Yang Berhormat Sepang 15 minit tahu, kita *delay* kan sesi ini. Yang Berhormat Ipoh Barat kata *on the way*, Yang Berhormat Shah Alam kata *on the way*. Kita tunda 15 minit. Itu pun Yang Berhormat Sepang tidak sampai juga. Sekejap. Itu satu.

Selepas itu, tadi Yang Berhormat Sepang sedap sahaja bercakap Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia akan campur tangan, akan mengganggu-gugat PERKESO. Itu pun sudah tidak betul, bersangka jahat, Yang Berhormat Sepang. Macam mana Yang Berhormat Sepang hendak menjawab benda itu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini soalan yang paling mudah. Setakat saya dalam Parlimen ini, ini soalan paling mudah untuk dijawab.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kerana ponteng?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pertamanya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Soalan mudah untuk ponteng? *Astaghfirullahalazim*. Orang Sepang silap mengundi Yang Berhormat Sepang ini. Dia kata dia ponteng, soalan senang hendak jawab pasal ponteng.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Memanglah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bila buat usul, tak bertanggungjawab...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei, *you* tanya, bagi saya jawab. Apakah masalah ini?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. *Point of order* yang mana Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order* 36(12).

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Merujuk apa itu, Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini *statement* yang dibuat oleh Yang Berhormat Baling.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bilakah?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Baru sahaja. Mengatakan bahawa Yang Berhormat Sepang, oleh sebab dia lambat datang, kita tunda 15 minit. Itu tidak benar. Saya mohon agar ditarik balik atau...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bukan tunda, *delay*...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, no*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Delay because* Yang Berhormat Sepang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tidak ada langsung. *He is misleading.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Delay*, ambil masa 15 minit.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kerana Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalaulah waktu itu Yang Berhormat Sepang sampai, sudah dapat jalan. Yang Berhormat Sepang *cannot make it*, 15 *minutes* saja.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *My floor* lah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *But you cannot say that.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak perlulah Yang Berhormat

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I just telling the truth.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You want to speak?*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *I am asking him a question*, kenapa dia tidak datang?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You want to speak? Speak* lah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey. Saya tanya Yang Berhormat Sepang kenapa selepas buat usul tidak datang. *Why* Yang Berhormat Ipoh Barat sibuk hendak menjawab? *Nothing to do with you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Point of order*, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, ini mustahak kerana jangan *mislead* kerana mungkin ada pengundi-pengundi lain dari Sepang yang akan dengar dan dipercayai...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Misleading statement.* Ini tidak benar. Betul Yang Berhormat Sepang datang lambat *but there was no* tangguhan *at all* dan *this is very misleading.* Ini serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya rasa kali kedua Yang Berhormat Baling bangun, dia pun sudah perbetulkan, ia bukan sengaja di *delay* tetapi tertangguh disebabkan gangguan ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pertama sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jadi Yang Berhormat, saya tidak fikirkan ada pelanggaran P.M.36(12) ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih. Pertamanya, kalau saya silap, saya memang mengaku silap, tidak ada masalah. Tidak macam Barisan Nasional, sudah salah pun tidak mengaku salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak payah masukkan Barisan Nasional, Yang Berhormat. Khusus kepada pindaan, Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang pun samalah. *Bai'ah* pun salah, *bai'ah*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Question, question.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Makan gaji haram.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Secondly*, saya nak mengatakan bahawa- Yang Berhormat Baling kata saya tidak bertanggungjawab. Saya membuat usul, tiba-tiba saya tidak datang. Saya bukan tidak datang, saya memang lewat. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri akan menjawab semua persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen tapi Yang Berhormat Menteri menjawab begitu pendek. Itu satu.

Keduanya, saya ingin menyatakan, baiklah, kalau nak katakan saya tidak bertanggungjawab, saya hendak tanya, adakah Barisan Nasional bertanggungjawab, pernah tidak mana-mana usul kita diterima? Kalau kita buat pun, sebenarnya dia akan menggunakan suara majoriti untuk menghalang segala...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, ini sistem di negara kita, Yang Berhormat Sepang... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita sekarang di peringkat Jawatankuasa, pindaan fasal-fasal 6 hingga 12. Tak payah campur yang lain-lain, Yang Berhormat. *On the fasal itself only*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi dia kata bahawa kat mana yang boleh kata *Minister* ini boleh campur tangan? Kita lihat ayatnya, "*The Organization may, with the approval of the Minister and the Minister of Finance*". Maknanya di situ ada campur tangan *Minister*. Kalau *Minister* tidak *approve*, tak boleh. Jadi ini menunjukkan bahawa kuasa yang diberikan kepada SOCSO ini sebenarnya kuasa yang ada kuasa...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, sikit, sikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, sekejap. Ada campur tangan daripada dua orang *Minister*. Jadi, saya mengatakan bahawa oleh sebab seksyen ini seksyen yang baru, seksyen yang jelas melencongkan tanggungjawab ataupun fungsi asal SOCSO, jadi kita nak tanya kepada *Minister*, apakah rasionalnya ditubuhkan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, sudah cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, sikit, sikit.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Akan tetapi perkataan Yang Berhormat Sepang tadi mula-mula cakap tadi, maknanya pihak Menteri boleh mengarah. Saya kata kalau kita baca betul-betul, tidak ada perkataan mengarah pun. Dengan kebenaran, bukan? Cuba pergi balik kepada yang asal disebut tadi, mengarah. Mengarah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *We are not childish* lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mengarah lain, tahu? Mengarah dengan kebenaran lain. Sudah salah cakap. Betul-betul, yang mengarah atau dengan kebenaran? Yang manakah satu? Dua perkataan berbeza.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya hendak tahu itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey Yang Berhormat Setiu, terima kasih. Okey, terima kasih, terima kasih. Okey, dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey Yang Berhormat Sepang, bolehlah Yang Berhormat Sepang ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya belum habis lagi. Sekejap, sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis dah, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak. Ada soalan, soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu minit lagi tinggal, Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. Yang Berhormat Setiu, kita di sini bukan budak-budak, tidak payah hendak ajar kitalah. Kita lihat ayat ini secara jelas menunjukkan bahawa *Minister* memang- sebenarnya dalam Akta SOCSO ini, ini bukan satu *provision* yang ada melibatkan *Minister*, banyak. Yang Berhormat Setiu kena baca, banyak peruntukan mengenai *Minister* boleh suruh itu, *Minister* boleh suruh ini. So, apa jaminan *Minister* tidak boleh mengarahkan supaya mengambil alih syarikat? Ini memang boleh dilakukan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Kalau *Minister* dah arahkan, *Minister* benarkan, *approve* benda itu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebelum perkataan itu ia ada perkataan lain. Cuba baca betul-betul cuba tengok dia kata sekarang ini fasal 6 untuk bertujuan untuk memasukkan seksyen baru

■1540

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang, malulah budak-budak datang tengok Yang Berhormat Sepang bergaduh dalam ini. Malu la Yang Berhormat Sepang... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Malulah dengan Yang Berhormat Baling, jadi Pengerusi Tabung Haji, Tabung Haji yang menjahanamkan duit rakyat. Ini yang malu.

Sudahlah Yang Berhormat Baling, *you don't have credibility* hendak bercakap tentang soal wang ini. Tabung Haji *you* dah *fail* lah!... [*Dewan riuh*] Jangan cakap lah, sudah lah, baliklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah-sudah, sudah melencong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang macam budak-budak. Saya kata budak-budak tadi datang. Mereka tengok kita, *you talk nonsense*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup-cukup Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You don't have any credibility to speak on-* duduk balik dekat baling lah!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak ada benda yang betul *about*... lepas itu hendak cerita dekat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang, cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, masa sudah habis.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang yang budak-budak. Kesian pada budak-budak atas tadi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You* itu yang kesian, nasib orang yang menyimpan di Tabung Haji...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Orang nampak, pakcik makcik, abang-abang itu, dia tengok macam ini punya kelas. Dia pun balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apakah ini? Janganlah. Tidak payah cakaplah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak ada kena-mengena dengan Tabung Haji.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Don't lecture* lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Setiu, duduklah. Ya, dah habis Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oleh saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa, cukuplah, Cerita lain, bukan ini. Fasal 6 sampai 12 ya Yang Berhormat. Yang Berhormat Klang, selepas Yang Berhormat Klang Menteri jawab... [*Disampuk*] Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya hendak tanya ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah ya. Ini fasal sahaja Yang Berhormat, 6 hingga 12. Sudah cukup.

3.41 ptg.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua soalan. Pertama, soalan berkait dengan pindaan seksyen 74A dan soalan saya ada tiga. Pertama, bagaimanakah pengambilan ahli syarikat-syarikat lain memanjangkan kepentingan SOCSO? Kedua, adakah kajian yang telah dibuat oleh kerajaan yang menunjukkan bahawa dengan mengambil alih syarikat-syarikat lain, ini akan membawa kepentingan kepada SOCSO dan juga kepada pencarum-pencarum? Ketiga, soalan saya ada berkait dengan isu ini adalah berkaitan dengan mekanisme yang sedia ada supaya tidak ada salah guna kuasa atau salah guna wang yang kita dapati di lain-lain institusi kerajaan termasuk dengan Lembaga Tabung Haji. Isu yang kedua saya bangkit ialah berkait dengan pindaan 72A...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu bangun.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin dapat pandangan. Sebenarnya tadi kita banyak membincangkan *global trend* dan standard antarabangsa. Kalau ikut kebanyakan tabung yang melibatkan pekerja di dunia ini, adalah tidak wajar bagi tabung-tabung ini untuk menguruskan syarikat. Mereka harus mencari projek-projek yang akan mendatangkan faedah yang paling banyak, mereka melabur untuk dapatkan keuntungan. Tidak untuk mengurus sebab *expertise* untuk tabung-tabung pekerja ini, bukan dalam menguruskan syarikat-syarikat. Adakah ini bermaksud, ini adalah satu klausa yang *ultra vires*? Setuju atau tidak Yang Berhormat Klang?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baik, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Klang. Saya khuatir bahawa pindaan ini hendak dimasukkan oleh sebab sedia ada syarikat-syarikat yang mana telah dilabur oleh SOCSO dan sekarang ini syarikat-syarikat itu tidak *perform* dan untuk hendak selamatkan pelaburan SOCSO itu maka terpaksa dibuat pindaan ini supaya SOCSO boleh ambil alih syarikat-syarikat ini. Syarikat-syarikat yang rugi, kemungkinan adakah itu salah satu sebab mengapa pindaan ini buat? Adakah itu mungkin, pandangan Yang Berhormat Klang?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tuan Pengerusi, saya minta ucapan Yang Berhormat Batu dan juga Yang Berhormat Shah Alam dimasukkan ke dalam skrip saya dan juga saya ada satu lagi isu. Apakah kepakaran sebenarnya PERKESO untuk mengambil alih dan menguruskan mana-mana syarikat di Malaysia? Ini saya hendak tahu sebab SOCSO itu dia punya fokus adalah tertumpu kepada pekerja. So, sekarang, apakah kepakaran yang sedia ada untuk menguruskan syarikat-syarikat lain?

Isu yang kedua Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkit dan berkait dengan 72A saya baca. *“Dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “pinjaman” perkataan “kemudahan pembiayaan lain”.* Ataupun dalam bahasa Inggeris. *“In the shoulder note, by inserting after the word “loan” the word “other financing facility”.* Saya ingat *this is very broad and*

also the chances of salah guna kuasa adalah banyak oleh sebab terlalu longgar. Saya minta Menteri juga memberi *explanation or* penjelasan. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, sedikit juga. Adakah Yang Berhormat Klang setuju sebenarnya seksyen 74A ini harus ditangguhkan kerana di bawah ini dia telah menyatakan Akta Syarikat 1965 dan dalam sesi ini kita akan pinda Akta 1965 dan satu Akta baru akan dirujukkan. Ini juga bermaksud Dewan ini akan kembali untuk pinda ini. So, kalau kita ada keraguan, adalah lebih wajar kita tidak luluskan perkara ini sebab kita rasa, Yang Berhormat Klang dan kita berasa tidak perlu. Ini yang kita tidak perlu, Tabung Haji... Eh! Bukan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dalam fikiran Tabung Haji itu...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: PERKESO ini campur tangan dalam mengurus pengurusan pasaran yang - ini yang patut *non intervention* tak jadi *non intervention*. Akan tetapi yang patutnya kita dapat nasihat dan kawalan dari Bank Negara, kita pula tidak ambil kira pandangan PERKESO. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, saya fikir soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Batu harus dijawab oleh Menteri dan juga yang penting sekali Tuan Pengerusi ialah jaminan kerajaan, khususnya jaminan Menteri bahawa 74A ini tidak akan di *abuse*. *Can the Minister give a Minister declaration that 74A will not be abuse?* Tidak akan disalah guna. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Ada mencelah Yang Berhormat, mencelah sekejap. Mencelah Yang Berhormat Klang.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Klang dan terima kasih Tuan Pengerusi. Setengah minit sahaja Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi. Pencelahan terlalu banyak, terlalu lama... [*Dewan riuh*]

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini demokrasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Menteri, demokrasi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Isu banyak, mencelah banyaklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya pun ada tanggungjawab, ada tugas hendak jalankan ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Menteri, terima kasih Menteri, bersabar sekejap ya. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Klang, kalau Klang ada maklumat, kalau tiada minta tolong tanya pada Menteri. Sekiranya seorang pekerja yang mencarum ingin membuat tuntutan, agak-agaknya berapa persen daripada bayaran tuntutan itu akan datang daripada simpanan caruman? Berapa persen daripada wang dijangka untung daripada syarikat-syarikat dilabur atau pun yang ditadbir ataupun yang diurus oleh PERKESO?

Ini kerana sepanjang yang saya tahu, selama ini tanpa mengendalikan mana-mana syarikat, mereka boleh memberikan pampasan secukupnya malah ada aset, ada surplus. Jadi sekarang ini peranan daripada keuntungan syarikat. Kalau untung, kalau rugi saya tidak tahulah.

Berapa agak-agaknya peratusan daripada keuntungan ini akan dibagikan kepada pencarum yang memohon?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya belum menjadi Menteri lagi. Saya minta maaf tidak jawab soalan tetapi soalan itu agak penting dan saya minta Menteri sedia ada untuk memberi jawapan dan jelaskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, baru seminit lepas saya telah menyatakan ramai yang berbahas dan terlalu ramai yang mencelah. Saya bukan robot, sehinggakan apa yang telah disuarakan saya terlupa. *You can laugh at me but it is true. If anybody is...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *...If the Speaker don't allowed it* Yang Berhormat Menteri, kalau saya tidak benarkan, Speaker akan dilihat sebagai *siding bias and siding on one side only* Yang Berhormat. *I have to be fair.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *I understand,* tetapi kalau lama pun *is not fair to me...* [Disampuk] Jadi, satu yang saya boleh tangkap iaitu masih juga berkisar kepada perwakilan Bank Negara dalam panel PERKESO.

■1550

Saya ulang sekali lagi iaitu selaras dengan penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 mulai 29 November 2019 bagi menggantikan Akta Bank Negara Malaysia 1958. Pihak Bank Negara telah mengkaji semula berkaitan penyertaan pegawai-pegawai kanan bank di dalam Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil.

Keduanya tentang *the establishment of* syarikat. Sebenarnya kita telah pun, PERKESO sendiri telah membina satu *rehabilitation centre* yang satu-satunya yang terancang di Asia Tenggara menggunakan duit PERKESO sendiri. Itulah awal-awal tadi pagi tadi saya telah mempelawa, menjemput semua Ahli Yang Berhormat sama ada dari sebelah sana atau dari sebelah sini untuk melawat ke PERKESO. Supaya dengan mata sendiri melihat apa yang ada di Pusat *Rehabilitation* di Melaka. Kita sedia, PERKESO sedia untuk menanggung segala perbelanjaan untuk pergi, tambang, makan dan sebagainya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri sedikit boleh?

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No* jangan mencelah dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit sahaja.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terlalu banyak mencelah pencelahan ini nanti lupa. *I celah you pun banyak you pun tidak ingat. Number one,* saya sendiri telah pergi ke PERKESO ke Pusat *Rehabilitation Centre* Melaka dua kali. Saya 'menitis mata' Ahli Dewan yang mulia ini. Menitis air mata... [Disampuk] Menitis air mata, terima kasih atas pembetulan. Dalam mana kita lihat orang tidak ada tangan, tidak ada kaki dalam tiga bulan boleh bergerak dan boleh menyuapkan nasi ke mulut sendiri. *I tell you once you go there I can tell you how much PERKESO has stand for those who have been [Tepuk]* Jadi itulah tadi saya cakap *too many* pencelahan *I don't know where is this.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri sedikit boleh.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Sepang tidak ada di Dewan ini maka apa yang bersangkutan paut... *[Disampuk]* Tadi, tadi, tadi, apa yang bersangkutan paut dengan seksyen 74 tidak akan dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri boleh sedikit.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak boleh bahas pindaan tetapi persoalan tidak ada masalah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Janganlah ambil ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri sudah habis?

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sudah habis sudah? Mintalah sedikit *rehab* Melaka ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri Menteri *rehab* ...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *Rehab* Melaka.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Mic mic mic.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

[Fasal-fasal 6 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula.]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya meneruskan pembentangan izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat pindaan kepada peruntukan Fasal 5,7,8 dan Jadual Kelapan Rang Undang-undang Syarikat 2015.

Fasal 5,7,8 dipinda dalam sub fasal 6 iaitu dengan menggantikan perkataan pegawai pematuhan dengan perkataan agen. Manakala Jadual Kelapan pula dipinda dalam teks bahasa Inggeris dalam sub perenggan 10(c) iaitu dengan menggantikan perkataan “*or one widely circulated Malaysian newspaper in the English language*”. Dengan perkataan “*and one widely circulated newspaper Malaysia in the English language*”.

Sebab pindaan-pindaan ini dibuat akan saya terangkan seterusnya dalam ucapan saya ini dan juga di peringkat jawatankuasa. Pengenalan Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk menggantikan dan memansuhkan Akta Syarikat 1965 atau Akta 125.

■1600

Akta 125 ini merupakan satu salah satu akta yang ditadbir dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah mula dikuatkuasakan pada tahun 1966. Memandangkan usia Akta 125 ini yang telah menjangkau 50 tahun, terdapat keperluan untuk memperkenalkan dasar-dasar serta prosedur baru selaras dengan perkembangan ekonomi dan sektor korporat negara serta arus globalisasi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, KPDNKK melalui SSM telah memulakan program semakan semula undang-undang syarikat dengan menubuhkan Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat atau *Corporate Law Reform Committee* (CLRC) pada 17 Disember 2003. Objektif penubuhan CLRC ialah untuk mengkaji semula secara komprehensif rangka perundangan syarikat negara sejajar dengan perkembangan semasa ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih dinamik, kondusif dan kompetitif.

CLRC dianggotai oleh 25 orang ahli yang mewakili sektor awam dan sektor swasta dari pelbagai bidang kepakaran yang terdiri daripada wakil badan pengawal selia, ahli akademik, pengamal undang-undang, akauntan dan pengamal kesetiausahaan syarikat. CLRC telah dipengerusikan oleh Yang Berbahgia Datuk Karam Chand Vohrah, mantan Hakim Mahkamah Rayuan Malaya.

Sebagai sebahagian daripada proses konsultasi yang menyeluruh untuk mendapatkan maklumat balas dan pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat awam, CLRC telah menerbitkan sejumlah 12 buah Kertas Konsultasi yang meliputi pelbagai aspek perundangan syarikat bermula daripada konsep, prosedur, penubuhan dan pendaftaran, pengurusan dan pentadbiran sehinggalah penggulungan sesebuah syarikat.

Hasil daripada proses konsultasi tersebut, CLRC menerima maklum balas yang amat positif daripada badan pengawal selia, badan-badan profesional, dewan perniagaan, ahli-ahli akademik, syarikat-syarikat korporat, bank-bank, pengamal undang-undang, pengamal kesetiausahaan syarikat serta orang perseorangan. Setiap maklum balas yang diterima telah diteliti untuk memastikan cadangan atau pandangan yang diterima diberi pertimbangan sewajarnya.

CLRC telah memuktamadkan kajian semakan semula tersebut dengan menyerahkan laporan akhir atau *final report* kepada SSM pada 20 Oktober 2008 yang mengandungi 188

cadangan yang menyentuh pelbagai aspek perundangan syarikat bermula daripada pemodenan proses pemerbadanan, penambahbaikan tadbir urus korporat, pengenalan mekanisme untuk membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan sehinggalah pengukuhan kepada prosedur penggulungan dan penutupan syarikat.

Setelah kajian dan perbincangan lanjut dibuat, SSM menerima 183 cadangan yang dirumuskan menjadi 19 kenyataan polisi. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 18 Jun 2010 mengambil maklum akan keterangan bahawa 19 kenyataan polisi atau *policy statement* tersebut merupakan asas kerangka am ke aras merumuskan Rang Undang-undang Syarikat yang baru bagi menggantikan akta sedia ada yang terlalu lama dan *rigid*.

Selepas itu, proses penggubalan rang undang-undang syarikat telah dimulakan berdasarkan 19 kenyataan polisi tersebut. Pada masa yang sama, SSM telah menubuhkan satu lagi jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Konsultatif Isu-isu Perakaunan (AICC) untuk menyemak semula dan menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan peruntukan perakaunan yang terkandung dalam Akta Syarikat 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan yang diguna pakai.

SSM juga telah menjalankan satu rundingan awam pada tahun 2011 berkenaan isu pengenalan rejim tiada nilai par atau *no-par value regime* setiap peruntukan yang berkaitan dengan perkara ini.

Selanjutnya, satu proses semakan gubalan secara komprehensif draf Rang Undang-undang Ssyarikat yang disediakan oleh SSM dilaksanakan dengan Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Undang-undang KPDNKK dan pegawai-pegawai SSM.

Draf Rang Undang-undang Syarikat yang telah disemak ini kemudiannya telah didedahkan kepada awam untuk proses konsultasi selama enam minggu bermula dari 2 Julai 2013 hingga 10 Ogos 2013. Sesi perbincangan tertutup juga telah diadakan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi kerajaan, badan pengawal selia, badan profesional, kesatuan industri dan perdagangan.

Di samping itu, pihak SSM turut menerima maklum balas daripada pihak berkepentingan lain termasuk peguam, juruaudit, setiausaha syarikat, pegawai syarikat dan orang perseorangan. Maklum balas yang diterima daripada pihak-pihak berkenaan telah diteliti oleh pihak SSM dan telah diterima pakai di mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan kajian menyeluruh yang disokong oleh proses konsultasi yang komprehensif, Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan ini menyediakan sebuah kerangka perundangan moden untuk komuniti perniagaan di Malaysia. Rang undang-undang ini akan menghapuskan prosedur-prosedur lapuk serta mengurangkan kos pematuhan melalui konsep pemudahcaraan atau *simplification of laws and the deregulatory measures*.

Di samping itu, rang undang-undang ini juga bersifat maju ke hadapan dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang akan memudahkan lagi pengurusan sesebuah syarikat.

Secara keseluruhannya, rang undang-undang ini akan membantu komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana untuk lebih berdaya saing tanpa berkompromi dengan keperluan tadbir urus korporat yang teguh dan telus.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, antara ciri-ciri penting terkandung dalam Rang Undang-undang Syarikat adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan kerangka perundangan baru yang terpakai ke atas semua syarikat;
- (ii) memberikan akses mudah untuk pemerbadanan termasuk memperkenalkan konsep syarikat yang dianggotai oleh seseorang ahli dan ahli tersebut juga boleh menjadi pengarah;
- (iii) memperkenalkan pelbagai peraturan baru bagi mempermudah pematuhan bagi syarikat persendirian termasuk menghapuskan keperluan mengadakan mesyuarat agung tahunan sebaliknya menggunakan prosedur ketetapan bertulis bagi tujuan membuat keputusan;
- (iv) mempertingkatkan lagi tadbir urus korporat (*corporate governance*) dan kawalan dalaman bagi penambahbaikan pengurusan syarikat secara keseluruhannya;
- (v) memperkenalkan rejim tiada nilai par (*no-par value regime*); dan
- (vi) memperkenalkan skim rehabilitasi syarikat berbentuk penyusunan korporat secara sukarela (*corporate voluntary arrangement*) dan pengurusan kehakiman (*judicial management*) untuk memulihkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mencadangkan lima bahagian yang dipecahkan kepada 620 seksyen serta 13 jadual seperti yang berikut.

Bahagian I - Bahagian ini menerangkan tajuk ringkas permulaan kuat kuasa dan tafsiran.

Bahagian II - Bahagian ini menerangkan ciri-ciri berkenaan penubuhan dan pentadbiran sebuah syarikat. Bahagian ini terdiri daripada 10 penggal.

Penggal 1 mengandungi peruntukan berkaitan ciri-ciri utama suatu syarikat serta jenis-jenis syarikat yang boleh diperbadankan di bawah akta yang dicadangkan. Suatu syarikat boleh diperbadankan sebagai syarikat berhad menurut syer, syarikat berhad menurut jaminan atau syarikat tidak berhad. Penggal ini juga menjelaskan bahawa suatu syarikat berhad menurut syer dan syarikat tidak berhad hendaklah sama ada suatu syarikat persendirian atau syarikat awam, manakala suatu syarikat berhad menurut jaminan hendaklah merupakan suatu syarikat awam.

Penggal 2 mengandungi peruntukan berkenaan pemerbadanan sesebuah syarikat dan kesannya. Penggal ini menerangkan bahawa suatu syarikat boleh diperbadankan oleh sekurang-kurangnya satu anggota dengan mematuhi keperluan-keperluan pendaftaran yang ditetapkan. Setelah diperbadankan, suatu syarikat merupakan suatu entiti perundangan yang berasingan dengan ahlinya atau *separate legal entity* yang berkekalan serta diberikan kapasiti tidak terhad

atau *unlimited capacity* untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang sah di sisi undang-undang. Ini termasuk kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang atau diambil tindakan undang-undang, kuasa untuk memiliki dan menjual aset dan hartanah serta memasuki sebarang transaksi yang dibolehkan mengikut perundangan.

Penggal 3 mengandungi peruntukan berkenaan sekatan ke atas anak syarikat daripada menjadi anggota syarikat pemegangannya kecuali dalam keadaan di mana anak syarikat tersebut menjalankan aktiviti sebagai peniaga sekuriti atau *participating dealer* yang dibenarkan di bawah *exchange credit fund* yang dikeluarkan di bawah Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007;

■1610

Penggal 4 merangkumi peruntukan berkenaan nama suatu syarikat termasuk nama yang dibenarkan untuk digunakan serta proses kelulusan nama. Penggal ini juga turut menerangkan bahawa orang ramai juga boleh memilih untuk membuat permohonan penyimpanan nama atau *name reservation* sekiranya ada keperluan berbuat demikian.

Penggal 5 mengandungi peruntukan berkenaan perlembagaan syarikat di mana syarikat mempunyai pilihan untuk mempunyai perlembagaan. Penggal ini juga menerangkan kesan serta keperluan yang perlu dipatuhi sekiranya sesuatu syarikat memilih untuk mempunyai perlembagaan termasuk prosedur untuk meminda atau mengubah perlembagaan tersebut. Penggal ini juga menjelaskan keperluan syarikat berhad menurut jaminan untuk mempunyai Perlembagaan serta perkara-perkara yang perlu dimuatkan dalam perlembagaan tersebut.

Penggal 6 merangkumi peruntukan berkenaan penukaran status suatu syarikat tidak terhadap kepada syarikat berhad serta penukaran status syarikat persendirian kepada syarikat awam dan sebaliknya.

Penggal 7 mengandungi peruntukan yang terpakai kepada jenis syarikat tertentu. Penggal ini memberikan takrifan syarikat persendirian dan sekatan yang terpakai kepada syarikat persendirian dalam menawarkan saham atau deposit kepada pihak awam serta keadaan di mana pengecualian diberikan. Penggal ini juga menjelaskan bahawa penubuhan syarikat menurut jaminan hanya boleh ditubuhkan untuk tujuan tertentu sahaja termasuk bagi menggalakkan perdagangan dan industri, sains, kebajikan serta apa-apa tujuan yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Apa-apa keuntungan yang diperolehi hendaklah digunakan untuk tujuan tersebut.

Penggal 8 memperkatakan perkara-perkara berhubung pejabat berdaftar dan daftar-daftar yang perlu disimpan. Penggal menerangkan kewajipan syarikat untuk mempunyai pejabat berdaftar yang perlu dibuka sewaktu masa perniagaan serta kewajipan untuk menyimpan daftar dan dokumen. Penggal ini juga membolehkan orang awam memeriksa dan meminta salinan daftar dan dokumen tertentu yang disimpan oleh syarikat. Penggal ini turut menerangkan keperluan syarikat untuk memaklumkan kepada pendaftar butiran dan perubahan terhadap daftar-daftar tertentu seperti daftar anggota syarikat dan daftar pegawai dan setiausaha syarikat. Penggal ini juga menerangkan kausa syarikat untuk meminta maklumat berhubung pemegangan

saham termasuk kepentingan *beneficial* atas inisiatif sendiri atau atas arahan pendaftar, Suruhanjaya Sekuriti atau Bursa Saham.

Penggal 9 menerangkan peruntukan berkenaan penyempurnaan dokumen dan kontrak termasuk penyempurnaan dokumen menggunakan meterai syarikat atau *company seal* sekiranya ada.

Penggal 10 mengandungi peruntukan berkenaan penyata tahunan yang perlu diserahkan simpan oleh syarikat setiap tahun dalam tempoh 30 hari daripada tarikh ulang tahun pemerdagangan syarikat tersebut.

Bahagian III, menerangkan perkara-perkara berkenaan pengurusan dan pentadbiran sesebuah syarikat dan terbahagi kepada lapan penggal seperti berikut, Penggal 1 Bahagian III, ini mengandungi peruntukan berkenaan syer dan pengekal modal dan terbahagi kepada 11 subpenggal.

Sub penggal 1MDB menerangkan jenis-jenis syer yang boleh diterbitkan oleh syarikat serta hak-hak yang terikat dengan syer tersebut termasuk hak untuk mengundi, mendapatkan dividen atau lebih aset. Sub penggal 41 ini juga memperkenalkan konsep rejim syer tanpa nilai par, tanpa nilai tara atau *no par value regime* yang melupuskan konsep nilai nominal untuk sesuatu syer yang dikeluarkan. Sub penggal ini memberi kuasa kepada pengarah untuk mengumpulkan syer dengan kebenaran syarikat dan keperluan untuk mendaftarkan pengumpulan tersebut dalam daftar anggota dalam tempoh 14 hari.

Seterusnya sub penggal ini juga memperkatakan perkara-perkara berhubung bayaran dan perlucuthakkan syer sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Sub penggal ini juga memberikan kuasa kepada syarikat untuk mengubah hak berkaitan sesuatu kelas syer dan prosedur yang berkaitan termasuk hak yang membolehkan pemegang syer mendapatkan perintah mahkamah untuk tidak membenarkan perubahan hak berkaitan dengan syer.

Sub penggal 2 pula menerangkan bawah syarikat tidak lagi diwajibkan untuk mengeluarkan sijil syer dan daftar anggota merupakan keterangan *prima facie* berhubung hak milik pemegang syer di dalam sesebuah syarikat. Sub penggal dua ini juga menerangkan tanggungjawab setiausaha untuk menyelenggarakan daftar anggota bagi memastikan keperluan yang berkaitan dipatuhi. Seterusnya sub penggal ini juga memperkatakan perkara-perkara yang berhubung prosedur pindah milik saham termasuk pindah milik akibat kematian atau kebangkrutan.

Sub penggal 3, 4 dan 5 pula merangkan perkara-perkara yang berkaitan pernyataan kesolvenan serta syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pengarah untuk menjalankan pelaksanaan korporat yang melibatkan pengurangan modal syer, *reduction of* syer kapital, penebusan syer keutamaan atau *redemption of preference shares*, bantuan kewangan atau *financial assistance* dan pembelian balik syer atau *shares buy back*.

Sub penggal 6 pula menerangkan kuasa syarikat untuk membayar dividen setelah memenuhi ujian kesolvenan yang memerlukan syarikat untuk berkebolehan membayar hutang apabila tiba masanya dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh dividen dibayar.

Sub penggal 7 ini pula memperkatakan perkara-perkara berhubung pemegangan *substantial* keperluan pemegang syer *substantial* untuk memaklumkan kepada syarikat sekiranya pemegang syer tersebut menjadi atau berhenti menjadi atau terdapat pertukaran kepentingan pemegang syer *substantial* tersebut dan pada masa yang sama keperluan untuk memaklulkannya kepada pendaftar.

Sub penggal 8 pula memperuntukkan perkara berhubung *central depositary system* yang merekodkan pemilikan serta pinda milik saham syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham. Sub penggal lapan ini juga menjelaskan rekod pendeposit yang disimpan di bawah *central depositary system* ini dianggap sebagai keterangan *prima facie* berhubung pemilikan syer di dalam syarikat yang berkenaan.

Sub penggal 9 pula memperkatakan perkara-perkara berhubung perspektif dan keperluan yang berkaitan yang perlu dipatuhi termasuk keperluan pengurusan dan pendaftaran oleh sesebuah kelab rekreasi yang tidak disenaraikan atau *unlisted recreational club*. Sekiranya berhasrat untuk menawarkan syer mereka kepada pihak awam.

Sub penggal 10 pula memerihalkan keperluan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang mengeluarkan *debenture*.

Sub penggal 11 memperkatakan perkara berhubung sekatan ke atas pengumpulan dan permulaan perniagaan bagi syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat berhad.

Penggal 2, Bahagian III pula memperuntukkan perkara-perkara berkenaan anggota, pengarah dan pegawai syarikat dan terbahagi kepada empat sub penggal.

Sub penggal 1 memperuntukkan perkara berhubung anggota syarikat termasuk hak dan liabiliti sebagai anggota dalam keadaan tertentu. Sub penggal 1 juga memperuntukkan hak anggota untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat dan memberikan syor kepada lembaga pengarah untuk kebaikan syarikat.

Sub penggal 2 pula memerihalkan perkara-perkara berkaitan pengarah termasuk keperluan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang pengarah untuk syarikat persendirian dan dua orang pengarah untuk syarikat awam. Sub penggal ini juga memperkatakan orang-orang yang dianggap berkaitan dengan seorang pengarah. Syarat dan kelayakan sebagai pengarah termasuk had minimum umur serta kausa pendaftar untuk menghalang seseorang daripada dilantik sebagai pengarah. Sub penggal 2 ini juga memerihalkan prosedur pelantikan, pemecatan dan persaraan seseorang pengarah dan keadaan apabila terdapat kekosongan dalam jawatan pengarah.

Sub penggal 3 memperuntukkan perkara-perkara berhubung tugas dan tanggungjawab pengarah termasuk keperluan untuk menjalankan tugas demi kepentingan syarikat serta larangan untuk menggunakan kedudukan sebagai pengarah untuk kebaikan dirinya atau orang lain. Sub penggal 3 ini juga menggariskan keperluan untuk menzahirkan kepentingan sebagai

pengarah dalam keadaan tertentu seperti ketika berkontrak dengan syarikat. Pengarah juga dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran pemegang syer dalam penjualan aset syarikat yang melebihi had yang ditetapkan. Sub penggal ini juga melarang syarikat awam untuk melakukan apa-apa perkiraan atau transaksi dengan pengarah, pemegang *substantial* atau orang-orang yang mempunyai kaitan dengan mereka tanpa mendapat kebenaran pemegang syer terlebih dahulu.

■1620

Sub penggal 3 ini juga memperuntukkan supaya fi pengarah sesebuah syarikat awam diluluskan oleh pemegang syer dan mana-mana kontrak pengarah tersebut dengan syarikat hendaklah ditempatkan di pejabat berdaftar untuk pemeriksaan oleh pemegang syer yang mempunyai sekurang-kurangnya 5% jumlah modal berbayar.

Sub penggal 4 pula memberi peruntukan berkenaan setiausaha syarikat yang merangkumi keperluan pelantikan setiausaha bagi setiap syarikat. Kuasa Lembaga Pengarah untuk melantik setiausaha, peletakan jawatan dan pemecatan serta larangan untuk membiarkan jawatan setiausaha kosong melebihi 30 hari. Sub penggal ini juga menghendaki mana-mana orang yang layak bertindak sebagai setiausaha untuk mendaftar dengan pendaftar sebelum membolehkan mereka dilantik sebagai setiausaha syarikat.

Penggal 3, Bahagian 3 ini mengandungi peruntukan berkenaan akaun dan audit dan terbahagi kepada dua sub penggal.

Sub penggal 1 memperuntukkan perkara berhubung keperluan pengarah untuk menyediakan penyata kewangan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan. Sub penggal ini juga menerangkan keperluan syarikat untuk menyimpan rekod perakaunan dan dokumen yang berkaitan bagi membolehkan penyata kewangan disediakan dan diaudit. Sub penggal ini juga memerlukan penyata kewangan diluluskan oleh lembaga pengarah dan menyatakan bahawa penyata kewangan tersebut telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama *true and fair view* berhubung kedudukan dan prestasi kewangan syarikat.

Sub penggal ini juga menerangkan keperluan pengarah untuk menyediakan laporan pengarah seperti mana yang ditentukan dalam Jadual Kelima.

Seterusnya sub penggal ini juga memerlukan pengarah untuk mengedarkan Penyata Kewangan beraudit kepada ahli syarikat dalam tempoh masa yang ditentukan serta menyerah simpan Penyata Kewangan tersebut dengan pendaftar.

Sub penggal 2 pula memperuntukkan perkara berhubung juruaudit yang merangkumi kelayakan dan syarat pelantikan sebagai juruaudit serta keperluan untuk mendaftar dengan pendaftar. Sub penggal ini juga menggariskan tugas dan tanggungjawab serta hak dalam menjalankan tugas sebagai juruaudit. Sub penggal ini mewajibkan setiap syarikat untuk melantik juruaudit bagi setiap tahun kewangan tetapi memberikan kuasa kepada pendaftar untuk mengecualikan mana-mana syarikat persendirian daripada keperluan ini berdasarkan syarat dan terma yang ditentukan oleh pendaftar. Sub penggal ini juga menggariskan prosedur yang

berbeza dalam pelantikan juruaudit dalam sesebuah syarikat persendirian, berbanding syarikat awam berdasarkan cadangan yang tidak mewajibkan syarikat persendirian untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan. Sub penggal ini turut memperuntukkan perkara-perkara berhubung peletakan jawatan, pemecatan juruaudit serta keperluan untuk memaklumkan pendaftar berhubung perkara tersebut.

Penggal 4 mengadakan peruntukan berkenaan tanggung rugi dan insurans bagi pegawai syarikat termasuk pengarah dan juruaudit.

Penggal 5 mengandungi peruntukan berkenaan tatacara mesyuarat dan ketetapan syarikat serta perkara-perkara yang berkaitan dan terbahagi kepada sembilan sub penggal.

Sub penggal 1 menjelaskan bagaimana ketetapan syarikat persendirian boleh diluluskan dalam mesyuarat anggota syarikat atau secara edaran manakala ketetapan syarikat berhad hanya boleh diluluskan dalam mesyuarat anggota. Sub penggal ini juga menggariskan jenis-jenis ketetapan dan prosedur untuk meluluskan sesuatu ketetapan.

Sub penggal 2 memperuntukkan perkara-perkara berhubung ketetapan bertulis yang hanya terpakai kepada syarikat persendirian dan prosedur yang berkaitan.

Sub penggal 3 pula memperuntukkan perkara-perkara berhubung prosedur meluluskan ketetapan dalam mesyuarat anggota.

Sub penggal 4 menjelaskan perkara-perkara berhubung notis mesyuarat termasuk tempoh notis, perkara-perkara yang hendak dimasukkan ke dalam notis serta perkara berkaitan.

Sub penggal 5 pula memperkatakan perkara berhubung prosedur mesyuarat termasuk mengadakan mesyuarat melebihi dari satu tempat pelantikan pengerusi mesyuarat dan hak perwakilan bagi menghadiri mesyuarat.

Sub penggal 6 menjelaskan perkara-perkara berhubung pelantikan proksi serta hak mereka ketika menghadiri mesyuarat.

Sub penggal 7 pula menyentuh perkara-perkara berhubung mesyuarat kelas sesuatu syer.

Sub penggal 8 memberi penjelasan berhubung keperluan syarikat awam untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.

Sub penggal 9 pula menjelaskan kewajipan untuk menyimpan rekod ketetapan dan perjalanan mesyuarat yang menjadi bukti bahawa keputusan berhubung sesuatu ketetapan itu telah dibuat atau sebaliknya.

Penggal 6 mengandungi peruntukan berkenaan remedi yang menjelaskan peraturan berhubung penindasan hak atau *operation* seseorang pemegang syer serta pemakaian tindakan *derivative statutory* atau *statutory derivative action* oleh pihak-pihak tertentu.

Penggal 7 memberikan penjelasan berhubung gadaian, perkiraan dan penyusunan semula dan penerimaan serta terbahagi kepada tiga sub penggal.

Sub penggal 1 menjelaskan keperluan syarikat untuk memaklumkan kepada pendaftar berhubung butiran gadaian yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh tertentu untuk tujuan

pendaftaran. Sub penggal ini juga memperincikan jenis-jenis gadaian yang perlu didaftarkan serta keperluan untuk memaklumkan kepada pendaftar terhadap sebarang perubahan berkaitan gadaian yang telah didaftarkan termasuk penyelesaian gadaian tersebut.

Sub penggal 2 pula menjelaskan perkara-perkara berhubung perkiraan dan penyusunan semula, *arrangement and reconstruction* dengan memberikan kuasa kepada mahkamah untuk meluluskan pelan perkiraan atau penyusunan semula yang dipersetujui oleh syarikat, anggota-anggota dan pemiutangnya.

Sub penggal ini memberikan kuasa kepada mahkamah untuk memberi tempoh tidak melebihi 3 bulan bagi menjayakan pelan yang dicadangkan.

Sub penggal 3 pula memberikan peruntukan berhubung penerima atau penerima dan pengurus, *receiver* atau *receiver and manager*. Sub penggal ini menjelaskan kelayakan dan kategori orang-orang yang boleh dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus serta cara-cara pelantikan. Sub penggal ini juga menjelaskan keperluan untuk memaklumkan kepada pendaftar berhubung pelantikan penerima atau penerima dan pengurus serta obligasi mereka untuk menyerah simpan penyata hal ehwal syarikat dalam tempoh tertentu. Sub penggal ini juga memberikan kuasa kepada penerima atau penerima dan pengurus seperti mana yang ditetapkan dalam Jadual Keenam.

Penggal 8 memperkenalkan peruntukan-peruntukan alternatif bagi menyelamatkan syarikat korporat yang mengalami masalah kewangan tetapi mempunyai perniagaan yang berdaya maju dan terbahagi kepada dua sub penggal.

Sub penggal 1 memperuntukkan perkara-perkara berhubung penyusunan korporat secara sukarela atau *corporate voluntary arrangement* yang tidak terpakai kepada syarikat yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia atau tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007 atau syarikat yang mempunyai gadaian terhadap hartanya. Sub penggal 1 menjelaskan kategori pemohon yang dibolehkan untuk mencadangkan penyusunan korporat secara sukarela ini. Sub penggal ini juga menjelaskan keperluan pelantikan *nominee* yang perlu memberikan pandangan berhubung sesuatu cadangan penyusunan korporat. Cadangan ini perlu dipersetujui oleh sekurang-kurangnya 75% daripada keseluruhan pemiutang sebelum ia boleh dilaksanakan.

Sub penggal 2 pula menjelaskan perkara-perkara berhubung pengurusan kehakiman atau *judicial management* yang membolehkan syarikat yang menghadapi kesukaran untuk membayar hutang untuk memohon kepada mahkamah untuk membaik pulih kedudukan kewangannya.

Sub penggal ini memberikan kuasa kepada mahkamah untuk melantik pengurus kehakiman untuk mencadangkan pelan penyelamat yang boleh dipersetujui oleh syarikat, anggota-anggota dan pemiutangnya. Sub penggal ini turut menggariskan orang yang boleh dilantik sebagai pengurus kehakiman, tugas dan tanggungjawabnya serta prosedur yang berkaitan. Dalam kedua-dua keadaan sama ada syarikat memilih untuk penyusunan korporat secara sukarela atau pengurusan kehakiman tiada tindakan dibenarkan untuk menggulung syarikat terbabit.

Bahagian IV, secara umumnya bahagian IV Tuan Yang di-Pertua, minta maaf panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bahagian IV menjelaskan perkara-perkara berhubung pemberhentian sesebuah syarikat melalui proses penggulungan atau pembatalan nama syarikat daripada daftar. Bahagian ini terbahagi kepada 4 penggal seperti berikut.

■1630

Sub penggal 1 menerangkan perkara-perkara asas proses penggulungan termasuk kaedah penggulungan yang boleh digunakan, pihak yang boleh memohon supaya sesebuah syarikat boleh digulung serta syarat dan kelayakan yang perlu dipatuhi sebelum seseorang boleh dilantik sebagai penyelesai atau penyelesai sementara.

Sub penggal 2 memperincikan hal-hal berkaitan penyumbang yang bertanggungjawab terhadap liabiliti syarikat sekiranya digulung. Sub penggal ini juga menjelaskan bahawa sekiranya penyumbang itu merupakan seorang yang *bankrupt*, maka pemegang amanahnya akan bertanggungjawab terhadap liabilitinya.

Sub penggal 3 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan syarikat secara sukarela termasuk yang disebabkan berlaku sesuatu keadaan atau sekiranya syarikat tersebut telah meluluskan ketetapan untuk digulung. Sub penggal ini juga menerangkan bahawa kesan penggulungan secara sukarela syarikat tersebut hendaklah berhenti daripada menjalankan perniagaan daripada tarikh permulaan penggulungan itu.

Sub penggal 4 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan sukarela oleh anggota. Sub penggal ini menjelaskan prosedur berhubung pelantikan atau pemecatan penyelesai dan setelah pelantikan penyelesai dibuat, kuasa pengarah hendaklah terhenti kecuali dengan kebenaran mesyuarat anggota dan dibenarkan oleh penyelesai. Sub penggal ini juga meletakkan obligasi kepada penyelesai untuk mengadakan mesyuarat dengan pemiutang sekiranya syarikat tersebut menjadi tidak *solvent*.

Sub penggal 5 menerangkan perkara berkaitan dengan penggulungan sukarela oleh pemiutang. Sub penggal ini menjelaskan tugas pengarah untuk melantik penyelesai sementara setelah membuat deklarasi bahawa syarikat telah menjadi tidak *solvent* dan mesyuarat dengan pemiutang telah diadakan. Sub penggal ini juga menjelaskan bahawa syarikat dan pemiutang masing-masingnya boleh mencadangkan penyelesai yang boleh dilantik.

Sub penggal 6 menerangkan perkara-perkara yang terpakai dalam semua kaedah penggulungan termasuk pembahagian harta, pelantikan dan pemecatan penyelesai oleh mahkamah. Kuasa penyelesai seperti yang diperuntukkan dalam Jadual Kesebelas, keperluan untuk mengadakan mesyuarat tahunan sekiranya proses penggulungan itu telah melebihi satu tahun serta kuasa mahkamah untuk meminda apa-apa persetujuan yang telah dipersetujui oleh syarikat.

Sub penggal 7 menjelaskan perkara-perkara berhubung penggulungan oleh mahkamah. Antaranya, sub penggal 7 menjelaskan pihak yang boleh mengemukakan petisyen penggulungan kepada mahkamah termasuk syarikat penyumbang, pemiutang atau penyelesai serta pihak-pihak

lain dalam keadaan tertentu. Sub penggal 7 juga menggariskan keadaan yang membolehkan syarikat digulung oleh mahkamah serta memberikan takrifan ketidakupayaan membayar hutang.

Sub penggal 7 ini juga menjelaskan kuasa-kuasa mahkamah berkaitan prosiding penggulungan termasuk kuasa untuk menangguhkan atau menyekat prosiding. Sub penggal 7 juga memperkenalkan konsep pelupusan yang dikecualikan atau *exempt disposition* seperti mana yang ditentukan dalam Jadual Kedua Belas yang membolehkan penyelesaian melakukan perkara-perkara yang perlu dalam mentadbir penggulungan syarikat tanpa perlu memperoleh kebenaran mahkamah terlebih dahulu.

Sub penggal 8 menjelaskan peruntukan berkaitan penyelesaian dalam penggulungan oleh mahkamah termasuk kuasa untuk melantik penyelesaian, penyelesaian sementara sebelum perintah penggulungan dikeluarkan. Sub penggal ini juga memberikan kuasa mahkamah untuk menentukan fi yang perlu dibayar kepada penyelesaian serta kuasa untuk melucutkan jawatan penyelesaian. Sub perenggan ini juga menjelaskan obligasi dan kuasa penyelesaian dalam menjalankan tugasnya.

Sub penggal 9 menerangkan kuasa-kuasa mahkamah dalam penggulungan oleh mahkamah termasuk kuasa untuk menangguhkan penggulungan, menentukan tarikh bagi pemiutang mengemukakan bukti keberhutangan, kuasa untuk memanggil mana-mana orang yang berkaitan dengan pentadbiran syarikat termasuk kuasa untuk mengakibatkan mana-mana pengarah atau penyumbang yang lari daripada tanggungjawab untuk ditangkap serta kuasa untuk menamatkan penggulungan.

Penggal 2 menjelaskan perkara-perkara am yang terpakai kepada semua jenis penggulungan dan terbahagi kepada empat sub penggal.

Sub penggal 1 memperincikan keperluan yang perlu dipatuhi oleh penyelesaian dalam menguruskan kewangan syarikat termasuk pelaburan yang boleh dibuat, keperluan untuk mengembalikan aset yang tidak dituntut kepada pegawai penerima serta obligasi penyelesaian untuk menyimpan buku dan kertas serta minit prosiding mesyuarat yang diadakan, obligasi penyelesaian untuk menyerahkan simpan notis pelantikan dengan pendaftar serta pegawai penerima serta kenyataan berhubung bayaran butiran dan status penggulungan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sub penggal 2 pula memperuntukkan perkara-perkara berhubung bukti keberhutangan dan kedudukan hutang termasuk hak dan tugas pemiutang bercagar berkaitan harta syarikat yang dicagarkan. Sub penggal 2 juga menjelaskan hak dan tanggungjawab pemiutang tidak bercagar dalam pembuktian keberhutangan.

Sub penggal 3 memperuntukkan perkara-perkara berkaitan kesan penggulungan terhadap transaksi lain serta kuasa-kuasa penyelesaian untuk mendapatkan harta atau *realization of property* dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Sub penggal 4 menjelaskan kesalahan berhubung prosiding penggulungan termasuk kuasa untuk mendakwa pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab dan tindakan-tindakan yang dianggap sebagai suatu kesalahan dalam proses penggulungan syarikat.

Penggal 3 membolehkan syarikat yang tidak didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan ini digulung melalui proses penggulungan yang terkandung dalam bahagian ini dengan modifikasi yang dibenarkan.

Penggal 4 pula memperuntukkan perkara berhubung pembatalan nama syarikat daripada daftar serta pengurusan aset yang telah dibubarkan serta terbahagi kepada dua sub penggal.

Sub penggal 1 antara lainnya memperuntukkan kuasa pendaftar untuk membatalkan nama syarikat sama ada atas inisiatifnya sendiri atau melalui permohonan daripada pengarah, anggota, atau penyelesaian sesebuah syarikat dalam keadaan tertentu. Antara lainnya termasuk syarikat tidak lagi menjalankan perniagaan atau telah melanggar peruntukan akta yang dicadangkan ini serta prosedur pembatalan tersebut.

Sub penggal 1 juga memperuntukkan hak mana-mana orang yang mempunyai kepentingan untuk membantah proses pembatalan tersebut serta memberi hak kepada pemohon untuk menarik balik permohonan pembatalan tersebut.

Sub penggal 1 ini juga menjelaskan liabiliti pengarah dan pegawai syarikat yang dibatalkan serta kuasa untuk memasukkan semula nama syarikat ke dalam daftar dengan perintah mahkamah dalam tempoh tujuh tahun.

Sub penggal 2 memperuntukkan kuasa pendaftar untuk menguruskan harta atau aset syarikat yang telah dibubarkan yang terletak hak kepada pendaftar serta prosedur yang berkaitan.

Bahagian V memperuntukkan pelbagai perkara termasuk peruntukan berhubung syarikat asing, penguatkuasaan serta perkara-perkara am yang lain. Bahagian V ini terbahagi kepada empat penggal seperti yang berikut.

Penggal 1 Bahagian V ini menjelaskan keperluan pendaftaran syarikat asing untuk menjalankan perniagaan di Malaysia termasuk keperluan pelantikan ejen, mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia serta keperluan pematuhan berhubung penyediaan penyata kewangan, penyata tahunan dan prosedur pemberhentian perniagaan di Malaysia.

Penggal 2 pula menjelaskan peruntukan-peruntukan berhubung penguatkuasaan hukuman dan penalti berkaitan kesalahan-kesalahan am. Penggal ini juga memberikan perlindungan kepada pegawai sesuatu syarikat yang melaporkan kepada pendaftar berhubung apa-apa perkara yang mungkin atau akan melibatkan pelanggaran sebarang peruntukan akta yang dicadangkan ini atau yang melibatkan kesalahan serius berkaitan dengan *fraud* atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pegawai lain syarikat itu. Penggal ini juga memperuntukkan bahawa seseorang yang membuat atau memberikan apa-apa pernyataan, maklumat atau laporan yang palsu atau mengelirukan kepada pendaftar melakukan suatu kesalahan.

Penggal 3 bahagian ini menjelaskan perkara-perkara am berhubung pentadbiran sesebuah syarikat yang memperincikan perkara-perkara seperti butir-butir dan cara maklumat dikehendaki diserahkan simpan di bawah akta ini serta masa untuk menyerah simpan dokumen dan perlanjutan masa. Penggal ini juga memberi kuasa kepada pendaftar untuk menyedia serta

menyenggara daftar-daftar berhubung syarikat serta kuasa untuk menyediakan perkhidmatan penyerah simpanan dokumen secara elektronik.

Penggal ini juga memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat sebarang peraturan atau meminda mana-mana jadual di bawah akta ini serta kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini.

■1640

Penggal 4 bahagian ini memperuntukkan perkara-perkara pengecualian dan peralihan. Perenggan ini menjelaskan peruntukan peralihan berhubung pemansuhan nominal serta tatacara yang berkaitan. Selain memperuntukkan perkara-perkara berhubung peralihan secara am, perenggan ini juga menjelaskan pemansuhan Akta Syarikat 1995 serta perkara-perkara yang masih terpakai.

Jadual. Jadual Pertama menerangkan bentuk dan kandungan prospektus perlu dipatuhi oleh suatu syarikat berhubung tawaran syer oleh sebuah kelab tidak tersenarai atau tawaran atau pelawaan pendeposit wang dengan perbadanan yang tertentu.

Jadual Kedua menjelaskan butiran berhubung pernyataan sebagai ganti kepada prospektor.

Jadual Ketiga akta ini pula menerangkan prosiding lembaga pengarah termasuk tatacara pemilihan pengerusi, notis mesyuarat, kuorum dan perkara-perkara yang berkaitan.

Jadual Keempat menyenaraikan badan-badan yang diluluskan yang anggota-anggotanya layak dilantik sebagai setiausaha.

Jadual Kelima memerihalkan kandungan laporan pengarah yang perlu disediakan oleh syarikat.

Jadual Keenam menjelaskan kuasa-kuasa penerima atau penerima dan pengurus.

Jadual Ketujuh menjelaskan kuasa dan kewajipan penama dalam memantau perkiraan sukarela korporat atau *corporate voluntary arrangement* sesuatu syarikat.

Jadual Kelapan menjelaskan kelayakan dan tempoh moratorium bagi perkiraan sukarela korporat serta impak moratorium bagi perkiraan sukarela tersebut.

Jadual Kesembilan menjelaskan kuasa-kuasa pengurus kehakiman sekiranya syarikat mendapat perintah pengurusan kehakiman.

Jadual Kesepuluh memerihalkan perkara-perkara berkaitan jawatankuasa pemeriksaan dalam suatu penggulungan syarikat termasuk pelantikan dan prosiding jawatankuasa tersebut.

Jadual Kesebelas menjelaskan kuasa penyelesaian dalam perkara-perkara penggulungan sukarela.

Jadual Kedua Belas pula menjelaskan kuasa penyelesaian dalam perkara-perkara berkaitan penggulungan oleh mahkamah.

Dan Jadual Ketiga Belas menyenaraikan aktiviti yang tidak dianggap sebagai menjalankan perniagaan bagi tujuan pendaftaran suatu syarikat asing.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya 45 minit. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pentadbiran dan pembubaran syarikat dan perbadanan dan bagi perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tanah Merah.

4.43 ptg.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyokong rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Bagi saya ia dibentangkan tepat pada masanya kerana akta baru ini selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang akan memudahkan lagi pengurusan bagi sesebuah syarikat.

Malah saya juga menyokong rang undang-undang ini yang akan membantu komuniti perniagaan khususnya industri kecil dan sederhana untuk lebih berdaya saing tanpa berkompromi dengan keperluan tadbir urus korporat yang teguh. Bagaimanapun dalam menyentuh segala keseluruhan rang undang-undang ini termasuklah tujuan akta baru ini diwujudkan, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini tiada apa yang lebih penting selain daripada memastikan kepentingan orang ramai khususnya pengguna dilindungi.

Daripada segi latar belakang saya difahamkan Akta Syarikat 1965 ini merupakan sebuah akta pendaftaran pentadbiran dan pembubaran dan perbadanan dan telah mula berkuat kuasa sejak tahun 1966 lagi. Memandangkan usia akta ini telah menjangkau hampir 50 tahun, memanglah terdapat keperluan untuk memperkenalkan dasar-dasar serta prosedur baru selaras dengan perkembangan ekonomi dan sektor korporat negara serta arus globalisasi masa kini. Kebanyakan negara Komanwel lain yang mempunyai sumber pentadbiran korporat yang diadaptasi daripada tangan Inggeris telah pun menyemak semula pentadbiran korporat mengikut acuan keperluan negara masing-masing. Ini termasuklah Australia, New Zealand, India dan Singapura. Malah negara United Kingdom sendiri pun telah memperkenalkan undang-undang syarikat yang baru pada tahun 2006.

Mengapakah kita perlukan akta baru ini? Difahamkan sepanjang 49 tahun Akta Syarikat ini dikuatkuasakan ia telah dipinda secara *ad hoc* sebanyak 35 kali mengikut perkembangan ekonomi dan keperluan komuniti perniagaan semasa. Oleh itu, saya setuju sudah tiba masanya Akta Syarikat 1965 ini diganti dengan satu perundangan syarikat yang moden dan dinamik serta relevan dalam konteks perniagaan masa kini. Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri ini menghapuskan prosedur-prosedur lapuk yang tidak lagi relevan

dalam konteks perniagaan moden hari ini serta mengurangkan kos pematuhan melalui konsep pemudahcaraan.

Rang Undang-undang Syarikat ini juga akan memberi fleksibiliti dengan izin, kepada syarikat dalam urusan seharian tanpa kompromi terhadap kawalan dalaman dan amalan tadbir urus korporat. Di samping itu, Rang Undang-undang Syarikat ini juga bersifat maju ke hadapan dengan mengambil kira perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang akan memudahkan lagi pengurusan sesebuah syarikat. Secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Syarikat ini akan membantu komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS) untuk lebih berdaya saing tanpa berkompromi dengan keperluan tadbir urus korporat yang teguh dan telus.

Walaupun saya memahami rang undang-undang ini diwujudkan sudah pasti mempunyai niat yang baik tetapi jangan sampai ia membuka ruang kepada mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan membuka syarikat yang semata-mata bertujuan bagi memperdayakan orang ramai. Atas sebab itulah saya berpendapat apabila kat baru ini dilaksanakan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) harus memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau syarikat-syarikat yang bergabung dengan agensi tersebut. Saya membangkitkan persoalan ini kerana sejak kebelakangan ini banyak kes penipuan berlaku melibatkan syarikat-syarikat khususnya yang berkaitan.

Sebagai contoh baru-baru ini akhbar *Utusan Malaysia* memaparkan berita bagaimana 11 orang individu kerugian hampir RM6.3 juta selepas menjadi mangsa penipuan sebuah syarikat yang berselindung di sebalik urus niaga wang asing atau *Forex* dengan izin. Apabila mangsa-mangsa berkenaan membuat semakan dengan SSM, mereka mendapati syarikat itu telah pun ditutup. Persoalannya bagaimanakah sebuah syarikat pelaburan seumpama itu boleh dianggap sewenang-wenangnya didaftarkan di SSM? Apakah dengan membayar pendaftaran sebanyak RM2 seseorang ataupun mana-mana pihak boleh menubuhkan sesebuah syarikat?

Justeru itu, saya berpendapat sebelum memerlukan pendaftaran sesebuah syarikat, ia bukan setakat memerlukan seseorang itu mengisi borang semata-mata sebaliknya mereka perlu menyatakan dengan lebih terperinci kepada SSM apa jenis perniagaan yang mereka usahakan. Ini bagi membolehkan SSM mengetahui sama ada perniagaan sesebuah syarikat yang berdaftar dengan agensi itu boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai atau tidak. Kita tidak mahu mana-mana pihak mengeksploitasikan pendaftaran dengan SSM untuk menunjukkan perniagaan mereka sah daripada segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap akta baru ini akan turut mengambil kira bagaimana tindakan tegas boleh dilakukan ke atas individu yang membuka syarikat dan kemudiannya menutup syarikat sesuka hati selepas tidak membayar gaji pekerja mereka. Sebagai contoh pada 18 Mac yang lalu, lebih 20 orang pekerja pembersihan di tujuh buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi bagi menggesa tindakan tegas diambil ke atas sebuah syarikat kontraktor yang juga majikan mereka kerana tidak membayar gaji sejak Januari yang lalu.

Apa yang malangnya, syarikat yang beroperasi selama 8 tahun itu sudah berpindah lokasi ekoran premis yang didaftarkan dalam SSM pada tahun 2008 telah ditutup. Sekali lagi keadaan itu seolah-olah menunjukkan terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki bagi menangani kes seumpama itu oleh SSM. Mungkin boleh juga difikirkan bagaimana SSM boleh menyenaraihitamkan individu-individu yang terlibat dalam syarikat-syarikat yang melarikan diri setelah gagal membayar gaji mereka atau menipu orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berhubung peruntukan dan penubuhan syarikat yang terdapat dalam rang undang-undang ini, saya bersetuju dengan cadangan tersebut. Akan tetapi apa yang saya ingin cadangkan, pelaksanaan undang-undang perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelakkan ia diambil kesempatan untuk pihak yang tidak bertanggungjawab bagi melakukan kegiatan aktiviti pengubahan wang haram. Ini kerana terdapat laporan pihak berkuasa menunjukkan sesetengah sindiket sengaja membuka sebuah syarikat dan mendaftar dengan SSM bagi tujuan berkenaan.

■1650

Sebuah sumber memberitahu bagaimana yang turut terlibat dalam perbuatan itu ialah sindiket-sindiket judi haram. Mereka hanya membuka syarikat itu hanya sementara sebelum menutupnya dan membuka pula sebuah syarikat lain bagi mengaburi pihak berkuasa. Oleh itu saya berpendapat adalah wajar dalam menangani isu SSM perlu benar-benar tegas memantau perkembangan sebuah syarikat yang diragui perniagaannya. Jadi janganlah mereka kita biarkan mereka sekadar datang untuk mendaftar dengan meletakkan pelbagai jenis perniagaan tetapi hakikatnya ia digunakan untuk kegiatan jenayah.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan KPDNKK yang mengumumkan mulai tahun hadapan setiap urus niaga penjualan barangan persendirian seperti kereta, hartanah, dan telefon pintar boleh dibuat secara talian ataupun *online* perlu mendaftar dengan SSM. Langkah ini saya pasti akan mampu membantu mengelakkan orang ramai daripada menjadi mangsa tipu mana-mana individu. Sememangnya KPDNKK perlu memandang serius penipuan melalui perniagaan dalam talian ini. Ia memandangkan berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman baru-baru ini penipuan membabitkan pembelian e-Dagang mencatatkan jumlah kes penipuan paling tinggi apabila seramai 4,955 orang individu menjadi mangsa melibatkan kerugian RM16.5 juta.

Oleh itu, saya berharap akta baru yang bakal dilaksanakan ini juga akan memastikan pendaftaran syarikat yang melibatkan e-Dagang tidak dilakukan secara sewenang-wenangnya. Ini kerana kita bimbang apabila mereka mendaftar dengan SSM ia seolah-olah menjadi tiket kepada mereka untuk memperdayakan orang ramai bahawa perniagaan mereka sah di sisi undang-undang dan tidak mungkin akan melakukan penipuan.

Akhir sekali, saya tidaklah mahulah bercakap panjang. Saya ada beberapa persoalan yang untuk dirungkaikan oleh Yang Berhormat Menteri dan SSM iaitu SSM kena memastikan syarikat yang ditubuhkan tidak sekadar menjadi tempat *money laundering* maksud saya syarikat-

syarikat itu tidak dijadikan sebagai platform untuk menipu orang, maaf sebagai *money laundering*.

Saya juga ingin menggesa SSM mengambil tindakan tegas terhadap syarikat yang terlibat dalam perbuatan ketirisan hasil kerajaan. Saya juga ingin tahu apakah kesan Rang Undang-undang syarikat ini terhadap perjanjian TPPA? Rang Undang-undang ini sudah pasti memudahkan usahawan-usahawan memulakan perniagaan. Saya tertanya-tanya adakah TPPA yang berkuat kuasa yang akan berkuat kuasa nanti Rang Undang-undang ini akan memburukkan keadaan kerana ia bukan sahaja memudahkan rakyat Malaysia yang terlibat perniagaan tetapi sudah tentu memudahkan juga *foreigner* untuk terlibat dalam perniagaan di negara kita? Apakah akta syarikat yang baru ini boleh membantu untuk syarikat-syarikat menyediakan laporan kewangan yang lebih telus dan bertanggungjawab kerana kalau dulu semua syarikat kena audit tidak kira sama ada syarikat itu aktif ataupun domain, tidak aktif.

Rang Undang-undang ini difahamkan telah memberi kuasa kepada Menteri di mana yang tidak aktif atau pun domain tidak perlu diaudit lagi. Syarikat yang ditubuhkan kita semua tahu, kita tahu banyak syarikat ditubuhkan setiap hari syarikat-syarikat baru telah ditubuhkan. Jadi kita hendak tahu kalau sekarang ini sudah tentulah syarikat yang ditubuhkan berbanding dengan juruaudit yang kita ada pada hari ini jauh berbeza. Jadi apabila memandangkan semua syarikat kena audit maka oleh sebab keadaan hari ini semua syarikat kena audit sudah tentulah kualiti, saya percaya kualiti pengauditan itu mungkin tidak begitu sempurna ataupun tidak begitu tepat.

Jadi saya mohon penjelasan apakah akta syarikat yang baru ini boleh membantu untuk syarikat-syarikat menyediakan laporan kewangan yang lebih telus ataupun yang benar-benar bertanggungjawab? Mengenai Rang Undang-undang ini juga ia telah memperkenalkan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi memperkenalkan rejim tiada nilai par, Rang Undang-undang syarikat ini menghapuskan *authorized capital* ataupun modal yang dibenarkan. Kalau dulu saham dikeluarkan ikut *at par value*, sekarang *share* tidak perlu lagi *at par value*. Sekarang bergantung kepada NTA ataupun dengan izin *net tangible asset* ataupun apa-apa nilai yang dicadangkan oleh pemegang saham berdasar nilai sebenar syarikat tersebut.

Saya ambil contoh ini persoalannya sekiranya lembaga pengarah sebuah syarikat mencadangkan nilai saham mereka RM2 katakan mengikut NTA syarikat. Katakanlah nilai saham RM2 yang telah dicadangkan oleh lembaga pengarah sepatutnya mereka mencadangkan RM2 tetapi mereka menawar dengan RM1.50 katakan. Adakah ia menyalahi undang-undang ataupun bagaimana jika nilai RM2 tersebut ditawarkan lebih daripada RM2 katakan, ditawarkan RM 3 adakah ia merupakan satu kesalahan? Mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan.

Saya juga tertengok, tebal sangat dia punya, dua buku berat hendak baca ini. Fasal 615, tiga buku cuba kita tengok fasal 615 di bawah tajuk pengecualian di mana fasal 615 ini Menteri 651, Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, melalui perintah mengecualikan mana-mana orang, perbadanan atau kelas perbadanan daripada semua atau mana-mana peruntukan akta ini boleh bacalah ada satu dan dua.

Jadi fasal 615 ini memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Larut yang bijaksana untuk mengecualikan pemakaian undang-undang ini kepada mana-mana orang umpama ataupun kelas peranan. Sejauh mana, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri kita yang bijaksana ini akan menggunakan kuasa ini? Jadi oleh itu saya ingin menggulung perbahasan ini dengan berharap pelaksanaan akta baru ini akan memberi faedah kepada peniaga dan orang ramai. Dalam masa yang sama, kita mengharapkan pelaksanaan ini diiringi dengan pemantauan yang ketat demi kepentingan orang ramai. Jadi dengan ini Tanah Merah menyokong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Tanah Merah sedikit.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Hendak tutup sudah, boleh, boleh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Tanah Merah mengenai soalan terakhir yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tanah Merah kepada Yang Berhormat Menteri *to what extend the minister will use his power* lebih kurang begitu ya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Tanah Merah setuju kah peruntukan itu ada membenarkan Menteri beri kuasa tersebut ataupun tidak? Itu sahaja.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Kalau tanya saya Yang Berhormat Kuala Krai saya rasa perlu. Dalam apa-apa perlu ada satu seseorang yang membolehkan kata *final say*, kata putus. Walau bagaimanapun, itulah yang saya bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana beliau, kita hendak tahu bagaimana dia hendak guna kuasa dia? Ini super *power*. Okey, saya hendak tutup ini terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Jadi dengan ini Tanah Merah, Tuan Pengerusi Tanah Merah ini menyokong Rang Undang-undang Syarikat 2015 ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Selayang.

4.58 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Syarikat 2015. Pertamanya saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jawatankuasa Semakan Semula Undang-undang Korporat atau *Company Law Reform Committee* (CLRC) dan Jawatankuasa Konsultatif Isu-isu Perakaunan atau *Accounting Issues Consultative Committee* (AICC) menerbitkan Rang Undang-undang Syarikat 2015 yang kandungannya 620 fasal dengan 13 jadual.

Di dalam dua penggal saya menjadi Ahli Parlimen saya tidak pernah membahaskan Rang Undang-undang yang begitu besar dan begini tebal. Saya percaya Rang Undang-undang ini adalah yang terbesar sekali di dalam sejarah Parlimen yang mulia ini. Ini adalah memang satu

ruling yang telah dibuat a *massive achievement* saya ucapkan tahniah kepada semua yang terlibat.

Apa yang dikata oleh Yang Berhormat Tanah Merah tadi sejak Akta Syarikat 1965 dikuatkuasakan pada 1966, 35 kali dipinda dengan cara *piecemeal*. SSM dengan menubuhkan CLRC pada 17 Disember 2003 dengan *term of reference* untuk merombak undang-undang korporat dan menggantikan konsep perundangan korporat yang dinamik sejajar dengan saranan kerajaan ke arah memendekkan *procedure simplified process* yang mengurangkan kos perniagaan.

■1700

CLRC ini telah menjalankan tugas mereka dengan mengkaji undang-undang daripada negara seperti United Kingdom, Australia, New Zealand, Singapura, Hong Kong dan beberapa buah negara yang lain untuk pembaharuan undang-undang selaras dengan piawai antarabangsa dan trend dan juga mengambil kira *impact information technology*.

SSM juga telah menerima 183 daripada 188 syor CLRC dengan merumuskan 19 kenyataan dasar atau *policy statement*.

Hujah saya, bukan saya hendak membantah tetapi saya hendak sentuh beberapa perkara untuk tujuan menambahbaikkan rang undang-undang yang telah dibuat di sini. Pertama ialah pendekatan yang telah diambil oleh CLRC dan SSM iaitu melihat kepada negara-negara yang lain.

Di sini saya hendak mengingatkan kementerian bahawa kita tidak boleh mengimport model undang-undang syarikat daripada negara seperti United Kingdom atau Australia atau New Zealand dengan keseluruhannya dengan tidak mengambil kira sama ada undang-undang itu sesuai kepada budaya negara kita, sosioekonomi kita dan juga keadaan politik kerana bila undang-undang itu tidak sesuai, ini akan menjadi satu beban kepada rakyat dan ia juga menjadi satu halangan untuk menghadkan aktiviti ekonomi kita.

Contohnya, kalau kita melihat pada Australia, Australia telah mengadakan undang-undang syarikat mereka sejak tahun 1961 dengan tidak mengikut undang-undang *United Kingdom Companies Act 1948* dan pada tahun 2001 telah mengadakan satu perombakan mereka sendiri kerana masalah seperti *Enron and Worldcom* dan juga yang berada dengan syarikat-syarikat besar di Australia seperti *HIS Insurance* dan mereka mengeluarkan satu akta untuk menangani masalah mereka.

New Zealand juga tidak mengikut undang-undang United Kingdom dan memilih untuk mengikut Kanada dan *United States* untuk menggalakkan aktiviti membangunkan ekonomi mereka.

United Kingdom juga telah mengadakan akta baru, Akta Syarikat 2006 kerana mereka mengetahui bahawa akta mereka yang lama itu dengan izinnya, *seriously out of date* dan mereka sanggup memberikan tumpuan untuk menggalakkan perniagaan-perniagaan kecil untuk menggunakan syarikat dengan konsep bahawa "*think small first*".

Maknanya, tiap-tiap negara mengadakan undang-undang mereka untuk menangani masalah istimewa mereka. Kita hendak melihat sama ada perkara itu sesuai untuk negara kita. Bila kita mengadakan undang-undang untuk *simplification of the law* untuk memulakan dan memendekkan proses untuk menubuhkan syarikat, Yang Berhormat Tanah Merah tadi telah tanya dan saya juga hendak bertanya, bagaimana kita akan dapat kawal selia bahawa proses yang mudah ini tidak disalahgunakan di mana kita ada ramai kes mereka yang curi identiti, menggunakan nama kad pengenalan orang lain untuk menubuhkan syarikat untuk menipu?

Di RIMV, kita mengadakan satu sistem di mana kita ada biometrik. Sama ada SSM dan kementerian boleh menggunakan teknologi yang baru ini dan moden ini untuk mengesahkan bahawa mereka yang akan memberikan hanya satu kenyataan tanpa *statutory declaration* adalah benar dan sah dan bukan memudahkan mereka untuk menipu.

Kedua ialah satu inovasi bahawa tidak perlu untuk mengadakan satu perlembagaan. Pada saya, ini bukan satu perkara yang baik kerana memang penting bila kita mengadakan satu perhubungan di antara dua orang untuk mengadakan satu *basic document* supaya mereka mengetahui syarat-syarat tentang perhubungan itu. Persatuan juga mengadakan satu perlembagaan. Bagaimanakah kedua-dua pemegang saham akan mengadakan cara menentukan hak dan kepentingan mereka kalau mereka tidak ada satu *basic document* seperti perlembagaan?

Mengikut rang undang-undang ini, bila syarikat sendirian tidak mengadakan perlembagaan, hak mereka adalah seperti dalam rang undang-undang ini. Kalau kita melihat, seperti yang saya telah tunjukkan, tebal dan rumit.

Dato' KC Vohrah, Pengerusi CLRC pernah berkata tentang Akta Syarikat 1965 bahawa kalau melihat ke dalam Akta Syarikat itu adalah seperti dengan izin, *a wilderness*. Dia kata bahawa ini *lawyers get lost in the wilderness, what more the men and women who are to run the companies*. Peguam dan akauntan, mereka juga ada akses kepada laporan undang-undang tetapi orang biasa, mereka tidak akan mengadakan *law reports* untuk mengetahui apakah hak mereka dan apakah kepentingan mereka dan sama ada pengarah-pengarah itu telah melakukan sesuatu yang mereka ada hak untuk membantah.

Ini memang menjadi satu perkara yang begitu rumit. Kalau kita banding dengan apa yang kita ada dengan satu dokumen yang *simple* seperti *Table A* di akta, semuanya boleh tahu dengan jelas dan dengan satu cara yang *convenient* supaya mereka tidak hendak membaca akta ini.

Ini juga telah dibincangkan dalam *law reform* di Australia dan Australia juga telah membuat keputusan bahawa memang pentingnya untuk mengadakan satu memorandum dan artikel *of association* bahawa untuk melihat sahaja kepada akta itu tidak cukup untuk *internal management*, untuk *internal governance*. So, sebab itu saya meminta Yang Berhormat Menteri mengkaji semula sama ada lebih baik untuk mengadakan satu M&A yang *convenient* supaya orang biasa boleh mengetahui hak mereka.

Kedua ialah bila kita mengadakan *memorandum of association*, kita ada *object clause*. Dengan *object clause*, pelabur terutamanya pemegang saham minoriti yang akan melaburkan wang ke dalam syarikat, mereka akan mengetahui bagaimana wang itu akan digunakan dan untuk apa perniagaan.

■1710

Ada perniagaan di mana risikonya rendah, contohnya untuk menjadi pemaju di dalam satu hartanah yang mereka tahu memang akan mendapat keuntungan. Akan tetapi apabila tidak ada *object cost*, pengarah mendapat dana ini dan mereka menggunakan untuk perniagaan yang lain seperti *oil exploration* di tempat yang jauh, *far-flung and remote* dan juga tidak tahu sama ada *oil field* atau tidak. Apabila memasuki satu perniagaan *high risk, low return* dan rugi, pemegang saham minoriti ini tidak ada satu bantahan bahawa wang yang telah dilabur telah digunakan untuk perkara yang lain kerana dengan ada akta yang baru bahawa kapasiti yang tidak terhad ini memberikan satu masalah kepada pemegang saham, tidak tentu bagaimana pengarah akan menggunakan dana itu.

Kita boleh melihat kepada keadaan di Malaysia, kita bukan seperti di United Kingdom yang hendak menggalakkan peniaga-peniaga kecil untuk menubuhkan sebuah syarikat kerana kita ada *registration of business* tetapi keadaan di Malaysia, ramai yang menggunakan syarikat mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu sekurang-kurangnya dua orang pemegang saham dan syarikat persendirian sehingga 50 orang. Apabila kita melihat kepada syarikat-syarikat yang ada, mengikut laporan oleh SME Corp. bahawa 98% daripada 662,30 buah syarikat peniaga kecil dan sederhana (PKS). PKS majikan kepada 65% pekerja negara dan juga menyumbang 50% kepada KDNK dan 90% dalam sektor perbuatan adalah PKS.

Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai banyak syarikat di mana ada pemegang saham minoriti dan mereka juga memerlukan perlindungan dan hanya melalui *article of association* dan *memorandum of association*, ada satu *basic document* barulah mereka mengetahui syarat-syarat tertentu. So, saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula bagi mengadakan sebuah sampel MLA seperti yang kita masih ada. Perkara ini juga telah dikaji oleh *Hong Kong Law Reform Committee* dan mereka menolak cadangan di Hong Kong bahawa tidak perlu mengadakan perlembagaan dan mereka memutuskan bahawa memang perlembagaan itu adalah penting.

Perkara seterusnya ialah tidak perlu untuk mengadakan AGM. Ini memang akan memudahkan proses kepada pengurusan tetapi saya sekali lagi meminta Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula sama ada ini sebenarnya satu beban kepada pengurusan syarikat di Malaysia. Ini kerana kalau kita melihat kepada laporan SSM untuk tahun 2014, jumlah syarikat yang didaftarkan sehingga 30 Disember 2014 sebanyak 5.6 juta termasuk 1.1 juta buah syarikat, 3,744 buah kongsi terhad, *limited liability partnership* dan 1,980 buah syarikat berhad menurut jaminan.

Walaupun kita mengetahui kebanyakan syarikat adalah *dormant* tetapi di dalam 1.1 juta buah syarikat, hanya 115 buah syarikat sahaja yang gagal mengadakan AGM. Sebanyak 78

buah syarikat sahaja yang gagal membentangkan akuan dan 983 buah syarikat yang gagal menghantar *annual returns* dan 25 buah syarikat yang gagal memfailkan penyata *auditor*. Ini bermakna majoriti syarikat dapat mengikut dan mengadakan AGM mengikut jadual yang ditetapkan dalam Akta Syarikat dan ia bukan satu beban. Akan tetapi apa yang penting kepada pemegang saham terutamanya minoriti kerana memang mengikut syarikat *ownership* berbeza dengan *control*. *Control* diberikan kepada pengarah dan hanya satu tahun pemegang saham mendapat satu peluang untuk berjumpa dengan pengarah-pengarah yang telah mengambil wang mereka untuk bertanya dan menyoal hal tuju syarikat, masalah-masalahnya, bagaimana wang mereka telah digunakan dan apakah keuntungan dan dividen. Ini adalah penting untuk memberikan peluang kepada pemegang saham untuk berjumpa pengarah.

Walaupun akta baru ini memberikan kuasa kepada pemegang saham untuk meminta diadakan satu mesyuarat tetapi kita tahu budaya rakyat Malaysia bukan seperti budaya di United Kingdom atau Australia. Kita tidak selalunya dan biasanya memanggil satu mesyuarat untuk berjumpa pengarah, kita hendaklah mengetahui budaya kita. Memang penting kita hendak tanya tetapi ramai yang tidak akan memanggil mesyuarat khas untuk berjumpa pengarah. So, saya sekali lagi meminta Yang Berhormat Menteri mengkaji semula dan mengambil kira budaya kita adalah berlainan dengan budaya di United Kingdom atau Australia dan New Zealand kerana kita berlainan.

Saya berpindah kepada subjek yang lain iaitu kaedah pertimbangan perniagaan, *business judgment rules*. Mengikut seksyen 214 rang undang-undang ini, satu pembelaan istimewa diberikan kepada pengarah dan ini memang baik. Ini adalah untuk menggalakkan pengarah untuk membuat keputusan tanpa takut bahawa keputusan itu akan merugikan perniagaan kerana memang perniagaan akan mengambil risiko. Ada risiko yang tinggi, ada risiko yang rendah tetapi perniagaan tidak boleh- pengarah dan mereka yang mengurus syarikat takut untuk mengambil risiko tetapi apa yang kita mahu ialah mereka mengambil risiko dengan wajar, dengan *a proper purpose, reasonable risk taking*.

Seksyen 214 ini adalah bersamaan dengan *a business judgement rules* di Australia di bawah akta *Corporations Act 2001*. Kalau kita lihat kepada nota *Australian Corporate Law Reform Economic Program Proposals, reform paper number three* dengan izinnya saya membaca dalam bahasa Inggeris. "*The fundamental purpose of a business judgement rule is to protect the authority of directors in the exercise of their duties, not to insulate directors from liability. In the absence of an express statutory acknowledgment of a business judgement rule, companies and their shareholders will inevitably incur costs as a result of the failure by the company and its directors to take advantage of opportunities that involve responsible risk-taking.*"

■1720

Mengikut *Business Judgement Rule of Australia*, pengarah akan dapat pembelaan kalau mereka dapat menunjukkan dan memberikan bukti tentang empat perkara. Pertama ialah pengarah itu telah membuat pertimbangan perniagaan dengan suci hati bagi maksud yang sepatutnya. Dengan izin, *in good faith and for a proper purpose*. Kedua ialah pengarah tidak

mempunyai kepentingan persendirian yang material dalam hal perkara pertimbangan perniagaan itu. Perkara yang ketiga dimaklumkan tentang hal perkara pertimbangan perniagaan itu, setakat yang pengarah itu munasabahnyanya mempercayai sebagai sesuai di bawah hal keadaan itu. Keempat, mempercayai dengan cara rasional bahawa pertimbangan perniagaan itu adalah demi kepentingan syarikat.

Masalah ialah perkataan *rationally belief*, kerana bila kita mengadakan seksyen kita telah tukar istilah itu daripada *rationally belief* kepada *reasonably belief*, dan ini menimbulkan satu masalah kerana istilah *rationally believe* telah diputuskan oleh mahkamah di Australia. Ada satu makna yang istimewa dan berbeza dengan-ertinya *reasonably belief*. Dalam kes *Australia Securities and Investment Commission vs Rich* yang dilaporkan di dalam 2003 46 ECSR muka surat 504, hakim dalam kes itu, memutuskan bahawa *rationally belief* membolehkan ruang budi bicara kepada seorang pengarah yang lebih luas berbanding dengan *reasonably belief*. Hakim memutuskan bahawa *reasonably belief* itu terlalu sempit dan matlamat seksyen itu tidak akan dicapai dan memberikan pembelaan kepada pengarah, dan akan terjejas kegunaan seksyen ini apabila kita menggunakan *reasonably belief*.

Hakim berkata, *"if the evident shows that the defendant belief for his judgment was the best interest of the corporation and the belief was supported by a reasoning process sufficient to warrant describing it as a rational belief."* Pengarah itu akan mendapat perlindungan. Dengan izin, *"the judge rejected the argument by the Australian Securities and Investment Commission whether the director's belief is rational is to be determined by asking that is 'visionable an objection. The judge was concerned that if we adopted the interpretation for the ASIC there would be little scope for the section to operate."* Seksyen di *Australia corporations and 2001*, seksyen 1802.

Dipetik daripada *American Law Institute, American Law Institute* dalam *Principal of Corporate Governance: Analysis and Recommendation 1992*, telah keluaran satu kenyataan bahawa istilah yang dipakai *rationally belief* tujuan bahawa seksyen itu telah memberikan pengarah budi bicara yang luas. Pengarah akan melakukan kesalahan untuk membuat keputusan *risk taking* hanya dengan keputusan yang tidak rasional. Dikatakan *that he cannot rationally believe. American Law Institute* berkata, *"the face rationally believe is intended to it significantly wider range of discussion than the term reasonably belief to give the director a safe harbour from liability for business judgment that may arguably fall outside the term reasonable."*

Di Malaysia kita juga di dalam Akta Syarikat 1965, sudah memakai *business-rule* dalam seksyen 132 1B. Akan tetapi digunakan istilah *"reasonably belief"*. Hakim Mahkamah Tinggi dalam kes *Petra Perdana Berhad lwn. Tengku Datuk Ibrahim bin Tengku Indra Petra* yang dilaporkan tahun 2014 11 MLJ muka surat satu enggan mengikut keputusan hakim *the case ASIC v. Rich*, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa makna *rationally belief* dan *reasonably belief* adalah sama.

Akan tetapi ini kurang memuaskan, kerana ini keputusan hakim mahkamah tinggi dan seperti yang kita tahu. Hakim di mahkamah tinggi yang lain tidak ada obligasi untuk mengikut

keputusan yang dibuat dan keputusan ini boleh ditukar oleh mahkamah rayuan dan juga mahkamah Persekutuan. Kerana ada satu prinsip untuk *statutory interpretation* iaitu bila Parlimen dengan sengajanya menggunakan istilah perkataan yang berlainan daripada asal, maknanya tujuan ialah untuk mengadakan satu erti yang berlainan dan berbeza.

Kalau kita menggunakan *statutory interpretation principle* ini bermakna Parlimen dan kementerian bertujuan untuk menaikkan budi bicara kepada *reasonably belief* dan bukan sama dengan *rationally belief*, dan kalau ini berlaku memang akan menjejaskan satu seksyen yang begitu baik untuk memberikan satu budi bicara kepada pengarah tetapi akhirnya kita menjadi seperti yang ditakuti oleh hakim di Australia bahawa kegunaan ini terjejas. Oleh yang demikian inilah tempat dan masa yang sesuai sekali untuk Menteri mengkaji semula. Jangan kita tukar perkataan kalau kita sebenar-benarnya hendak mengenakan makna yang sama di antara *Australia-American Law Institute* dan sini.

Kalau kita ada satu tujuan yang berbeza, saya meminta menteri untuk memberikan penjelasan mengapa kita menggunakan *reasonably belief* dan tidak menggunakan *rationally belief* supaya ini ada dapat di dalam *Hansard* dan akan memberikan bantuan kepada mereka yang hendak mencari apa tujuannya kita tukar istilah yang ada.

Saya mengalihkan satu perkara yang berlainan iaitu tentang kewajipan dan tanggungjawab pengarah. Dalam *common law*, pengarah ada tanggungjawab- setia kepada syarikat dan hendak bertindak dengan maksud yang berpatutan- *act for proper purpose* CLRC telah memberikan syor untuk mengekalkan tanggungjawab *common law* dengan menjayakan undang-undang *statutory*, dengan izin, "*the CLRC recommends that the common law duties of the director to be qualified under this purpose of 'statute' 2015*" dan ini telah dibuat dalam seksyen 210, sehingga 234.

Akan tetapi CLRC ingin memberikan syor untuk pengarah bertindak untuk kebaikan syarikat membuat keputusan dengan obligasi mengambil kira tanggungjawab sebagai *a good corporate citizen to confirm to public expectation and to complies social obligations to employees, creditors, the community and 'should operate' other stakeholders*. CLRC mendapat bahawa ini boleh dilakukan sebagai CSR mengikut *Statute* yang lain. Akan tetapi pada saya kemungkinan CLRC telah silap bahawa ini adalah penting untuk pengarah diberikan satu garis panduan bagaimana mereka hendak melakukan tanggungjawab mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Selayang, panjang lagi ya, kita sambung hari Isnin ini ya.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih

[Dewan di tangguhkan pada pukul 5.30 petang.]